

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 14)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2003	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.39	(Halaman 15)
Maksud B.40	(Halaman 53)
Maksud B.41	(Halaman 84)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2003	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.39	(Halaman 15)
Maksud P.40	(Halaman 53)
Maksud P.41	(Halaman 84)
 Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	 (Halaman 52)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGPN., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)

Yang Berhormat	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
”	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
”	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
”	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
“	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
“	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)

Yang Berhormat	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
“	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
“	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
“	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
“	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
“	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
“	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
“	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
“	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
“	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
“	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
“	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
“	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong SetiausahaRoosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Salamat
Shahrom bin Haji Hasan**Penolong Setiausaha**Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****DOKUMENTASI**Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****MESIN CETAK**Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof**JURUBAHASA SERENTAK**Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin**BENTARA MESYUARAT**Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****KOMPUTER**Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN****PERUNDANGAN**Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 29 Oktober 2002****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 - Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat) tidak hadir]

2. **Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan peranan Pos Malaysia Berhad di dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab untuk pengedaran serta penghantaran surat-surat rakyat menepati tempoh masa yang ditetapkan terutama di dalam penghantaran surat Pos Laju.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam penghantaran surat-surat dan *item* pos laju, Pos Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan surat-surat dan *item* pos laju diserahkan dengan selamat dan sempurna mengikut piawaian penyerahan yang ditetapkan.

Sebagai contoh Pos Laju menyediakan perkhidmatan serahan pada hari yang sama bagi serahan tempatan iaitu dalam lingkungan bandar raya dan bandar-bandar utama dan serahan keesokan hari, *the next day delivery*, bagi 35 buah bandar utama di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Sementara itu piawaian serahan bagi kesemua bandar-bandar di dalam negeri yang sama ialah satu hari selepas diposkan. Manakala piawaian penyerahan di antara kawasan-kawasan luar bandar dalam negeri yang sama ialah dua hari selepas diposkan. Sekianlah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pejabat pos merupakan satu tempat yang paling diminati dan keperluan pelanggan untuk menyelesaikan pelbagai bil-bil untuk disempurnakan. Tuan Yang di-Pertua, orang kampung hanya tanya pejabat pos sahaja, yang lain-lain tidak tahu untuk pembayaran bil-bil. Apa yang berlaku hari ini ialah kekurangan kakitangan dan juga kekurangan pegawai-pegawai pos dan juga posmen dan kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengurusan yang telah pun dijalankan oleh pihak pengurusan pos terutama di kawasan saya.

Soalannya, adakah tidak kerajaan mencadangkan supaya penambahan kakitangan pos di luar-luar bandar yang mana keperluannya amat sangat, sebagaimana yang saya katakan tadi, orang kampung hanya tahu pejabat pos, terutama kerani-kerani dan juga posmen-posmen ini. Terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, memang betul di kampung-kampung atau di kawasan luar bandar *post office* yang memainkan peranan penting dan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat di mana-mana pejabat pos yang kekurangan kakitangan, Pos Malaysia sentiasa mengkaji dan menambah kakitangan di *post office* yang cukup sibuk dan di samping itu kursus-kursus motivasi, latihan-latihan sentiasa, diberikan kepada kakitangan pejabat pos supaya perkhidmatan mereka akan meningkat dan kita berharap dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh Pos Malaysia Berhad semua pejabat

pos di bandar raya ataupun di kawasan luar bandar agar memberi perkhidmatan yang memuaskan.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana memberitahu kita ada kursus motivasi diberi kepada pekerja-pekerja lebih lagi saya harap ini merangkumi pekerja-pekerja yang berhadapan dengan orang ramai di kaunter-kaunter mereka.

Saya ingin tahu macam manakah pihak kementerian menentukan motivasi ini berkesan oleh kerana tiap kali saya pergi ke pejabat pos, saya nampak pekerja-pekerja di sana yang berhadapan dengan orang ramai itu tidak bermaya, macam dia, kadang-kadang dia benci dengan orang yang hendak mengganggu mereka dan kita orang ramai ini, orang biasa ini, macam terpaksa tunduk kepada mereka supaya mereka melayan kita dan itu pun macam mereka keberatan betul hendak melayan kita.

Jadi apakah kayu ukur untuk menentukan pekerja-pekerja di hadapan seperti ini memang ada *enthusiasm* untuk melayan orang ramai.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerani-kerani kaunter perkhidmatan pejabat pos diingatkan supaya memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai yang mana kakitangan atau pekerja-pekerja pejabat pos yang tidak bekerja secara gesaan mereka akan diberi amaran dan kalau mereka berterusan ya, atau tidak memberi layanan yang baik kepada pelanggan-pelanggan, atau mereka yang melanggar peraturan-peraturan, mereka akan diambil tindakan tatatertib.

3. **Tuan Haji Muhyidin bin haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memperluaskan 'syarat beli timbal balas' yang dikenakan kepada pembekal-pembekal peralatan ketenteraan daripada kelapa sawit kepada keluaran pertanian yang lain seperti getah dan kelapa kering yang turut mengalami kejatuhan harga yang teruk.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kementerian telah mengambil tindakan untuk memasukkan elemen timbal balas dalam perolehan-perolehan barangan kapital bagi kegunaan Angkatan Tentera Malaysia. Komponen timbal balas ini bukan hanya terhad kepada kelapa sawit sahaja tetapi termasuk komoditi-komoditi lain seperti getah, kelapa kering, koko dan peralatan habisan termasuk produk-produk elektrik dan elektronik.

Tujuan kementerian memasukkan elemen ini untuk pembelian-pembelian tersebut adalah bagi memperolehi pulangan ekonomi yang maksimum untuk negara melalui pasaran komoditi serta produk-produk tersebut di pasaran di mana penglibatan negara tidak wujud atau terhad serta bagi mengurangkan aliran mata wang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perolehan kapal selam, misalnya komponen timbal balas adalah sebanyak 35% daripada nilai kontrak yang mana terdiri dari 25% komoditi kelapa sawit serta 10% komoditi-komoditi lain serta perkhidmatan. Elemen timbal balas ini juga akan diambil kira dalam pembelian-pembelian peralatan kapital yang lain yang sedang dirundingkan oleh kementerian ini.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa gembira dengan apa yang disebut bahawa pihak kementerian telah mempelbagaikan tetapi semalam kita dikejutkan dengan satu berita bagaimana Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk membenarkan negara kita dijadikan tempat pusat latihan serantau bagi menangani keganasan.

Tindakan ini seolah-olah kita bersetuju dengan tuduhan bahawa negara kita menjadi sarang kepada keganasan serantau [*Dewan riu*] dan ia secara tidak langsung mendedahkan negara kita kepada pengganas-pengganas antarabangsa untuk menjadikan negara kita sebagai sasaran di mana di sini tempat dilatih.

Saya minta kalau boleh beri perhatian sikit pasal ada kaitan dengan apa yang dijawab tadi. Dari segi logiknya sepatutnya Filipina lebih berhak kerana mereka

menghadapi masalah keganasan. Kita yang aman, yang tidak ada berlaku letupan dan sebagainya telah menerima sedang ia akan menjadi sasaran kepada keganasan.

Soalan saya, adakah masalah ataupun syarat beli timbal balas ini juga meliputi *service-service* ini atau kita terpaksa tunduk apabila mereka memberi jaminan untuk membeli bahan-bahan mentah kita, maka kita tunduk dengan tekanan ataupun desakan Barat untuk menubuhkan benda-benda ini, yang memberi kesan buruk jangka panjang kepada negara kita. Minta jawapan.

Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun persoalan ini tidak ada hubung kait langsung saya rasa dengan apa yang dibangkitkan tentang timbal balas ini. Walau bagaimanapun suka menyatakan kepada Yang Berhormat Hulu Terengganu seharusnya tidak takut. Orang yang takut ini adalah pengganas saja. Kalau dia mengganas, dia takut kena tangkap dan untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, di mana kita seharusnya kagum kerana pengiktirafan dunia kerana kebolehan, keupayaan negara kita menangani masalah keganasan di rantau ini, [*Tepuk*] telah mendapat pengiktirafan, semenjak, contohnya kes pelanunan yang ada.

Lanun di Selat Melaka, lepas itu rompak dan berbagai-bagai kejadian penyeludupan dan penculikan di pulau-pulau di negara kita. Tidak banyak negara di rantau ini yang telah mendapat pengiktirafan daripada dunia termasuk Amerika Syarikat, negara yang dianggap sebagai kuasa terkuat di dunia masa kini, mengiktiraf bahawa kita mempunyai pendekatan yang begitu sistematik yang begitu teratur bagi menangani masalah pelanunan, kes penculikan di negara ini.

Maka dengan itu dunia seperti apa yang berlaku dalam persidangan APEC baru-baru ini mengiktiraf keupayaan kita. Kita tidak harus gentar, tidak bererti kalau diadakan pusat untuk membanteras keganasan di negara ini, bahawa kita akan mempelawa semua bala tentera dari negara yang lain, kita harus meneliti terlebih dahulu, jangan terus kritik, ini adalah barang yang tidak baik. cuma kemungkinan sistem yang ada kita akan menggunakan pakar-pakar tertentu dan yang dilatih ialah anggota tentera kita di rantau ini termasuk negara kita dan kemungkinan negara-negara jiran. Tidak termasuk daripada negara-negara kuasa asing untuk berlatih di sini kerana menangani masalah yang ada di negara ini ialah bala tentera kita, PDRM dan juga pasukan-pasukan keselamatan yang lain. Tidak bererti bahawa datang tentera Amerika Syarikat.

Saya rasa Yang Berhormat jangan gentar, negara ini tidak pernah akur dan tunduk kepada tekanan mana-mana kuasa di dunia. Mungkin PAS sahaja takut kut? Atau Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu kerana mereka tidak tahulah saya ada sebab saya pun bimbang juga.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Ketawa*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Walaupun demikian kita bersyukur ke Allah S.W.T. kerana kita yakin bahawa dunia pada hari ini mengiktiraf bahawa negara ini berkeupayaan untuk mewujudkan satu pusat. Kita akan meneliti sejauh mendalam mengenai perkara ini. Kalau dia menuju ke arah kebaikan, insya-Allah kita akan melaksanakannya dengan baik.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah cara timbal balas ini merupakan suatu pendekatan yang terbaik dan kita ingin tahu, pembelian senjata ini daripada negara mana yang menjadi tumpuan negara kita? Dan apakah sebabnya, adakah kerana kecanggihan senjata-senjata yang dibeli itu daripada sesuatu negara yang tertentu. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Timbal balas ini untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Larut, timbal balas dilaksanakan adalah atas dasar kerana ada perundingan di antara pembekal dengan pembelinya. Negara Malaysia membeli peralatan ini, pembekal yang menentukan.

Contohnya kalau mereka berkehendakkan satu-satu produk, koko ataupun kelapa sawit, maka mereka akan tekankan dalam perundingan tersebut. Perjanjian yang akan dimeterai oleh kedua-dua negara dan kemungkinan juga kita dapati bahawa kita dahulu tidak mempunyai pasaran, tidak mempunyai *linkages* dengan izin. *Market penetration* di

setengah-setengah tempat kita tidak mempunyainya dengan penggunaan ini maka kita akan dapat memperkenalkan dan memasarkan barangan kita.

Di samping itu, memang saya akui, saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa sebagainya daripada faktor yang kita ambil kira ialah oleh kerana kecanggihan, keupayaan negara tersebut mengeluarkan barangan peralatan persenjataan yang boleh dimanfaatkan oleh negara kita. Di samping itu juga kita menekankan tentang bagaimana kita dapat memanfaatkan *transfer technology* dengan izin supaya besok nanti anak-anak muda kita rakyat di negara ini akan berkeupayaan untuk menyelami pengalaman mereka dan pengetahuan untuk membuat peralatan-peralatan tersebut akhirnya. Terima kasih.

[Soalan No. 4 – Y.B. Puan Hajah Sukinam Domo (Batang Sadong) tidak hadir]

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Haji Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian) tidak hadir]

[Soalan No. 6 – Y.B. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop (Alor Gajah) tidak hadir]

7. Tuan Tiong Thai King (Lanang) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah projek Empangan Hidroelektrik Bakun akan dimulakan, dan
- (b) adakah kerajaan telah mengenal pasti kontraktor yang mengurus projek ini dan jumlah kos projek ini

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja sivil pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun atau *Main Dam* telah dimulakan pada 8 Oktober 2002. Sebelum daripada ini komponen terowong pelencongan sungai telah disiapkan. Kontraktor yang telah berjaya mendapat kontrak pembinaan empangan ini ialah Konsortium Malaysia-China Hydro Joint Venture yang mengemukakan harga terendah.

Kos bagi pakej empangan utama ini ialah RM1.788 bilion. Syarikat pelaksana iaitu Sarawak Hidro Sdn Berhad sedang dalam proses menawarkan kontrak bagi kerja-kerja elektrik dan mekanikal. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan itu tadi. Kita difahamkan bahawa ataupun sudah dimaklumkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa kerja-kerja *civil works* telah pun bermula pada 8 Oktober 2002.

Kita pandang berat projek ini tentang persekitarannya. Oleh yang demikian, saya ingin tanya adakah *environmental audit* sudah pun dibuat kerana kalau kerja *civil works* sudah bermula seharusnya *environmental audit* terus dibuat juga serentak. Adakah *environmental consultant* telah pun *employed* oleh syarikat-syarikat yang bertanggungjawab. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya penilaian alam sekitar atau EIA telah pun dibuat di mana Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak telah meluluskan pemindahan kelulusan EIA yang telah diberi kepada Bakun Hidroelektrik Corporation pada 20 Februari 2002 yang lalu dan pihak kontraktor dikehendaki mematuhi sepenuhnya syarat-syarat kelulusan EIA tersebut

Di antaranya kalau boleh saya sebutkan ialah SHSB atau Sarawak Hidro Sdn Berhad akan memastikan semua aspek keselamatan empangan dipatuhi. Memastikan adanya *emergency respond plan* dengan izin dan reka bentuk dan pembinaan empangan dapat menahan gempa bumi melebihi 6.4 pada skala richter serta reka bentuk dan pembinaan empangan mematuhi piawaian ICOLD (*International Committee On Large Dam*) ertinya kita tidak buat sembarangan Tuan Pengerusi kita dapatkan penilaian dan nasihat daripada ICOLD tadi.

Dan juga pengeluaran kayu balak dan sebagainya sentiasa dimonitor oleh pihak yang berkenaan supaya projek ini bersifat mesra alam dan tidak melakukan sebarang pencemaran ataupun kerosakan kepada alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Di antara faktor yang akan *to make it viable for Bakun* ialah pelaburan *aluminium smelting plan* di Bintulu dan Bakun ini dijangka akan mengeluarkan 2,400 kilowatt kuasa. Dengan itu ada lebih *power* yang akan *digeneratekan* oleh Bakun.

Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sudah membuat keputusan sama ada *power* yang ada *generated* di Bakun ini dibawa ke negeri Sabah dan apakah kerajaan sudah membuat perkiraan tentang premium yang akan dibayar oleh pihak pengguna di 'Sabah' nanti. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat tadi adakah ianya akan dijual keluar dari negeri Sabah bukan?

Tuan Wilfred Madius Tangau: Sarawak.

Tuan Hashim bin Ismail: Daripada Sarawak Maafkan saya. Sebenarnya setakat ini kita belum membuat perancangan yang terperinci tentang perkara itu dan kemungkinan untuk jangka masa panjang kita akan membekalkan bekalan elektrik ini ke Sabah dan tidak lebih daripada itu. Sekarang ini kita dapati bahawa ada sebuah syarikat daripada Dubai yang akan tadi Yang Berhormat sebut tentang *aluminium smelting* bahawa dia akan melaburkan pelaburannya ke sini lebih kurang RM8 bilion dan sebahagian daripada janakuasa itu akan dijual kepada syarikat ini untuk tujuan peleburan aluminium.

Ini merupakan suatu pelaburan yang terbesar daripada Asia Barat iaitu daripada Dubai. Yang kedua kita belum lagi dapat menganggarkan berapakah kadar yang akan dibayar oleh rakyat Sarawak dari segi penggunaan elektrik ini. Terima kasih.

8. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pendidikan menyatakan keputusan Malaysia dalam "The Third International Mathematics and Science Study" secara terperinci mengenai pencapaian pelajar dari sekolah berbagai aliran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meringkaskan jawapan ini kerana jawapan ini terlalu panjang, dia itu terdapat dalam sebuah buku, panjang. Jadi saya cuba meringkaskan kepada Yang Berhormat.

Dalam "The Third International Mathematics and Science Study", Malaysia mendapat tempat ke-16 bagi mata pelajaran Matematik dan tempat ke-22 bagi mata pelajaran Sains. Kajian tersebut tidak membuat analisis bagi pelajar mengikut aliran sekolah kerana setiap pelajar yang mengambil bahagian dikira sebagai mewakili Malaysia.

Kajian ini melibatkan 38 buah negara termasuk Malaysia. Di Malaysia, kajian ini telah ditadbir kepada pelajar-pelajar Tingkatan 2 pada bulan Oktober 1998. Tujuan Malaysia melibatkan dalam kajian ini adalah untuk mengetahui kedudukan negara berbanding dengan negara lain dalam mata pelajaran Matematik dan Sains. Hasil kajian boleh membantu perancangan yang berkesan ke arah meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran bagi Matematik dan Sains. Empat fokus kajian ialah:

- (i) pencapaian pelajar dalam Matematik dan Sains,
- (ii) kurikulum Matematik dan Sains,
- (iii) pengajaran Matematik dan Sains dan
- (iv) sikap pelajar terhadap Matematik dan Sains.

Keputusan bagi Matematik yang saya dapati di sini ialah Malaysia mendapat skor puratanya ialah 519 manakala Singapura menduduki tempat yang pertama di mana skornya ialah 604. Bagi Sains pula, Malaysia mendapat skor purata 492 iaitu masih dalam skor purata antarabangsa. Yang mendapat tempat pertama bagi Sains ialah Chinese-Taipie yang mendapat skor 569 manakala Singapura jatuh ke tempat kedua yang mana skor puratanya ialah 568. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tujuannya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah untuk mengetahui apakah pencapaian pelajar kita di dalam international standard. Tetapi yang dikatakan mereka ini semua mewakili Malaysia. Memang betul tetapi bukankah kerajaan ataupun kementerian juga ingin tahu hendak membuat satu analisis, saya percaya yang mewakili Malaysia ini adalah pelajar-pelajar daripada berbagai aliran dan berbagai bangsa.

Seperti Singapura telah membuat analisis ke atas pencapaian pelajar mereka mengikut bangsa yang seperti *96% of the Chinese students in the top – International Top Half why 83% of a Malay students in the International Top Half*. Ini kerajaan Singapura setelah membuat analisis. Saya difahamkan mereka tidak membuat analisis untuk kita Malaysia tetapi tidak hendak buat analisis. Yang saya pohon ialah berikan data-data, siapa, berapa orang dari Malaysia, siapa mereka, apakah skor mereka supaya kalau kerajaan tidak mahu buat analisis pun pihak DAP buat analisis. Kita sendiri dapat tahu mengapa adakah perbezaan daripada sekolah yang lain dan mengapa ini akan memberi kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalanlah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ini akan memberi kita satu maklumat untuk mempertingkatkan pelajaran atau bagaimana. Ini adalah satu maklumat yang *very useful* mengapa kerajaan tidak buat. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen katakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalanlah, soalan.

Puan Chong Eng: Setiausaha Parlimen katakan dia keputusannya ada dalam satu buku. Bolehkah saya dapatkan satu salinan buku itu. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat hendak memberi beberapa cadangan kepada kita, mengapa analisis ini tidak dilakukan, saya rasa kita masih menaruh kepercayaan kepada EPRD, di mana mereka membuat kajian secara profesional. Dan di situ ada beberapa perkara yang telah diambil, misalnya ya, kita libatkan 150 buah sekolah di seluruh Malaysia, di mana 5,713 orang pelajar telah diambil dan 153 orang guru Matematik dan 150 guru Sains dan kita gunakan statistik-statistik daripada Kanada, ini yang kita lakukan secara rawak, maksud saya.

Dan daripada angka-angka tadi, sudah kita buat pecahan, sebab itu kita ada juga analisis ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu saya ingat bukan soalan Bukit Mertajam. Dia hanya tanya mengapa apa yang diperlu itu kita tak buat, jadi itu jawapan cukuplah, lain tak perlulah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak jelas kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam ini tadi, bahawa analisis yang kita lakukan itu adalah bertepatan. Jadi, saya tidak tahulah kenapa Ahli Yang Berhormat hendakkan pecahan-pecahan yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat yang mengambil perhatian dalam perkara ini. Terima kasih.

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Seorang Ahli: Ya, belum jawab lagi itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Seorang Ahli: Cukuplah.

Puan Chong Eng: Belum jawab lagi, boleh dapat senaskhah buku itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan tambahan satulah, satu sahaja, jadi dia sudah jawab. Kepong.

Beberapa Ahli Pembangkang: [Bising]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong tidak ada soalankah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Seorang Ahli: Kepong hantam, Kepong hantam. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Hahahaha. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan tak ada Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak soalan, banyak soalan, berapa yang saya dibenarkan? Banyak soalan ya.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada kita semua, adakah keputusan kerajaan mengajar Matematik dan Sains di semua peringkat berdasarkan kepada *The Third International Mathematics and Science* tadi. Dan ini menunjukkan *home language* di Singapura adalah menggunakan Inggeris, dan sebab itu mereka itu dari semua peringkat menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar bahasa Matematik dan bahasa Sains, kerana Matematik itu merupakan satu bahasa dan Sains pun merupakan satu jenis bahasa.

Dan tidak bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana pihak kerajaan membuat keputusan sedemikian dan adakah sekarang pihak kerajaan dan kementerian sudah pun membuat keputusan, sebab saya diberitahu bahawa keputusan belum dibuat lagi, cuma mereka hendak mengetahui *respond* daripada pelbagai pihak. Bolehkah? Banyak lagi soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama, saya jawab balik [Ketawa]

Seorang Ahli: Yah, itu dia, sama-sama masuk 'terjun' lagi, yah itu dia.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Betulkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak tepatlah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Itu sudah saya jawab ya.

Keduanya, ialah boleh katakan bagaimana kerajaan buat keputusan untuk mengajar ini dalam bahasa Inggeris. Saya perlu ingatkan sekali lagi kepada Yang Berhormat, terutama sekali dari Kepong yang pemikirannya terkepung. Iaitu, kita harus ingat, saya tegaskan sekali lagi, mata pelajaran Bahasa Inggeris, sebagai satu mata pelajaran, itu kita berasingan. Hari ini kita bercakap pengajaran Matematik dan Sains di dalam bahasa Inggeris, iaitu bagaimana kita menggunakan bahasa Inggeris sebagai alat untuk memperolehi ilmu.

Di sini kita bercakap mengenai dengan saintifik literasi Yang Berhormat. Oleh itu, saya beritahu Yang Berhormat juga pada hari ini secara tegas, kita mendapat pandangan, maklumat dan semuanya berdasarkan kepada nasihat profesional. Daripada para 'educationist' dan juga daripada beberapa kajian yang itu. Malah baru-baru ini telah saya sebutkan, kajian yang telah dilakukan di Britain yang saya katakan, di mana anak-anak itu terdiri daripada orang dari *subcontinent*, dengan izin, dan apabila kita lihat keputusan bahasa Inggeris mereka, prestasi rendah, tetapi prestasi Matematik dan Sains begitu meningkat. Jadi, di sini bukan persoalannya bahasa itu, iaitu pengetahuan anak-anak itu untuk menangkap segala macam konsep dan ini memudahkan mereka.

Insya-Allah, saya telah katakan tadi, kita lakukan ini adalah sesudah kita mendapat nasihat dan beberapa kali mesyuarat dan sebagainya, dan akhirnya ini keputusan yang

telah kita capai, bukan untuk menganiaya mana-mana pihak. Ini adalah kepentingan, dengan tegas saya katakan untuk generasi kita pada masa yang akan datang.

Satu lagi perkara yang harus saya tegaskan di sini, Yang Berhormat, iaitu kalau kita bercakap mengenai dengan dunia hari ini, kalau kita bercakap mengenai dengan saintis yang terdapat di Malaysia, kita di sekitar, ini di sekitar maksud saya, 20,000. Kalau kita bandingkan dengan negara Jepun, mereka mempunyai dua juta, jadi di mana kedudukan Malaysia pada tahun 2020 nanti, apakah dapat kita menguasai dunia, kalau kita mahu jadi satu bangsa yang maju. Terima kasih.

9. Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan] minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah mesin haemodialysis yang sedia ada di Hospital Teluk Intan dan apakah langkah yang akan diambil supaya lebih pesakit diberi peluang untuk mendapat rawatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga September 2002, terdapat lapan buah mesin haemodialysis dan bilangan pesakit seramai 30 orang di Hospital Teluk Intan.

Langkah-langkah yang diambil supaya lebih ramai pesakit mendapat rawatan adalah dengan menambah bilangan mesin haemodialysis iaitu sebuah mesin haemodialysis akan diperolehi sebelum akhir tahun ini dan sebuah lagi akan diserahkan pada tahun 2003.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Mengenai mesin haemodialysis di hospital, saya nampak mesin haemodialysis di hospital kerajaan memang tidak cukup untuk merawat pesakit, bukan sahaja di Teluk Intan bahkan di seluruh negara. Untuk kita merawat pesakit buah pinggang yang sedia ada, maka pihak NGO kadang-kadang terpaksa menubuhkan pusat haemodialysis di sesuatu kawasan untuk membantu pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan. Jadi, saya ingin tahu apa bentuk bantuan pihak NGO dapat memohon kepada pihak kementerian misalnya sama ada mereka boleh mohon dari segi bantuan kewangan, peralatan ataupun ubat-ubat dari pihak kementerian dan adakah pihak kementerian ingin mencadangkan segala sumbangan orang ramai kepada pusat haemodialysis ini yang ditubuhkan oleh pihak NGO secara automatiknyanya dapat pengecualian cukai pendapatan ataupun tax exemption. Sekian, terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah haemodialysis ini, sebenarnya kerajaan telah pun meluluskan *matching grant* dan perkara ini telah pun dibincangkan semasa Belanjawan di peringkat dasar di mana Ahli-ahli Yang Berhormat juga ada mengatakan bahawa syarat-syarat kelayakan untuk mendapatkan *matching grant* ini adalah terlalu ketat dan oleh yang demikian, pusat-pusat NGO ini tidak dapat memperolehi *matching grant* daripada kementerian.

Jadi, kita telah pun membincangkan perkara ini dan telah bersetuju supaya syarat-syarat untuk mendapatkan *matching grant* ini dilonggarkan khususnya seperti pada masa kini, sesuatu NGO itu mesti ada sekurang-kurangnya sepuluh mesin sebelum layak.

Jadi, kita telah bersetuju kerana syaratnya terlalu ketat dan supaya ianya akan dilonggarkan supaya lebih banyak lagi NGO boleh memohon mendapat *matching grant* ini daripada kementerian untuk mewujudkan pusat-pusat haemodialysis.

Itulah sahaja yang kita boleh dan selain daripada itu, buat masa ini bantuan yang kita beri kepada pesakit-pesakit adalah dalam bentuk subsidi rawatan yang sebenarnya disalurkan melalui *National Kidney Foundation* di mana kalau pusat-pusat ini mempunyai pesakit-pesakit yang tidak mampu, mereka boleh merujuk kes ini kepada *National Kidney Foundation* dan boleh meminta subsidi melalui *National Kidney Foundation*, itulah langkah-langkah yang kita telah ambil, dan selain daripada itu, kerajaan juga sedar tentang masalah ini dan kementerian telah diberi arahan supaya mewujudkan pusat haemodialysis di semua hospital daerah sebelum akhir tahun depan. Jadi, ini adalah di antara langkah-langkah yang kita telah ambil setelah menyedari betapa sukarnya masalah yang dihadapi oleh pesakit-pesakit buah pinggang ini.

Dan daripada segi sumbangan kepada pusat-pusat haemodialysis ini, ini tergantung kepada pendaftaran sesuatu pusat tersebut. Kalau pusat-pusat haemodialysis ini mendapat pengecualian daripada Kementerian Kewangan, maka sumbangan yang mereka berikan itu juga akan turut mendapat pengecualian cukai.

Tuan Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Di banyak pusat haemodialysis, yang diuruskan oleh NGO, oleh kerana *waiting list* pesakit buah pinggang yang panjang, badan sukarela ini sanggup mengadakan tiga *shift* sehari, sampai pukul 12.00 malam, tetapi dengan adanya kriteria kementerian yang baru diketatkan iaitu mesti ada *qualified nurse* setiap masa, masalahnya adalah kekurangan *qualified nurse* dan ini telah menghindar banyak pusat dialysis mengadakan lebih banyak *shift*lah, ini bermakna banyak pesakit tidak boleh mendapat rawatan.

Soalan tambahan, apakah langkah untuk mengatasi masalah kekurangan *qualified nurse* di negara kita dan untuk sementara masa, adakah kementerian membenarkan lebih ahli *personnel* perubatan dari luar negara seperti India atau Myanmar untuk berkhidmat di sini. Terima kasih.

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, syarat mengadakan *qualified nurse* ini adalah salah satu daripada syarat yang dikenakan bukan sahaja untuk pusat-pusat NGO sahaja, malahan di semua pusat haemodialysis yang dikendalikan oleh kerajaan, kita cuma memulakan kalau kita ada kakitangan yang cukup mahir untuk mengendalikan pusat-pusat tersebut.

Jadi ini adalah salah satu yang kita tidak boleh beri sebarang kelonggaran kerana ini adalah satu keperluan asas untuk mewujudkan sesuatu pusat haemodialysis. Dan selain daripada itu, saya tidak tahu sebenarnya bahagian kedua soalan Yang Berhormat, sebenarnya pakar-pakar perubatan daripada luar negara, yang kita benarkan ialah untuk perkhidmatan dengan pihak-pihak kerajaan, tetapi untuk pihak-pihak swasta itu, mereka perlulah membuat permohonan secara rasmi kepada Kementerian Kesihatan dan juga kepada pihak Imigresen untuk mendapat kelulusan sebelum mereka mengambil sesiapa untuk berkhidmat.

10. Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur] minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah tahap kegunaan elektrik di negara ini dan adakah bekalan yang dijanakan kini dapat memenuhi keperluan elektrik kediaman serta industri tempatan memandangkan banyak aduan diterima mengenai gangguan bekalan elektrik.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa negara ini mempunyai bekalan elektrik yang mencukupi bagi memenuhi keperluan elektrik negara, termasuk bagi kediaman serta industri tempatan. Ketika ini permintaan maksimum bagi tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia adalah berjumlah 10,730 megawatt sedangkan keupayaan terpasang di Semenanjung Malaysia pada masa ini adalah sebanyak 14,045 megawatt.

Ini bererti Semenanjung Malaysia mempunyai simpanan elektrik yang amat selesa sebanyak 30.9%.

Bagi negeri Sabah keupayaan penjana adalah sebanyak 786 megawatt, sedangkan permintaan maksimum adalah 391 megawatt sahaja, ini bermakna negeri Sabah mempunyai simpanan elektrik sebanyak 101%.

Bagi negeri Sarawak pula, keupayaan terpasang adalah berjumlah 861 megawatt, manakala permintaan maksimum adalah 554 megawatt, simpanan elektrik di negeri Sarawak ialah 55.4%.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gangguan bekalan elektrik pula, ianya bukan disebabkan oleh kekurangan bekalan elektrik, tetapi oleh faktor-faktor lain seperti kerosakan kabel dan peralatan seperti talian elektrik terkena kilat semasa cuaca buruk, perbuatan menceroboh oleh orang-orang yang mencuri pemasangan elektrik dan kontraktor-kontraktor yang bekerja hampir dengan talian-talian dan kabel-kabel elektrik dan tanaman, dengan izin, *vegetation*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak utiliti daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu TNB, SESB dan SESCO sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan prestasi sistem agar pengguna dapat menikmati bekalan elektrik yang berkualiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timur.

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kementerian ke atas keterangan. Walau bagaimanapun di kawasan saya Ipoh Timur khususnya di tempat Pasir Puteh banyak aduan diterima dari rakyat mengenai gangguan bekalan elektrik untuk kediaman dan industri. Saya difahamkan gangguan ini mengenai bekalan elektrik tidak mencukupi. Tiap-tiap minggu kurang lebih satu atau dua jam gangguan tiada elektrik, lebih kurang setengah jam atau sejam, ini memberi banyak kesulitan atau keberatan kepada rakyat. Bagi rumah kediaman yang sedang memasak nasi tiada elektrik macam mana akibatnya.

Di industri khususnya perindustrian plastik, dengan izinnya, banyak menggunakan *resin*, selalu gangguan elektrik tidak diberi notis. Keterangan kerugian mereka terlalu besar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan berucap ya.

Tuan Thong Fah Chong: '*resin*' will be hardened with all the waste, menyebabkan industri tempatan. Soalan tambahan saya, bolehkah kementerian mengambil tindakan dengan program menyelesaikan masalah ini dalam tempoh yang pendek, tempat itu Pasir Puteh, terima kasih.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya pun sudah katakan gangguan elektrik bukan disebabkan oleh kekurangan bekalan elektrik, kalau ikut tadi saya telah sebutkan banyak ya, simpanan elektrik diadakan. Dan ini mesti adalah sebab-sebab yang tertentu, kawasan yang disebut iaitu kawasan Pasir Puteh, memang kalau berlaku gangguan bekalan elektrik, saya akan arahkan TNB membuat siasatan dan tindakan akan diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kualiti bekalan elektrik negara kita telah meningkat, saya beritahu angka-angka ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat lebih faham iaitu indeks kualiti bekalan elektrik, SAIDI ini bermakna *System Average Introduction Duration Index*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat itupun bukan jawapan untuk soalan.

Datuk Tan Chai Ho: Ya, saya memberitahu ini kualiti bekalan elektrik kita adalah cukup baik iaitu tahun 1995 adalah 612, tahun 2000 adalah 319, tahun 2001 adalah 266, ini bermakna peningkatan kualiti bekalan elektrik di negara kita.

Datuk Tan Chai Ho: Jadi, itu saya hendak *emphasis*, hendak tekankan bekalan elektrik adalah mencukupi. Soal masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di Pasir Puteh, saya akan melawat atau melihat sendiri. [*Tepuk*]

[*Dewan riuh seketika*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sibulah.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, ya *sit down, sit down, sit down* [*sambil mengarahkan Ahli-ahli Yang Berhormat lain agar duduk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya difahamkan menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, di negara kita, kita mempunyai banyak simpanan elektrik. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau banyak simpanan elektrik bolehkah kerajaan pasang satu sistem, kalau ada satu gangguan automatik terus sambung...

[Ketawa]

Ya! tidak usah tungguhlah, seperti di Sibul ya, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sibul punya elektrik dari Bintulu. Di Bintulu ada gangguan, Sibul semua....[*Dewan riuh seketika*] sampai Kuching gelap iaitu tidak ada satu alternatif mekanisme. Kalau ada itu simpanan elektrik Batang Ai contohnya. Kalau ada gangguan di Bintulu, langsung automatik, [Ketawa] di dalam beberapa saat, mungkin lima saat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Ini koridor perlu capai, jangan berapa kali ini, bolehkah, bolehkah ini, sila, sila jawab. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibul merupakan seorang Mayor atau Datuk Bandar Sibul, beliau cukup prihatin masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk, saya ucapkan tahniah. Cadangan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, memang itu satu cadangan yang baik, tetapi saya ingin menyatakan bahawa kalau kita adakan alternatif *connection* kita hendak pastikan sistem grid adalah sempurna, kalau tidak, simpanan elektrik kita tidak boleh disalurkan kepada tempat yang tidak ada bekalan elektrik. Jadi memanglah ini hasrat kerajaan supaya menggunakan simpanan elektrik dengan sepenuhnya dan pastikan setiap tempat dapat bekalan elektrik yang mencukupi.

11. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapa 44,000 graduan Institusi Pengajian Tinggi masih belum mendapat kerja dalam pasaran dan apakah langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saranan Tanjong bahawa 44,000 graduan IPT masih belum mendapat pekerjaan sebenarnya kurang tepat. Mengikut maklumat kita sehingga 31 Julai 2002, jumlah atau bilangan siswazah yang menganggur 31,787 yang merupakan 10% daripada jumlah siswazah kira-kira 316, 960 yang dikeluarkan oleh IPTA dari tahun 1997 hingga 2002.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat pelbagai sebab yang telah dikenal pasti menyebabkan graduan IPT sukar mendapat pekerjaan di dalam pasaran. Antara sebabnya adalah kemelesetan ekonomi sejak 1998, kebanyakan syarikat amat berhati-hati dalam aktiviti mereka dan cuba menjimatkan kos pengeluaran terutamanya penggunaan tenaga bekerja. Pelbagai strategi dijalankan oleh majikan untuk menyerahkan atau *farm out* proses pengeluaran dan perkhidmatan kepada syarikat-syarikat lain yang telah dikenal pasti mempunyai kecekapan melakukan pengambilan pekerja baru. Tindakan majikan ini secara langsung telah mengurangkan lagi peluang pekerjaan untuk siswazah untuk memasuki pasaran, tambahan pula kewujudan lebih banyak institusi-institusi pengajian tinggi sejak akhir-akhir ini menyebabkan jumlah siswazah yang dikeluarkan setiap tahun terus meningkat. Peningkatan pengeluaran siswazah yang tidak seiring dengan pertambahan dan permintaan terhadap mereka juga menyebabkan ramai siswazah menganggur.

Antara sebab lain adalah ketidaksecocokan atau dengan izin, *mismatch* antara kehendak majikan dengan kelulusan dengan kemahiran siswazah. Ramai di antara siswazah ini berkelulusan dari bidang yang kurang dengan izin, *marketable* menyebabkan mereka sukar mencari kerja di samping tidak mempunyai pengalaman yang cukup. Terdapat juga siswazah yang mempunyai sikap negatif, yang mempunyai sikap terlalu memilih kerja.

Dalam keadaan ekonomi yang menuju ke arah globalisasi ini, kehendak ataupun permintaan majikan untuk mendapatkan pekerja yang berkualiti dan mempunyai kemahiran khusus iaitu *specialize*, perlu mempunyai kupayaan yang kita panggil sebagai *soft skill* dan juga *competitive skill*. Majikan bukan sahaja memerlukan pekerja yang cemerlang dari

sudut akademik tetapi juga mempunyai pengalaman, berwawasan, ciri-ciri kepimpinan, kebolehan berkomunikasi yang baik dan keterampilan dan senang dilatih.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan, antara langkah tersebut adalah skim siswazah menganggur dengan mengadakan kursus-kursus baru yang relevan dengan keperluan industri, meningkatkan kemahiran IT dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan bahasa lain yang bernilai komersial. Program Pembangunan Usahawan seperti Skim Usahawan Siswazah oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga Program Perkhidmatan Pekerjaan yang dilakukan oleh Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia dengan mengadakan aktiviti lawatan, pendaftaran pekerja-pekerja baru dan juga pelaksanaan *electronic labour exchange* dengan izin, yang akan mempercepatkan pendaftaran, penjodohan, penempatan kerja ke jawatan-jawatan kosong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, sama ada kementerian telah buat persiapan awal untuk menghadapi masalah pengangguran di kalangan graduan IPT ini dalam jangka dua, tiga tahun yang akan datang. Apakah anggaran bilangan graduan yang mungkin menghadapi masalah ini, dan sama ada kementerian telah memberi maklum balas kepada Kementerian Pendidikan dari segi merombak semula sistem pengeluaran graduan yang dapat *matching* dengan keperluan majikan dalam pasaran, supaya dari segi ini kita dapat mengurangkan kemungkinan graduan-graduan yang keluar dari IPT ini sesuai untuk pasaran kerja?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan. Sebenarnya kerajaan memandang begitu serius mengenai kejadian di mana ramai pengangguran siswazah yang berjumlah 31,000. Oleh yang demikian, satu jawatankuasa kabinet yang dinamakan Jawatankuasa Kabinet Tenaga Kerja Lepas IPTA dan IPTS telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Sumber Manusia, Menteri Pembangunan Usahawan, Menteri Belia dan Sukan.

Mereka telah bermesyuarat banyak kali pada tahun 2002 dan ekoran daripada mesyuarat-mesyuarat tersebut ada strategi jangka pendek seperti yang saya jawab tadi dan juga strategi-strategi jangka panjang. Antara strategi-strategi jangka panjang bagi memastikan siswazah *marketable* mempunyai daya tahan dan daya saing serta berpengetahuan, *knowledge*. Ada banyak ini Yang Berhormat Tanjong, saya baca sedikitlah. Saya akan bagi satu salinan, tebal ini, kepada Yang Berhormat, antaranya adalah:

- (i) menubuhkan agensi dan pusat penyelidikan khusus perancangan sumber tenaga manusia;
- (ii) meningkatkan peranan pihak industri dan badan profesional dalam melatih tenaga pakar;
- (iii) memperluaskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D, Sains dan Teknologi oleh institusi pendidikan tinggi;
- (iv) merancang pengambilan pelajar IPT seperti amalan di negara-negara maju iaitu nisbah 1:2 iaitu 1 untuk ijazah, 2 untuk Diploma dan Sijil;
- (v) memastikan kualiti dan kurikulum kursus sesuai dengan keperluan pihak industri;
- (vi) meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan memperkenalkan bahasa antarabangsa lain;
- (vii) memperluas dan meningkatkan kualiti latihan industri;
- (viii) meningkatkan interaksi di antara IPT dengan pihak industri; dan
- (ix) menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar IPT.

Kerana sebahagian daripada kajian yang dibuat terdapat nilai yang begitu rendah di kalangan siswazah yang menganggur, yang tidak mahu berkecimpung dalam bidang keusahawanan, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sungai Benut.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah atas Kementerian yang banyak mengambil tindakan dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah berhubung dengan siswazah menganggur. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa 31,000 lebih siswazah yang menganggur. Jadi, bolehkah Yang Berhormat bagi tahu kepada Dewan yang mulia ini pecahan berapa lelaki dan berapa perempuan di kalangan siswazah yang menganggur ini, kerana saya dapat tahu bahawa banyak yang menganggur ini adalah terdiri daripada siswazah perempuan. Jadi, apakah langkah-langkah yang mana selain daripada langkah-langkah yang Yang Berhormat beritahu tadi, adakah langkah khusus kerana perempuan ini maklum sahaja dia ada *handicap* sedikit. Jadi, apakah langkah-langkah khusus untuk menangani masalah siswazah-siswazah yang menganggur ini terutamanya daripada golongan wanita. Sekian, terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah *segregate* atau membezakan antara lelaki dan wanita. Tidak macam di sebuah negeri kalau wanita cantik tidak boleh kerja. [Disampuk]

Seorang Ahli: Ehm, ehm!

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Eh pedas sikit! [Disampuk] Cakap betullah ini. Itu pun cakap betul juga.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat bagi Sungai Benut itu memang benar kerana peratusan siswazah yang menganggur terdiri daripada perempuan adalah 67.8%, sementara lelaki adalah 32.2%. Kalau kita ikut statistik yang satu lagi siswazah Melayu yang menganggur adalah 93.9%, 3.7% adalah Cina, 1.6% India dan 0.8% adalah kaum-kaum lain.

Skim-skim yang kita anjurkan bagi memastikan yang mereka ini *employable* dan *marketable* tidak bergantung kepada *gender*. Kita buka kepada semua *gender*. Kita buka kepada semua orang dan alhamdulillah, keputusan yang kita dapati bahawa peluang untuk siswazah perempuan mendapat kerja juga lebih kurang sama dengan golongan-golongan siswazah lelaki. Apa yang menjadi persoalan sekarang terdapat banyak kursus yang diikuti oleh siswazah wanita adalah kursus-kursus yang memang membuatkan mereka sukar mendapat pekerjaan kerana terdapat lebih banyak siswazah wanita yang mengikuti kursus-kursus *soft science* dengan izin, iaitu sastera, pentadbiran, perniagaan, ekonomi dan pengajian Islam. Sementara pelajar-pelajar lelaki yang sedikit ataupun kurang menganggur adalah kerana mereka ini terdiri daripada mereka yang mengambil kursus-kursus sains, kejuruteraan dan teknikal. Maka, mereka lebih mudah untuk mendapat pekerjaan.

Kedua, *gender* wanita biasanya mereka lebih suka duduk dekat dengan keluarga. Jadi, apabila dapat kerja yang berjauhan dengan keluarga mereka biasanya menolak kerja-kerja tersebut. Sekian.

12. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang sudah, sedang dan akan diambil kepada rakyat asing yang masuk ke negara ini dengan visa pelawat/pelancong tetapi kemudiannya bekerja atau menjalankan perniagaan di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil terhadap mereka yang masuk ke negara ini atas pas lawatan sosial seperti menjalankan perniagaan atau bekerja adalah tindakan di bawah mahkamah atau diusir keluar daripada negara ini ke negara asal. Sebagai contoh, bagi tahun 2002 iaitu sehingga bulan Ogos seramai 17,864 orang rakyat asing telah ditangkap di bawah

Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959 dan 1963 kerana tinggal lebih masa. Seramai 3,298 orang telah ditangkap kerana menyalahgunakan pas di peraturan 39(B) iaitu Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Bilangannya keseluruhan bagi Seksyen 15(4) ialah 17,864 orang dan bagi Peraturan 39(B) ialah 3,298 orang dan jumlah keseluruhannya ialah 21,162 orang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) (NO.2) 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2003

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2003

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2003 dan Anggaran Pembangunan 2003 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kesebelas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.39 [Jadual] -

Maksud P.39 [Anggaran Pembangunan 2003] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.39 dan Kepala Pembangunan P.39 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Bachok.

11.10 pagi.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Assalamualaikum warahamtullahi wabarakatuh dan selamat pagi. B.39 Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah Butiran 050100 - Pembangunan Usahawan yang mendapat peruntukan RM737,250,000 dan Butiran 050200 - Latihan Keusahawanan.

Latihan Keusahawanan mendapat peruntukan RM2.5 juta. Sebagaimana kita sedia maklum objektif kepada mewujudkan usahawan bumiputera yang berdaya tahan, kemudian berdaya maju dan berdaya saing ini melalui program-program yang telah diatur oleh pihak kementerian ini telah dipuji oleh banyak pihak. Namun, atas beberapa perkara yang dilihat dari sudut kesan ataupun hasil dalam melahirkan golongan usahawan bumiputera ternyata perkara ini banyak dipertikaikan oleh banyak pihak. Di antara yang ingin saya bangkitkan ialah berhubung dengan program pemasaran bersepadu perabot yang diuruskan di bawah konsep payung ataupun menerusi Tabung Usahawan Kecil Guthrie yang kita nampak asas-asas pembelaan perlu diteruskan oleh pihak kementerian sendiri kerana kita nampak usahawan-usahawan bumiputera yang terlibat secara langsung dalam bidang ini yang mendapat suatu asas bantuan dan juga pemerhatian kerajaan perlu diusahakan supaya mereka mencapai suatu tahap yang bertaraf global khususnya menerokai pasaran-pasaran perabot di luar negara.

Walaupun ada usaha yang dibuat secara dalaman oleh pihak kementerian menerusi program ini, usahawan-usahawan perabot kita telah dibawa melawat keluar negeri untuk melihat sendiri beberapa kualiti ataupun standard hasil perabot dunia di pameran-pameran antarabangsa seperti di Dubai dan seumpamanya. Saya ingat lawatan sedemikian tidak mencukupi untuk usahawan kita menaikkan lagi kualiti ataupun mutu pengeluaran perabot yang dihasilkan oleh kilang-kilang usahawan-usahawan kita ini. Oleh kerana itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian sejauh manakah kejayaan di sebalik kemajuan usahawan di bawah Tabung Usahawan Kecil Guthrie dan juga usahawan-usahawan bumiputera ini telah memenuhi asas yang telah pun diletakkan dari sudut garis kejayaan pada penilaian pihak kementerian.

Demikian juga di sebalik latihan-latihan yang telah diwujudkan untuk melahirkan usahawan-usahawan dalam negara kita. Peruntukannya walaupun kita rasa tidak begitu besar tetapi pada perbelanjaan berhemat perlu diberi penekanan untuk memupuk dan mewujudkan budaya keusahawanan dalam mempertingkatkan lagi prestasi usahawan yang berkualiti dan juga mampu menerokai pasaran global ini. Program-program yang di bawah latihan usahawan ini kita nampak perlu diberi perhatian – tadi pun pihak Kementerian Sumber Manusia pun memberi jawapan ialah kepada pihak siswazah-siswazah kita ataupun graduan-graduan menganggur yang telah pun diadakan satu skim usahawan siswazah ini.

Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, di sebalik latihan keusahawanan ini adakah pihak kementerian menumpukan satu bidang baru yang mungkin bertaraf semasa iaitu keusahawanan dalam bidang ICT. Ini kerana kita lihat di kalangan golongan muda daripada bumiputera banyak terfokus bidangnya kepada aspek ekonomi tradisi yang lebih menjurus kepada aspek perniagaan berasas kepada warisan daripada generasi lama. Bidang ICT adalah satu bidang yang baru yang kita nampak perlu kepada suatu keyakinan baru bagi menyahut cabaran dunia dan juga cabaran dalam negara kita sendiri yang perlu diberi penekanan, adakah pihak kementerian telah membuat suatu pelan strategik dalam mengatur bidang ini supaya dapat diceburi oleh golongan bumiputera itu

sendiri khususnya golongan siswazah yang berjumlah 31,000 lebih dalam sektor pengangguran ini.

Kemudian di bawah P.39, Butiran 01500 - Tabung Keusahawanan khususnya berhubung dengan Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN) yang mendapat peruntukan yang begitu besar untuk tempoh akan datang ini sebanyak RM68 juta.

Persoalan yang berbangkit ialah penerima kepada Tabung TEKUN ini, pemilihan penerima TEKUN ini banyak dipertikaikan kerana tidak semua mereka mendapat suatu kemudahan ataupun keselesaan. Ini suatu perkara yang dibangkitkan khususnya golongan belia atau usahawan-usahawan muda untuk maju dalam bidang perniagaan, mereka menagih untuk mendapatkan peruntukan TEKUN.

Mengenai jumlah pembiayaan setakat yang telah pun dilancarkan dari dahulu sampai sekarang dan kutipan yang telah pun dipungut daripada apa yang telah dibiayai menerusi projek ini. Saya ingin mendapat penjelasan berapa yang telah dikeluarkan dan berapa yang telah berjaya dipungut balik, sebab saya mendapat maklumat daripada dalaman bahawa pinjaman TEKUN ini tidak bermasalah dari sudut *collection* ataupun pungutan pembayaran balik dan seumpamanya tetapi asas yang perlu kita lihat ada segelintir mereka yang mengambil suatu langkah yang bersifat liat, ini satu perkara yang perlu diambil tanggungjawab untuk menyelesaikannya.

Dan kes-kes yang terpencil juga, saya dengar ada beberapa bakal penerima TEKUN ataupun mereka telah pun ada tawaran-tawaran untuk menerima pembiayaan di bawah TEKUN ini, tetapi telah dipolitikkan, ini suatu perkara yang mungkin menteri lebih arif dalam perkara ini tetapi rungutan secara kes-kes terpencil, bakal-bakal penerima TEKUN telah pun *diinterview* terlebih dahulu dan *ditorture* pemikiran mereka dan dibuat satu *political test*, kalau mereka ini mirip kepada pembangkang, maka tidak diberi kemudahan TEKUN ini. Ini satu isu yang ingat adalah bercanggah ataupun *contradict* dengan dasar kementerian ini sendiri untuk melahirkan usahawan-usahawan, membimbing usahawan dari sudut modal dan seumpamanya.

Kemudian saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan strategi

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Hulu Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bachok. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Bachok, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan kerana maklumat yang kita dapat setakat ini bagi pinjaman TEKUN ini, pihak kementerian mensyaratkan bahawa seseorang itu mestilah ada daftar perniagaan, mesti sudah ada tempat berniaga, mesti sudah memulakan perniagaan dan sebagainya, sedangkan kita hendak melihatkan seberapa ramai usahawan yang setengahnya baru hendak mula tetapi hendak dapat RM2,000 atau RM5,000 pun hendak yang sudah ada tempat dan yang sudah berdaftar perniagaan, ini menyekat perkembangan usahawan-usahawan baru ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau perkara ini yang di bawah RM10,000 ini tidak perlu ada syarat yang begitu kerana dia baru hendak mula berniaga. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sebenarnya sektor perniagaan adalah suatu sektor yang mencabar. Oleh kerana itu pengalaman seseorang itu akan menentukan bahawa masa depan perniagaannya adalah berjaya ataupun tidak. Oleh kerana itu syarat-syarat yang dikemukakan oleh kementerian adalah penilaian berasaskan kepada jaminan-jaminan tertentu dari sudut pembayaran balik dan seumpamanya.

Namun demikian saya mengharapkan di atas *response* kepada Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu itu ialah pihak kementerian dapat mempertimbangkan asas-asas yang munasabah supaya ia tidak meliatkan atau tidak menyusahkan peruntukan ini disalurkan kepada penerima-penerima TEKUN dan saya harap perkara ini dalam pertimbangan pihak kementerian.

Saya hendak menyentuh perkara terakhir ialah berhubung dengan pelan strategi jangka panjang kita dalam usaha untuk menjayakan wawasan Dasar Pembangunan Negara kita sendiri iaitu pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera menerusi asas-asas mewujudkan keusahawanan yang begitu tinggi di kalangan bumiputera ini. Sebagaimana laporan MAPEN II yang bertajuk "Dasar Pembangunan Wawasan dalam Tempoh 2001 Sehingga 2010" kita dapati di antara perkara yang diberi penekanan ialah untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera namun penilaian dibuat dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan juga dalam tempoh pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) didapati pencapaian dalam bidang ini adalah yang paling rendah, pencapaian untuk melahirkan bumiputera yang terlibat dalam bidang perdagangan dan perindustrian khususnya bertaraf usahawan-usahawan IKS ini masih pada tahap rendah.

Kalau dilihat kepada statistik yang diberi ialah kira-kira 77% daripada usahawan bumiputera yang berdaftar sebagai pembekal dengan Kementerian Kewangan mempunyai peratus modal berbayar kurang daripada RM30,000. Demikian juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Okey, demikian juga 89% daripada mereka mendapati adalah terlibat secara langsung dalam industri kecil yang mempunyai modal purata di bawah daripada RM50,000. Jadi angka ini memberi satu cabaran kepada pihak kementerian ini bagi memastikan supaya asas-asas untuk memajukan golongan bumiputera di dalam bidang keusahawanan ini diambil perhatian dan satu perkara lagi yang kita lihat ialah dengan pengumuman terbaru daripada pihak Menteri Kewangan kita kepada golongan-golongan bumiputera yang terlibat dalam syarikat-syarikat kelas F ini dinaikkan daripada peruntukan RM100,000 dapat mereka masuk kepada RM200,000 maka kita lihat ini satu daripada asas yang bersifat kontra itu kerana memaksa mereka ini untuk kekal dalam syarikat kelas F, tidak ada satu inisiatif untuk mereka naik ke kelas E atau D apabila peruntukan untuk masuk ke tender itu dibenarkan kepada RM200,000.

Kalau peruntukan itu dihadkan RM100,000 mungkin dia ada motivasi sendiri untuk menaikkan lagi kelas syarikat mereka kepada E atau D untuk terlibat dalam projek-projek yang berbelanja lebih besar. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun.

11.21 pagi

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah Butiran 00100 - Perbadanan Kemajuan Negeri. Saya dapati bahawa tidak banyak tumpuan yang diberikan oleh kerajaan dari segi Perbadanan Kemajuan Negeri. Banyak soalan yang dibangkitkan dan selalu dijawab bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri di bawah kerajaan negeri.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan Perbadanan Kemajuan Negeri dan ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana dalam tinjauan saya dengan beberapa Perbadanan Kemajuan Negeri didapati bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri berhadapan dengan dua masalah besar. Satu, masalah tidak ada *core business* dan satu lagi masalah dari segi menghadapi krisis *cash flow*.

Saya dapati bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri pada peringkat awal terlibat dalam bidang perumahan. Bila masuk tahun 1990-an apabila berlaku pembangunan ekonomi yang pesat, sebahagian besar terlibat dalam bidang perindustrian. Bidang *housing* ini ditinggalkan dan diletakkan di bawah program penswastaan di bawah mega projek.

Apabila berlaku krisis ekonomi, pihak Perbadanan Kemajuan Negeri mendapati bahawa mereka telah kehilangan kepakaran dalam bidang *core-business housing* manakala dalam bidang perindustrian, syarikat-syarikat yang telah berjaya telah dipindahkan dalam bentuk MBO, dengan itu kini kecuali dua atau tiga sahaja, yang lain-yang lain berhadapan dengan kedua-dua masalah tersebut.

Di samping itu saya berpendapat bahawa dari segi struktur pengurusan perlu kepada re-modeling kerana kita dapati kecekapan pegawai-pegawai pengurusan tidak begitu tinggi dan oleh kerana Perbadanan Kemajuan Negeri berhadapan dengan masalah, jadi program-program yang diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri tidak dapat dijalankan, seperti program-program pembangunan sosio-ekonomi terutama untuk kaum bumiputera.

Kedua, Majlis Amanah Rakyat mengenai dengan MRSM. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, saya dapati bahawa dari segi pelajar-pelajar MRSM mereka dapat kelulusan yang cukup baik di peringkat MRSM. Di samping itu kita dapati pada tahun 2000 daripada 4,000 pelajar universiti yang dapat kelas satu, hanya 1% iaitu 40 orang sahaja daripada kaum bumiputera. Saya ingin cuba mengaitkan sekiranya pelajar di peringkat *entry* masuk ke universiti daripada MRSM mendapat keputusan yang baik, *entry*nya sama dengan bukan bumiputera tetapi berakhir di peringkat *first degree*, 1% atau 40 orang daripada 4,000 yang dapat kelas pertama. Jadi di antara *entry* dengan *exit* di mana kesilapannya?

Saya berharap pihak kerajaan terutamanya kementerian dapat memandang serius kepada perkara ini dan membuat kajian bersama-sama dengan pihak universiti agar kita dapat mengenal pasti di mana punca *student* yang *excellent* di peringkat menengah tiba-tiba berakhir dengan mendapat *second class lower* dan sebagainya. Ini merupakan satu kerugian dari segi potensi pelajar dan satu kajian yang serius perlu diambil terutama kita lihat dalam sepuluh tahun ini satu masa yang kritikal untuk kita mengimbangkan kedudukan bumiputera dengan bukan bumiputera.

Ketiga, pembangunan usahawan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi perancangan pembangunan usahawan. Di kementerian ada jabatan atau bahagian perancangan pembangunan. Dari segi kerja-kerja jabatan ini, macam mana prestasinya. Saya melihat dari segi apabila kita hendak mewujudkan usahawan, pertama sekali kita perlu mempunyai data pangkalan yang mencukupi, kita hendak tahu berapa orang dari segi bidang pengangkutan, kontraktor, bidang perniagaan dan sebagainya. Dengan mempunyai pangkalan data yang komprehensif daripada situ kita boleh buat *industry study* di bidang pengangkutan dan sebagainya tetapi saya dapati dari segi *industry study* dan pangkalan data ini tidak wujud. Kalau kita pergi ke negara lain, katakanlah kita hendak umpamanya satu-satu bidang, *industry study* ada dan sekiranya perancangan tidak berasaskan, berorientasikan kepada statistik dan data jadi akhirnya perancangan yang kita buat itu kita tidak tahu kesannya.

Jadi saya berpendapat, Jabatan Perancangan dan Pembangunan ini mempunyai peranan yang cukup besar. Kementerian bagi lesen katakan dan orang yang menerima lesen ini harus menghantar balik jadi mandatori kepada mereka untuk menghantar laporan tahunan. Daripada laporan tahunan kita boleh buat *study* begitu juga kontraktor. Sekarang ini kontraktor kelas F mendapat *business* yang lebih banyak peruntukan daripada belanjawan dan kita tidak mahu kontraktor ini mendapat *business* banyak, tetapi akhirnya berakhir macam dahulu juga, tidak ada pejabat, tidak ada *staff* dan sebagainya, masih lagi menggunakan sistem lama.

Akhirnya dalam sepuluh tahun apabila kita hendak buat perimbangan antara peniaga bumiputera dengan peniaga bukan bumiputera ini tidak tercapai. Dan saya berpendapat juga bahawa dari segi pembangunan usahawan ini perlu melibatkan semua agensi atau kementerian yang ada kerana sekadar satu kementerian sahaja, tidak melibatkan yang lain padahal dari segi bidang-bidang, usahawan ini terlibat dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan usahawan ini juga terlibat dengan kementerian-kementerian yang lain, tidak ada kerja secara bersepadu ataupun satu *committee* atau unit yang melihat kepada keperluan keseluruhannya, maka kecekapan untuk kita melahirkan usahawan tidak dapat tercapai dengan baik.

Di samping itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dari segi berapa program yang saya dapati begitu penting, program usahawan tulen bumiputera dan bukan bumiputera. Kedua, program menemukan usahawan dengan teknologi dan program *techno-preneur* adalah program yang penting, yang relevan buat masa ini yang harus diketengahkan, yang telah pun dikenal pasti oleh kementerian untuk

dijalankan. Dari segi program-program ini bagaimanakah kesan yang dapat kita perolehi. Di samping itu dari segi statistik pencapaian kementerian, saya lihat ada sedikit yang saya rasa ingin saya tanya. Saya ambil dari segi contoh TEKUN. Pada tahun 2002 anggaran 1,000 pada tahun 2003 anggaran 1,000 juga, tidak ada *growth*.

Di samping itu saya lihat dari segi bilangan *franchisee* dari segi kementerian, setiap kali diberi laporan bahawa bidang ini satu bidang yang berjaya, tetapi kalau kita lihat pertumbuhan dari segi sebenar pada tahun 2001 kepada anggaran 2002 dan 2003 tidak nampak kementerian ini *ambitious*. Bilangan *franchisee* 150 pada tahun 2001, ini yang sebenar, pada tahun 2002- 150 juga pada tahun 2003 juga 150, tidak ada *growth* di situ. Saya berpendapat sekiranya program ini program yang berjaya tentulah kementerian perlu lebih *ambitious* lagi dan nampak statistik itu berkembang, nampak dinamik, yang ini kita nampak statik, tidak ada pertumbuhan yang berlaku. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Kedah.

11.29 pagi.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu hal Lembaga Pelesenan dan Perundangan iaitu tentang Limousin di *air port*. Pekerja-pekerja Limousin sekarang ini menghadapi masalah kerana pendapatan mereka terlalu kecil, *competition* sekarang tiga yang utama iaitu ERL, AC dan Limousin. Sekarang ini kalau penumpang itu seorang atau dua, mereka naik ERL, kalau lebih daripada itu barulah mereka naik Limousin sebab kalau ERL kalau naik dua orang sudah RM70 sampai ke KL Sentral, sedangkan kalau ambil Limosin untuk dua orang mungkin RM80 dengan RM100 untuk sampai ke tengah pusat bandar.

Lebih kurang 1,200 buah limousin sekarang ini yang didaftarkan berkhidmat di KLIA dan ditambah pula bila penutupan penerbangan di Subang, mereka juga pergi ke KLIA. Mereka bekerja mengikut memorandum mereka ini sampai kadangkalanya 20 jam untuk dapat tiga *trip*. Mereka keluar rumah kadangkalanya pukul 4 pagi untuk dapat *trip* awal. Kemudian balik pukul 9.00 atau 10.00 malam untuk dapat *trip* akhir dan dapatlah mereka tiga *trip* perjalanan.

Apakah pihak kerajaan tidak boleh mengkaji supaya mengurangkan sedikit bebanan pemandu-pemandu ini, di mana kalau mereka bawa kereta *Proton Perdana* atau *Mercedes C200*, sewanya begitu tinggi antara RM100 hingga RM200, dan mereka terpaksa kejar *trip* untuk membayar sewa itu, sedangkan hendak dapat lebih daripada tiga *trip* amatlah sukar bagi satu hari.

Apakah kerajaan tidak boleh mengkaji supaya sistem monopoli satu syarikat itu dapat ditukar kepada mereka yang memiliki teksi itu dan membayar *installment* untuk menyelesaikan hutang teksi mereka. Kerajaan hanya mengawal dalam bentuk *union*, dalam bentuk kerjasama mereka dan juga mengawal keadaan keselamatan teksi, kebersihan dan sebagainya dan mereka sendiri dapat mentadbir teksi itu ataupun limousin itu.

Sekarang ini sampai 5, 6 tahun mereka berkhidmat belum lagi dapat menyelesaikan hutang limousin itu yang begitu tinggi dan kadar sewa yang dikenakan begitu tinggi kerana pihak syarikat menanggung hutang yang tinggi. Dan kata mereka, "*Kenapakah pihak syarikat menanggung hutang yang tinggi?*" Mereka dibebankan dengan sewaan yang begitu tinggi. Jadi, mereka mintalah pihak kerajaan kaji baliklah perkara ini. Memang dialog telah dibuat tetapi hasilnya belum lagi memuaskan.

Begitulah juga bayaran-bayaran lain, bayaran Socso, KWSP dan lain-lain apabila mereka dibuang kerja, memang banyak dibuang kerja, mereka tidak mendapat bayaran ataupun hak-hak sebagai pekerja dengan majikan seperti yang termaktub di dalam *agreement*, perjanjian mereka. Oleh itu mereka harapkan pihak Menteri membuat satu perubahan untuk mereka mencari rezeki kerana memang sekarang kita tahu ada *competition*, orang lebih suka naik bas dan ERL dan pendapatan mereka begitu merosot sekali dan kita boleh lihatlah di bawah itu mereka berkumpul beramai-ramai, berkumpul untuk menunggu *trip*.

Kadangkalanya mereka tunggu daripada pukul 8 pagi, hendak dapat pukul 2 petang baru satu *trip* dan *trip* yang kedua sudah pukul 10 malam. Bagaimana mereka hendak hidup dalam bandar, dalam mencari rezeki dalam keadaan mereka dibebankan bayaran harian, sewaan yang begitu tinggi sekali kepada majikan. Menteri tahulah, pihak majikan itu saya yakin bahawa mereka tidak rugi tetapi yang menghadapi masalah sekarang ialah pekerja-pekerja limousin itu.

Minta Menteri mengambil perhatian perkara ini dengan serius. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

11.34 pagi.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini, Bekalan B.39 dan P.39. B.39 – 05000, P.39 – 09500 dan Butiran 03000 – Pembangunan Keusahawanan

Tuan Pengerusi, saya lihat dalam Program Pembangunan Keusahawanan dan Latihan Peningkatan Keusahawanan dan Pemohon Keusahawanan yang dinyatakan dalam bajet ini. Saya lihat ia tidak mencerminkan teras Bajet 2003, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari. Dalam teras Bajet 2003 ialah ekonomi kita akan dijanakan oleh usahawan tempatan, akan dijanakan dengan kegiatan aktiviti-aktiviti perniagaan tempatan. Tetapi kalau kita lihat dari segi peruntukan, dari segi bekalan Pembangunan Usahawan, cuma lebih kurang RM4 juta dari segi bekalan mengurus Pembangunan Usahawan.

Dari segi pembangunan pula, jumlahnya dari segi latihan dan peningkatan keusahawanan cuma RM4 juta lebih, kemudian pemohon keusahawanan lebih kurang RM51 juta. Kalau kita lihat peruntukan ini, pada pendapat saya begitu sedikit, tidak mencerminkan niat ataupun teras bajet oleh kerajaan. Kalau dahulu barangkali di mana kerajaan kita mengharapkan pelabur-pelabur asing, FDI untuk menjana pertumbuhan ekonomi barangkali bajet ataupun peruntukan sedemikian rupa masih boleh dipertahankan.

Tetapi dengan teras baru yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa ini adalah permulaan baru bagi negara kita, *it's a new beginning* bagi Malaysia, sepatutnya peruntukan ini dipertingkatkan. Saya ambil contoh dalam Program Pembangunan Keusahawanan ini, kalau kita lihat peruntukan dalam latihan ini, walaupun terdapat pelbagai latihan diberikan, bukan sahaja daripada kementerian ini, tetapi juga agensi yang lain tetapi peruntukan kalau setakat RM4 juta, saya fikir itu terlalu sedikit, sepatutnya peruntukan ini ditambah dengan lebih besar lagi untuk mencerminkan teras bajet ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi kami di negeri Sabah, kami tidak merasakan pembangunan keusahawanan dan latihan keusahawanan ini, kita tidak rasai di peringkat akar umbi. Yang kita tahu, yang kita rasa, yang kita dengar dan yang kita terlibat cumalah misalnya TEKUN dan beberapa program yang dijalankan oleh pihak MARA, tetapi kita tidak rasa.

Jadi, saya mencadangkan supaya dalam bajet ini, pada tahun yang akan datang, kementerian ini akan lebih agresif untuk mempertingkatkan, menjalankan kegiatan-kegiatan pembangunan keusahawanan. Saya lihat dalam laporan bajet ini iaitu aktiviti-aktiviti keusahawanan begitu banyak dan begitu baik tetapi yang kita minta sekarang ini ialah supaya program-program ini kita dapat rasai di peringkat akar-umbi.

Saya tidak tahu sama ada, ada masalah dari segi pelaksanaan di antara kementerian di peringkat Persekutuan dengan di peringkat Kerajaan Negeri Sabah tetapi barangkali kalau ada ruang yang perlu diperbaiki, barangkali harus dipertingkatkan supaya kita dapat sama-sama merasai.

Seterusnya, saya ingin menyentuh sedikit tentang khidmat memberi maklumat dan nasihat kepada usahawan dan kepada bakal usahawan. Dalam peringkat dasar saya telah mencadangkan supaya pihak kementerian mengadakan *consultancy services* ataupun runding timbang, runding cara kepada para usahawan.

Saya lihat di sini, apa yang kementerian mempunyai perkhidmatan untuk memberi maklumat dan nasihat kepada usahawan tetapi ramai di kalangan usahawan apatah lagi bakal usahawan yang menceburi di bidang keusahawanan ini, tidak tahu tentang perkhidmatan ini. Di manakah kita mendapat perkhidmatan untuk mendapat nasihat dan mendapat maklumat?

Saya bagi contoh, katakan saya buat satu pelan perniagaan ataupun *business plan* dan saya ingin tahu di manakah saya akan membuat pasaran, berapa besarkah pasaran ini, *market* saiz, di manakah tempat ini? Dan, saya ingin mendapat maklumat ini, di manakah saya hendak mendapat maklumat? Adakah maklumat ini saya boleh dapat di MARA ataupun di agensi Pembangunan Ekonomi Negeri di negeri Sabah, di mana?

Jadi, harus perkhidmatan ini diperluas dan diperjelaskan dan kalau bolehlah, kalau boleh seperti mana yang saya cadangkan di peringkat dasar dahulu supaya penglibatan sektor swasta dalam memberi khidmat nasihat ini kepada usahawan, terutama sekali kepada bumiputera yang sudah pun berniaga dan memerlukan khidmat nasihat, memerlukan maklumat-maklumat terperinci seperti maklumat pasaran, maklumat kewangan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh pada masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera. MPPB ini adalah salah satu daripada cabaran strategik Wawasan 2020. Wawasan 2020 kita akan capai sekiranya kerajaan kita dapat, mampu untuk mendirikan masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera. Kalau kita lihat peruntukan yang diberi pada tahun hadapan dalam Bajet 2003 ini, cuma lebih kurang RM20 juta.

Kita lihat dari segi penyertaan bumiputera ini masih lagi dipertingkatkan. Penyertaan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat cuma lebih kurang 19%. Kalau kita lihat yang RM20 juta ini terlalu sedikitlah. Kenapa kita tidak pertingkatkan peruntukan ini? Pertingkatkan peruntukan ini supaya mencerminkan hasrat kerajaan, niat kerajaan untuk mempercepatkan lagi niat kita untuk mendirikan masyarakat perniagaan, perindustrian bumiputera.

Saya sebenarnya bila melihat dalam bajet ini tidak jelas, apakah sebenarnya kegiatan pihak kementerian untuk tujuan ini. Peruntukan ini digunakan untuk apa? Adakah peruntukan ini digunakan untuk memperhebatkan, memperkasakan kegiatan-kegiatan dewan-dewan perniagaan bumiputera yang ada, Dewan Perniagaan Melayu misalnya, Dewan Perniagaan Islam, Dewan Perniagaan Kadazandusun dan sebagainya. Adakah itu digunakan untuk dewan-dewan perniagaan ataupun bagaimana? Tetapi pokok pangkalnya peruntukan ini saya lihat tidak mencerminkan hasrat kerajaan untuk memperhebatkan lagi, mempercepatkan lagi untuk mendirikan masyarakat perniagaan bumiputera.

Tuan Pengerusi, akhir sekali dalam dasar Rancangan Malaysia Kelapan dan juga dalam langkah Rancangan Jangka Panjang Ketiga telah jelas dinyatakan bahawa kerajaan akan memberi perhatian yang khusus ataupun *special attention* kepada masyarakat bumiputera di Sarawak dan Sabah. Dinyatakan juga di situ penyelidikan khusus akan dijalankan untuk mengenal pasti apa sebenarnya cabaran-cabaran permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat bumiputera di Sarawak dan Sabah khususnya dalam pemilikan ekuiti.

Apabila saya lihat dalam program di sini tidak ada. Tahun depan kita sudah masuk dalam *mid term review*, Rancangan Malaysia Kelapan tetapi saya tidak nampak satu pengkhususan yang telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tersebut, tidak ada. Saya ingin tahu sama ada pihak kementerian mempunyai program khusus untuk tujuan ini. Kita tahu bahawa bumiputera di Sarawak dan Sabah ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya akan gulung. masih jauh ketinggalan dari segi penyertaan dalam perniagaan perindustrian. Saya mohon mencadang supaya pihak kementerian dapat mencerminkan hasrat, niat, dasar rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga itu dan juga Rancangan Malaysia Kelapan dalam program-program pembangunan usahawan pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

11.45 pagi.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 060000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Saya ingin menanyakan Yang Berhormat Menteri, apakah garis panduan atau butir-butir berkaitan dengan keputusan kerajaan untuk membuka Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) kepada pelajar bukan bumiputera, oleh kerana saya pernah baca dalam akhbar ada saranan supaya polisi baru ini hanya dilaksanakan dengan syarat bahawa hanya pelajar bukan bumiputera dari sekolah kebangsaan atau dari luar bandar sahaja diambil dan selepas itu saya tidak pernah nampak apa-apa kenyataan rasmi walaupun pada dasarnya kerajaan telah memutuskan untuk mengambil pelajar bukan bumiputera.

Saya juga difahamkan menteri sendiri pernah berkata bahawa MARA bukan ditubuhkan untuk membantu bumiputera sahaja. Saya ada MARA Act, 1966 di sini dan saya rasa saya boleh mengesahkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah betul oleh kerana mengikut Fasal 6, *Duties and powers of the Majlis*, di sini mengatakan, dengan izin, "*It shall be the duty of the Majlis to promote, stimulate, facilitate and undertake economic and sosial development in Malaysia and more particularly in the rural areas thereof.*"

Jadi, ini bermakna bahawa MARA bukannya ditubuhkan untuk kepentingan orang bumiputera sahaja dan saya ucapkan syabas bahawa Yang Berhormat Menteri dengan beraninya telah menjelaskan situasi yang sebenarnya. Saya ingin mengulang di sini bahawa DAP memang sokong keputusan kerajaan untuk membuka tempat kosong di MRSM kepada orang bukan bumiputera oleh kerana bukan sahaja ia adalah selaras dengan akta di mana MARA telah ditubuhkan tetapi ini juga adalah selaras dengan perkembangan dunia yang terkini di mana semua rakyat Malaysia akan menghadapi cabaran globalisasi.

Saya pernah kata bahawa jangan kita selalu lagi ingat persaingan di antara bumiputera dengan bumiputera, tetapi satu perkara yang kalau saya boleh memberikan pendapat saya ialah dengan salah faham yang telah begitu lama wujud di Malaysia. Oleh kerana saya memang telah baca dalam surat khabar, orang Melayu yang pandai cendekiawan termasuk Ungku Aziz pun pernah mentafsirkan seolah-olah MARA ini adalah ditubuhkan untuk orang bumiputera sahaja. Jadi, itu saya rasa adalah satu dilema orang bumiputera sendiri yang telah berlarutan dan telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Saya ingin memberi sedikit pendapat saya bahawa dilema ini telah berlarutan adalah pada pendapat saya, salah satu masalah ialah *approach* yang telah diambil oleh kerajaan telah silap. Saya tidak ingin sentuh hak keistimewaan orang bumiputera oleh kerana ini akan bercanggah dengan Sedition Act 1948, tetapi saya rasa oleh kerana kemungkinan faktor politik, UMNO terlalu menekankan ini sebagai satu hak. Walaupun ia memang satu hak tetapi kalau dari awalnya UMNO telah menegaskan ini sebagai satu *equality of opportunity*, peluang, saya rasa *approach* ini kalau diambil, dilema orang bumiputera atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan berlarutan.

Oleh kerana kalau kita kata *equality of opportunity*, ini bermakna orang Cina yang walaupun pandai tetapi dia tidak ada wang, dia perlukan *scholarship*. Sama juga kalau orang bumiputera yang lebih mundur dari segi peluang, kita bagikan peluang ini secara *equality of opportunity*. Jadi, ini pun tidak akan membawa apa-apa perasaan yang kurang sihat kepada sesiapa yang mempunyai *what we call, sense of dignity* di mana mereka ingat ini adalah satu hak yang membolehkan mereka berjaya. Kalau *equality of opportunity is the same throughout the world*, mana-mana kerajaan pun harus memberikan *equality of opportunity* kepada sesiapa pun. Saya rasa oleh kerana kerajaan terlalu menegaskan aspek hak, walaupun ia memang satu hak dari segi undang-undang tetapi apabila kita menegaskan hak orang yang sudah jadi jutawan, yang sudah berjaya, mereka minta lagi *scholarship* untuk anaknya. Oleh kerana ia adalah hak, ia bukan adalah peluang, *equality of opportunity*, walaupun dia telah mempunyai peluang yang cukup.

Pada saya, kalau ini kita anggap sebagai satu peluang, orang yang sudah jadi jutawan, anaknya ada syarat-syarat atau *condition* untuk belajar di luar negara dengan wang sendiri, jangan minta lagi. Tetapi apabila kita menekankan ia sebagai satu hak, inilah menjadi satu dilema yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, dan apabila kita menegaskannya sebagai satu hak, dari segi politik, ini juga menimbulkan satu masalah oleh kerana kalau kita sentuh, ramai orang melenting. Jadi, ini menjadi satu masalah.

Saya tidak ada masa hendak berucap tetapi saya memang tahu perkara ini. Saya berani kata benda macam ini oleh kerana saya tahu dahulu susah untuk siapa-siapa wakil rakyat hendak cakap dengan cara yang rasional but *I'm prepared to do so*.

Tetapi saya tahu ini memang satu perkara dan saya harap Yang Berhormat Menteri pernah dengan beraninya mengaku bahawa MARA memang tidak ditubuhkan oleh bumiputera sahaja, dapat memberitahu orang-orang bumiputera bahawa kita harus anggap – walaupun saya kata dari segi undang-undang, dari segi Perlembagaan, ia memang satu hak – tetapi kita tekankan bahawa ia adalah satu *equality of opportunity* yang harus diberikan kepada sesiapa pun kecuali dalam konteks Malaysia, bumiputera haruslah diberikan peluang yang lebih oleh kerana memang kalau dibandingkan jumlah mereka yang menghadapi masalah itu yang memerlukan *equality of opportunity* lebih kalau dibandingkan dengan orang yang bukan bumiputera. Tetapi saya harap Yang Berhormat Menteri boleh ambil nasihat saya dan fikir dengan sedalam-dalamnya. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bandau.

11.51 pagi.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut serta memberi tambahan pendapat dan pandangan tentang beberapa perkara.

Pertamanya, saya sentiasa memandang kementerian ini sebagai satu strategik mengenai peranannya di dalam pembangunan negara dan khususnya berasas kepada matlamat-matlamat dasar ekonomi nasional yang begitu kukuh kepada kemajuan negara Malaysia dan memanglah dua kementerian yang kita akan bincangkan hari ini seterusnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kita lihat dua kementerian ini yang begitu penting sekali. Satu kementerian mengeluarkan masyarakat kita yang tidak berkemampuan kepada tahap yang selesa dan satu kementerian lagi tangkap dari situ menaikkan kemampuan mereka untuk menjadi tulang belakang kepada ekonomi. Jadi, secara kebetulan, kedua-dua menteri ini duduk bersama-sama juga, jadi saya rasa amat padan dan pentingnya kedua-dua kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga sentuh soal graduan yang menganggur yang telah disentuh dalam soalan kepada Menteri Pembangunan Sumber Manusia awal tadi di mana dikatakan 31,000 orang yang masih menganggur. Di bawah Kepala 050000 – Pembangunan Usahawan, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Pembangunan Usahawan turut mengambil perhatian kepada masalah ini sebagai pemimpin nasional dan negeri. Saya rasa jumlah 31,000 orang itu amat mengejutkan ataupun amat mengganggu pemikiran kita, bahkan ke maktab-maktab, kolej-kolej dan universiti dan begitu banyak yang sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Walaupun dalam tempoh ini, dalam perkara ini barangkali kita perlu mengetahui sudah berapa lama menganggur, *time spent* dia, dengan izin – enam bulan, satu tahun atau dua tahun supaya kita boleh mengenal pasti tindakan-tindakan yang bisa dibuat.

Di bawah Kepala 050200 – Latihan Keusahawanan ini, saya berharap pihak Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil kira *target audience*, dengan izin, para graduan muda yang barangkali tidak mempunyai kemahiran-kemahiran dalam sektor-sektor di mana mereka boleh diterima sebagai pekerja supaya mereka diberi tumpuan untuk menambah kemahiran dan boleh dimasukkan dalam ruang aktiviti ekonomi yang wajar dan khususnya barangkali menambah kemahiran dari segi bidang keusahawanan.

Saya ingin minta pendapat menteri dalam perkara ini dan apakah tindakan-tindakan yang sudah dibuat untuk memastikan bahawa sumber negara daripada graduan-

graduan yang terlatih tetapi kalau kita bilang, 'tidak ngam', dengan izin, tidak tepat kepada keperluan *market* ataupun pasaran semasa, jadi mereka perlu dibekalkan dengan kemahiran, dan saya fikir barangkali mengajak mereka melibatkan diri dalam bidang *business* dan keusahawanan.

Tuan Pengerusi, seterusnya di bawah Kepala 050300 – Francais Dan Vendor di mana RM1.1 juta diperuntukkan untuk tujuan ini. Saya melihat ini amat kecil sekali. Kalau ini adalah bertujuan sekadar untuk latihan dan juga membantu usahawan-usahawan baru dalam sektor ini.

Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, saya minta pihak menteri kalau boleh menjelaskan di mana kita tanya juga perkara ini pada masa yang lampau tetapi saya rasa sektor ini amat dinamik. Kita perlu maklumat yang terkini, misalnya berapa banyak bumiputera telah melintasi dan terlibat dalam sektor ini dan daripada jumlah aktiviti vendor dan francais yang telah pun dibekal, berapa peratus peserta bumiputera kita yang masih lagi berterusan selepas katakan satu tahun atau dua tahun kerana kita sedia maklum memang ada *failure rate* juga. Kita ingin melihat *success rate*, dengan izin, supaya kita sebagai pemimpin rakyat akan terus memasarkan konsep ini kepada para pemuda pemudi dan khususnya kepada para usahawan muda.

Tuan Pengerusi, dalam soal ini juga kita melihat bahawa vendor atau francais yang ditawarkan melalui kementerian ataupun dalam soal tumpuan yang diberi dari segi bantuan pihak kementerian, ia tertumpu kepada aktiviti-aktiviti francais yang besar-besar dan yang *small size* atau *medium size* itu pada setakat ini tidak banyak yang ditawarkan atau difokuskan.

Saya ingin mengajak dan mencadangkan supaya pihak kementerian memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti tradisional yang boleh dibentuk sebagai francais, khususnya di peringkat negeri-negeri. Jadi, nombor satu ia bukan sekadar francais yang daripada dengan izin, *market chain* yang besar tetapi yang dibentuk dari segi kecil lagi dan berasas kepada perniagaan asli.

Misalnya perniagaan-perniagaan tempatan, perniagaan-perniagaan kraf tangan yang barangkali daripada syarikat yang sudah *success*, restoran-restoran *seafood* dan mi yang ada nama dan menjadi tumpuan orang ramai, jadi boleh dibentuk sebagai satu francais di mana barangkali ini milik bukan bumiputera tetapi dibentuk bersama, dengan itu usahawan muda bumiputera boleh melibatkan diri dalam soal ini – nasi ayam, jualan buah-buahan dan sebagainya supaya usaha untuk membentuk satu perniagaan dan francais dari ia masih kecil lagi dan pada masa yang sama, ia berbentuk asli dan yang ketiga, ia tidak mahal dalam pasaran, *all capital outlay* yang dipohon oleh atau yang akan diminta dan diperlukan oleh para usahawan kita. Saya ingin pihak menteri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan dibuat dalam perkara ini.

Yang nombor dua terakhir, soal di bawah Kepala 060000 – Majlis Amanah Rakyat yang diperuntukkan RM1 bilion dan kita katakan selepas daripada kerajaan kerana dasar ini tepat kepada keperluan untuk membentuk khususnya mempermodenkan dan meningkatkan semua program mahupun latihan keusahawanan di bawah kepala ini.

Saya hanya mahu sentuh manakala saya menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri tentang keperluan-keperluan maktab-maktab dan institut-institut di bawah kepala ini bagi negeri Sabah dan memanglah negeri Sarawak dan negeri-negeri yang terpencil kerana sering kali maktab-maktab dan institut-institut ini didirikan ataupun ditetapkan di dalam kawasan perbandaran. Pihak luar bandar haruslah diambil kira supaya bukan industri yang menarik latihan tetapi pusat latihan juga yang menarik industri datang ke sesuatu tempat itu dan untuk itulah bagi Rancangan Malaysia Ke-8, dalam soal peringkat kajian separuh penggal, saya harap pihak kementerian mengambil kira permohonan rakyat daripada kawasan Marudu, Bandau, Kota Belud, zon utara di Sabah ini untuk memohon supaya satu institut kemahiran MARA ataupun Maktab Rendah Sains MARA dapat diberi perhatian untuk ditubuhkan di kawasan zon utara Sabah untuk menangkap para pemuda pemudi yang muda dan banyak yang telah lulus di peringkat persekolahan yang diperlukan supaya mereka ada tempat yang dekat untuk berlatih dan mereka bakal menyumbang kepada kemajuan negara. Untuk makluman...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Menteri, adalah dijangka bahawa kira-kira 40,000 pekerja muda, belia dari Sabah yang bekerja di kilang-kilang di Semenanjung ini hampir kira-kira 40% atau setengah daripada ini berasal daripada Zon Utara Wilayah Kudat. Jadi, ada daripada mereka ini diberi bekalan latihan yang wajib dan bersesuaian, maka mereka menjadi bekal tenaga untuk industri pindah ke Sabah daripada industri-industri di Johor, di Pulau Pinang, di Melaka khususnya dalam bidang-bidang *furniture* dengan izin, dan beberapa tempat yang lain. Saya rasa, satu sahaja perkara dalam satu minit Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:Perbadanan Kraf tangan Malaysia, saya rasa perlu memperluaskan aktiviti di peringkat beberapa negeri seperti Sabah dan Sarawak supaya memberi tumpuan kepada pembentukan kualiti, *packaging* bagi kraf tangan-kraf tangan asli dan dan seterusnya membantu dalam promosi. Saya ingin bertanya, apakah tindakan-tindakan yang terkini dalam soal membentuk kraf tangan yang berkualiti, ber*standard* dan internasional, antarabangsa khususnya bagi kraf tangan di Sarawak dan di Sabah. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

12.02 tgh.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membahaskan 00300 – Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia. Saya hendak tahu hala tuju Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia ini kerana kalau dahulunya bank ini merupakan bank yang membiayai pembangunan usahawan-usahawan melalui pinjaman kepada IKS dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini, ramai yang tidak tahu apa lagi fungsi Bank Pembangunan. Sebab yang pergi dapat pinjamannya ialah syarikat-syarikat yang melaksanakan projek yang bernilai ratusan juta ataupun berbilion-bilion ringgit sahaja. Jadi, saya hendak tanya, kenapa dalam belanjawan ini, kerajaan terpaksa membayar subsidi, faedah kepada Bank Pembangunan Dan Infrastruktur ini sebanyak RM438,690,000 dan saya hendak tahu siapa dia, pinjaman-pinjaman daripada syarikat-syarikat mana yang terpaksa kerajaan membiayai subsidi faedah ini dan berapa jumlah tiap-tiap pinjaman kepada syarikat-syarikat terlibat? Jadi, sebab adalah satu kepelikan bahawa kerajaan mesubsidi faedah kepada syarikat-syarikat yang membuat pinjaman daripada bank yang dipunyai oleh kerajaan itu sendiri.

Yang keduanya, saya hendak tanya mengenai 00600 – Majlis Amanah Rakyat. Saya hendak tahu kedudukan Unit Amanah Saham MARA sekarang ini. Kalau dahulu, memang Unit Amanah Saham MARA ini adalah merupakan saham yang tidak cergas. Jadi, saya hendak tanya, sebelum krisis kewangan, berapa nilai Unit Amanah Saham MARA ini dan berapa nilainya sekarang ini selepas berlakunya krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi yang berpanjangan ini. Jadi, apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk memulihkan kedudukan Unit Amanah Saham MARA ini supaya dapat menjadi satu tarikan untuk bumiputera melabur dalam saham-saham yang dikeluarkan oleh Saham MARA ini.

Yang ketiganya ialah mengenai 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA dan 00604 - Institut Kemahiran MARA. Baru-baru ini, MARA ada pohon tanah sebanyak 300 ekar di daerah Kemaman, kononnya untuk membina sebuah MRSM dan juga Institut Kemahiran MARA. Satu cadangan yang cukup baik dan kita lulus tanah tersebut dengan cukup cepatlah. Maknanya, kalau orang lain kita tanya, kalau MARA kita tidak tanyalah. Tetapi, daripada apa yang kita dengar ialah MARA menangguhkan pelaksanaan pembinaan ini sedangkan kalau kita lihat kedudukan di Kemaman ini ialah di antara Gebeng dan Kerteh yang memerlukan ramai pekerja mahir dalam industri petroleum dan *petrochemical*. Juga, di kawasan itu terletak dua pelabuhan iaitu Pelabuhan Kuantan dan juga Pelabuhan Kemaman yang banyak memerlukan pekerja-pekerja pakar.

Jadi, kedudukan untuk menubuhkan IKM di kawasan Kemaman ini adalah satu perkara yang cukup-cukup baik dan cukup strategiklah untuk melatih pekerja-pekerja di

sekitar tersebut untuk memberi peluang kepada mereka untuk bekerja di kilang-kilang *petrochemical* dan petrokimia di Gebeng, Kerteh, Santon dan juga di Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman. Jadi, saya harap kementerian mengambil perhatian serius dalam penubuhan IKM ini dan juga MRSM kerana saya rasa ramai penduduk di kawasan Kemaman dan juga seluruh Malaysia adalah memerlukan sebuah MRSM di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan isu 03000 – Pembangunan Keusahawanan. Akhir-akhir ini sering kali kita dengar bahawa kerajaan akan menarik balik tongkat daripada orang bumiputera dan sebagainya. Dan ini kerana pelbagai tuduhan dilakukan terhadap bumiputera kerana malas, tidak bersungguh dan sebagainya. Saya hendak tanya kedudukan bumiputera dalam menguasai ekonomi negara ini. Daripada statistik yang ada, yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), saya difahamkan bahawa orang bumiputera menguasai 19.2% daripada kekayaan negara. Daripada 19.2% ini, hanya 2.28% sahaja dikuasai oleh orang perseorangan Melayu ataupun bumiputera.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**].

Jadi, adakah kerajaan *satisfied* ataupun berpuas hati dengan prestasi kedudukan bumiputera dalam menguasai ekonomi negara ini. Yang lainnya, ia dikuasai oleh institusi-institusi dan agensi-agensi kerajaan seperti Petronas, FELDA, FELCRA dan anak-anak syarikat negeri. Jadi, kalaulah dikira juga sebagai itulah ekuiti bumiputera, saya rasa itu tidak adil kerana ini merupakan agensi kerajaan dan kerajaan dimiliki oleh semua rakyat. Jadi, kalaulah kita lihat bahawa kedudukan kekuasaan ekonomi bumiputera hari ini dan apabila berlakunya kegawatan ekonomi, kita percaya bahawa orang Melayu dan bumiputera tidak menguasai ekonomi, tidak sampai 2% pun dan apakah langkah-langkah penerusan kerajaan untuk membantu bumiputera ini untuk meningkatkan penguasaan mereka dalam *economy cake of Malaysia* ini?

Kita tidak mahu melihat bahawa apabila ada Petronas, itulah bumiputera punya. Ada MARA, itulah bumiputera punya sedangkan itu milik kerajaan. Yang individu-individu Melayu ataupun orang-orang perseorangan bumiputera tidak ke mana dan perkara ini banyak ditutupi oleh kerajaan sendiri akan kejayaan sebenar perancangan-perancangan Dasar Ekonomi Baru, *new economic policy* dan sebagainya. Saya hendak tanya juga sama ada kerajaan akan meneruskan usaha-usaha polisi seperti dasar bumiputera dan sebagainya. Saya takut kalau sekiranya kita tidak melaksanakan, maka arus orang Melayu dan bumiputera ini, mereka akan menjadi pengemis dalam negara mereka sendiri. Kalau inilah berlaku, maka mandat yang telah diberikan kepada UMNO dan Barisan Nasional selama 45 tahun memerintah adalah satu mandat yang tidak menepati kepercayaan ataupun sokongan yang telah diberikan oleh rakyat kepada UMNO untuk memerintah negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Batang Sadong.

12.09 tgh.

Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Selepas itu Kuala Terengganu, selepas itu Sri Aman, selepas itu Menteri menjawab.

Puan Sukinam Domo: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga perkara sahaja. Yang pertama, 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains MARA. Kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian kerana adanya Maktab Rendah Sains MARA ini. Saya ingin bertanya, sama ada pihak kementerian akan menambah bilangan Maktab Rendah Sains MARA di Sarawak khususnya di luar-luar bandar kerana kita dapati Maktab Rendah Sains ini cuma ditempatkan di bandar. Kalau tidak silap saya, di Sarawak cuma satu sahaja. Jadi, adakah akan ditambah, itu yang pertama.

Yang kedua, adakah daripada segi impaknya, iaitu *qualification* yang hendak masuk itu, kelayakan masuk, boleh tidak dikurangkan daripada yang ada sekarang, sebab sekarang ini mesti *straight A's*. Tetapi, kita dapati ini menyebabkan budak-budak di luar

bandar akan sentiasa ketinggalan. Kita dapati, apa-apa sahaja dasar kerajaan, biasanya budak luar bandar ini susah hendak bersaing, susah hendak mengikuti perkembangan ataupun apa-apa dasar dan aktiviti yang dibuat oleh pihak kerajaan. Kalau boleh, saya sarankan, untuk budak-budak luar bandar ini, kelayakannya dikurangkan, supaya jangan *straight A's*, dengan izin, tetapi mungkin ada yang B, C daripada segi UPSR, sekolah rendah hendak masuk sekolah menengah, kerana kekangan ataupun *playing-field* dengan izin, tidak level. Di luar bandar lain, banyak kekangan. Jadi, budak-budak luar bandar biasanya tidak dapat menandingi, menyaingi budak-budak di bandar. Biasanya, kalau budak di luar dapat B, saya rasa ianya seolah-olah *equivalent* kepada A di bandar kerana kekangan-kekangan yang ada.

Saya ingin menyarankan supaya Maktab Rendah Sains MARA dibina juga di tempat-tempat di luar bandar terutama di kawasan-kawasan yang penduduknya semakin pesat. Misalnya di kawasan Samarahan di Sarawak. Kita ada di Kuching tetapi bahagian Samarahan ini begitu membangun sekali dengan banyak anak Profesor dan sebagainya di pusat-pusat pengajian tinggi yang ada di Samarahan. Jadi, biasanya mereka suka hendak menghantar anak-anak ke sekolah khas atau di Semenanjung menjadi budak asrama ataupun sekolah asrama penuh. Jadi, saya ingin menyarankan agar MRSM ini dibina juga di luar bandar tetapi dengan kelayakannya disesuaikan dengan kekangan-kekangan anak-anak di luar bandar yang tidak dapat menyaingi prestasi anak-anak di bandar kerana keadaan fizikal, keadaan *environment*, *educationnya* yang tidak begitu *condusive*, dengan izin, bagi di luar bandar.

Yang kedua, Butiran 00611 - Program Giat MARA. Program Giat MARA ini memang baik Tuan Pengerusi, memang baik. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak MARA dan pihak kementerian kerana program ini bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Giat MARA mengambil pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kelayakan yang membolehkan mereka pergi ke insituti kemahiran yang lain misalnya IKM dan sebagainya. Cuma, saya ingin memohon, selalu sudah saya mohon supaya sekolah ataupun aktiviti Giat MARA ini diperluaskan di tempat-tempat lain. Misalnya ada kawasan Parlimen, memang dasar sekarang ialah satu kawasan Parlimen, ada sebuah. Tetapi, ada kawasan Parlimen yang misalnya di Sarawak, Sabah, *impossible* untuk sebuah. Walaupun kawasan saya tidak begitu jauh daripada Kuching, tetapi untuk satu sahaja, memang tidak dapat kerana hendak bagi satu kawasan, hendak pergi ke satu kawasan yang lain, memang *impossible* Tuan Pengerusi dengan izin.

Saya sudah beberapa kali memohon, kalau dapat, mintalah sebuah di kawasan saya dan kedua, kalau boleh program itu, aktiviti programnya, kurikulumnya diperluaskan. Misalnya jahitan, sekarang cuma mengajar jahitan yang *basic* sahaja, tidak meluas. Katalah jahitan baju kurung, mereka hanya belajar sekadar buat baju kurung, tetapi sekarang ini baju kurung sudah luas dimensinya dengan adanya kerawang, bunga-bunga dan sebagainya. Jadi, mereka tidak dapat, pada hal *the demand is there*, dan saya rasa daripada segi pendapatannya amat lumayan, kalau anak-anak gadis kita terutama ibu-ibu tunggal di luar bandar, mereka tidak perlu berhijrah ke bandar, boleh dapat pendapatan yang lumayan dengan aktiviti seperti itu. Kalau boleh ianya diperluaskan.

Dan satu lagi daripada segi makanan misalnya, *food catering* ataupun mungkin anak-anak muda kita tidak kiralah, lelaki atau perempuan, ingin membuka restoran ataupun kedai-kedai kecilan makanan, saya rasa ini juga peluang satu lagi yang boleh memberi pendapatan yang lumayan kepada anak-anak kita, terutama yang tidak mempunyai akademik *achievement* yang tinggi.

Seterusnya pembangunan perniagaan. Di Sarawak saya dapati masalah bumiputera di Sarawak ialah, terutama bagi yang wanitanya, mereka ada *skill*, ada aktiviti tapi pemasaran tidak ada. Kalau di Semenanjung misalnya di Kuala Lumpur ini kita ada bangunan MARA, Medan MARA, yang boleh menempatkan gerai-gerai ataupun tempat-tempat untuk bumiputera berniaga tapi di Sarawak tidak ada. Jadi saya ingin bertanya bilakah bangunan MARA akan di bina di Kuching. Saya dapati ada sebidang tanah, kalau tidak silap saya sudah pun ada *signboard* di Jalan Istana di Kuching, tapi kini belum ada dibina bangunannya.

Ini merupakan satu tempat yang boleh menjadi pusat pemasaran bagi masyarakat bumiputera, khususnya wanita, untuk memasarkan barang-barang mereka seperti kuih-muih dan sebagai sebab mereka banyak buat aktiviti di luar bandar tapi tidak ada pemasaran. Mereka hendak pergi ke bandar Kuching, terhad, sebab tidak ada tempat, sebab sewa di bandar biasanya agak mahal. Sewa-sewa kedai itu *very expensive* dengan izin. Jadi mereka tidak mampu.

Kalaulah ada bangunan MARA seperti yang ada di Semenanjung ini saya rasa itu akan membantu masyarakat luar bandar khususnya ibu-ibu tunggal. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Kuala Terengganu.

12.16 tgh.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya rujuk kepada Butiran 00602 – MRSM. Pada 31 Julai 2002 Kerajaan Negeri Terengganu di bawah Yayasan Terengganu telah dikejutkan dengan suatu surat yang dihantar oleh MARA di mana pihak MARA telah buat keputusan dukacitanya terpaksa menamatkan kerjasama MARA dengan Yayasan Terengganu secara berperingkat-peringkat. Dengan keputusan tersebut dalam surat ini tiada lagi pengambilan pelajar akan dibuat bagi sesi pengambilan 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan kerjasama dengan pihak MARA bagi membangunkan MRSM di dua daerah, iaitu di Daerah Besut dan di Daerah Dungun. Pada tahun 1993 kerajaan negeri dan MARA khususnya dalam konteks membangunkan ataupun memberi peluang kepada anak-anak Melayu bumiputera terutamanya anak-anak yang miskin maka mereka telah mengadakan suatu usaha sama untuk membina dua MRSM.

Dipersetujui pada waktu itu di bawah Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional dan juga MRSM, Yayasan Terengganu akan menanggung dan bertanggungjawab di atas kemudahan-kemudahan fizikal dan peralatan dari masa ke semasa dan MARA akan membiayai perbelanjaan mengurus berkaitan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, MRSM, Yayasan Terengganu di Dungun mulai dibuka pada tahun 1995, Dungun dan Besut, kedua-dua sekali dan pengambilan pelajarannya adalah 150 orang setiap MRSM. Jadi pada waktu itu dipersetujui bahawa pengambilan pelajar dilakukan oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh MARA dan wakil Yayasan Terengganu.

Perkembangan yang terbaru ini Tuan Yang di-Pertua, adalah suatu yang memilukan, yang menyedihkan apabila saya yakin bila pendidikan dipolitikkan dengan suatu pandangan yang begitu sempit. Kerajaan atau MARA sendiri telah mengambil satu langkah yang terkebelakang yang bagi saya amat merugikan anak bangsa kita khususnya anak-anak Melayu yang miskin di Negeri Terengganu.

Saya berharap Menteri yang ada dalam Dewan ini janganlah mempolitikkan pendidikan kerana pelajar-pelajar yang masuk kedua-dua MRSM di Besut dan Dungun bukan kita kira parti politik PAS ataupun UMNO dan sebagainya tetapi bagi mereka-mereka yang *excel* dalam bidang pendidikan dan sejak daripada MRSM ini dibuka Tuan Yang di-Pertua, keputusannya adalah begitu baik. Keputusan di kedua-dua MRSM ini begitu baik pencapaian rekod akademik yang cemerlang di peringkat PMR dan SPM. Kejayaan di bidang ko-kurikulum dan cemerlang dalam kejohanan sukan, bola sepak, takraw dan sebagainya.

Kejayaan dalam pertandingan tunas saintis di antara semua MRSM di seluruh Malaysia dan banyak lagi kejayaan-kejayaan yang begitu cemerlang yang dicapai oleh pelajar-pelajar di kedua-dua MRSM ini. Keputusan yang dibuat pada 31 Julai 2002 yang ditandatangani oleh Haji Zamani bin Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan bagi membatalkan kerjasama kerajaan negeri dengan MARA ini adalah suatu yang kita kira amat menyedihkan.

Sebelum daripada itu telah ada beberapa *negotiation* dengan pihak MARA sendiri dan Yang Berhormat Menteri sendiri, secara tidak rasmi oleh beberapa orang ahli Lembaga Yayasan Terengganu dan pihak MARA serta Yang Berhormat Menteri sendiri dan telah ada *verbal assurance* dengan izin MARA meneruskan MRSM di kedua-dua daerah ini dan juga Pengerusi MARA sendiri telah pun melawat MRSM pada waktu itu dan dalam kenyataan akhbarnya Pengerusi MARA telah menyatakan bahawa MARA tiada cadangan untuk menutup atau mengambil alih MRSM YT, lawatan pada 20 April 2002 tahun ini.

Saya quote di sini "MARA tiada bercadang untuk menutup operasi maktab berkenaan seperti yang dihebohkan oleh masyarakat khususnya ibu bapa pelajar-pelajar di sini. Tidak timbul masalah pentadbiran malah MARA akan terus memberi bantuan dan menyediakan kemudahan pembelajaran secukupnya seperti MRSM-MRSM yang lain", ini pada 29 April 2002 tetapi pada surat yang Kerajaan Negeri Terengganu terima pada 31 Julai 2002 sebagaimana yang saya sebutkan tadi adalah begitu menyedihkan.

Alasan yang diberikan begitu tidak munasabah kerana antara alasan yang mereka berikan adalah kerana kekurangan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kedua-dua MRSM ini. Kemudahan fizikal yang serba kekurangan. Jadi saya di Dewan yang mulia ini secara terus terang meminta kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan negeri sanggup akur kepada sebarang kekurangan kepada Dewan yang mulia ini.

Kalau kekurangan *air-condition*, kekurangan bilik darjah dan sebagai kita akan menguruskannya secepat mungkin bagi menjamin masa depan anak bangsa kita yang melanjutkan pelajaran di kedua-dua MRSM ini bagi memberhentikan pengambilan pelajar pada tahun 2003 ini sekurang-kurangnya kita telah, tidak lagi memberikan tempat 300 orang pelajar anak-anak Melayu khususnya terutamanya Negeri Terengganu yang kuotanya yang diberikan *special* kedua-dua MRSM ini, 50% dan 80% anak Terengganu diberikan tempat yang kebanyakannya adalah terdiri daripada anak-anak Melayu yang begitu miskin.

Jadi, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah supaya janganlah sekali-kali mempolitikkan dengan politik yang begitu sempit dengan mengambil pandangan pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu yang bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang lagi, terlalu banyak sabotaj dan pengkhianatan yang dilakukan oleh UMNO Terengganu terhadap anak bangsa negeri Terengganu sendiri.

Tidak cukup mereka perintah 40 tahun Negeri Terengganu dengan penderitaan rakyat Negeri Terengganu selama 40 tahun dengan menyalahgunakan wang royalti minyak kekayaan Negeri Terengganu sekarang ini pelbagai sabotaj dilakukan secara rakus oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Masalah lapangan terbang di sabotaj, masalah pembesaran dan juga pendalaman, muara Sungai Terengganu disabotaj, masalah projek-projek pembangunan Terengganu disabotaj, sekarang ini pula, yang sedih dan pilu usaha untuk menutup satu pusat pengajian MRSM, dua daerah dan telah ada surat daripada MARA sendiri untuk menutup kedua-dua MRSM ini.

Jadi kalau Menteri bercakap untuk memberikan bantuan kepada bumiputera dan sebagainya dari segi tindakannya adalah berlainan, inilah suatu yang sedih dan memilukan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, telah ada pertemuan-pertemuan tidak rasmi di ruang legar Parlimen sendiri, beberapa orang ahli Lembaga Yayasan Terengganu sendiri telah bertemu dengan Yang Berhormat Menteri, telah menghantar surat kepada Yang Berhormat Menteri, tentang *assurance* yang ada ini dan Yang Berhormat Menteri sendiri telah memberikan *verbal assurance* kepada salah seorang kepada ahli lembaga Yayasan Terengganu, seorang profesor dari UM bahawa mereka tidak akan tutup kedua-dua MRSM ini dan meneruskan MRSM ini di Negeri Terengganu, kedua-dua MRSM ini.

Tetapi surat yang kami terima begitu sedih dan memilukan dan kit telah membuat *appeal* dan sebagainya dan sehingga sekarang tiada ada suatu keputusan yang bulat daripada kerajaan atau pihak MARA sendiri dan saya amat-amat mengharapkan supaya Menteri pertimbangkan semula. Janganlah mengambil perkiraan politik yang sempit sehinggakan kita mengabaikan ataupun kita menggelapkan masa depan anak bangsa iaitu dengan kita tutup dua sekolah ini, MRSM, sekolah berasrama penuh ini tidakkah Yang Berhormat Menteri serta pegawai-pegawai menyedari bahawa masa depan yang ada, kita

menutup ruang 300 tempat setiap tahun kepada anak bangsa kita sendiri, dalam keadaan kekurangan tempat-tempat yang ada di MRSM atau di mana-mana sekolah berasrama penuh yang ada sekarang ini, bilangan pelajar yang 5A beribu-ribu sekarang ini, sedangkan tempat bagi mereka untuk masuk sekolah-sekolah berasrama penuh adalah begitu terhad.

Apa yang dilakukan oleh MARA menutup pula apa yang telah sedia ada. Kerjasama yang telah sedia ada, yang dilakukan di antara Kerajaan Negeri Terengganu dan pihak MARA sendiri. Jadi saya harap supaya mengambil pertimbangan semula dan saya ingin mendapat komitmen yang 100 peratus di dalam Parlimen untuk tutup atau buka, jangan kita bermain politik dalam hal ini.

Kalau hendak bela orang Melayu, hendak bela anak bangsa kita, Yang Berhormat Menteri kena bertanggungjawab, kalau tutup MRSM Besut dan Dungun ini, bermakna ini juga merupakan satu pengkhianatan bagi saya, saya ulang, satu pengkhianatan kepada masa depan anak bangsa orang Melayu terutamanya negeri Terengganu sendiri, anak Melayu yang miskin dan tidak mendapat kemudahan dan sebagainya dan saya ingin mencatatkan dalam Parlimen ini bahawa sesungguhnya bahawa sejarah akan membuktikan bahawa sesungguhnya, kalau inilah akan diteruskan juga dengan pengarahannya ini tidak ada lagi pengambilan ini, maka kita rakyat negeri Terengganu akan menuntut segala-galanya apa yang dilakukan oleh Kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri sendiri.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, itulah yang dapat saya sebut dan saya harap ada tindakan yang positif dari Yang Berhormat Menteri sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sri Aman silakan dan lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.28 tgh.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020400 – Pusat Khidmat Kontraktor dan Butiran 04000 – Perancangan Penilaian.

Tuan Pengerusi, beberapa bulan yang lalu kita kaum bumiputera minoriti dari Sabah dan Sarawak telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan beliau telah melahirkan hasrat beliau untuk membantu bumiputera minoriti untuk maju ke hadapan supaya boleh setaraf dengan bumiputera yang lain di Semenanjung Malaysia dan pagi ini saya minta Yang Berhormat Menteri membantu Yang Amat Berhormat merealisasikan kehendak beliau ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masyarakat yang diwakili oleh saya, masyarakat Dayak adalah pada satu ketika dahulu, 50 tahun dahulu adalah satu *society* yang dikatakan *hunting and gathering society*. Jadi kita mencari rezeki di hutan, di sungai dan dengan cara bercucuk tanam tetapi sekarang hutan tidak ada lagi, sungai sudah pun tercemar dan kita mahu ataupun tidak mahu terpaksa mengikut jejak langkah saudara dari Semenanjung. Kita juga hendak berniaga tetapi budaya berniaga, tetapi budaya berniaga ini tidak ada di kalangan orang Dayak, jadi kita di Sri Aman hanya satu sahaja kedai yang dimiliki oleh kaum Dayak.

Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri membantu, menyenangkan proses pendaftaran syarikat dan minta Yang Berhormat Menteri juga meluluskan kalaulah orang dari kaum Dayak ini menggunakan alamat rumah panjang untuk mendaftarkan syarikat Kelas F ini, boleh juga saya rasa dipertimbangkan dan MARA juga pusat inkubator dan saya harap ini akan diadakan di Sri Aman dan saya harap kalaulah 50 orang pun hendak menggunakan pusat inkubator ini sebagai alamat perniagaan mereka, saya harap pihak Menteri dapat meluluskan.

Oleh kerana pada masa sekarang saya diberitahu hanya 4 syarikat sahaja boleh menggunakan satu alamat dan juga mengenakan syarat iaitu sebelum diberi kelas F mereka ini mesti berkursus dulu. Saya mencadangkan bagikan kelas F dan selepas itu beri

mereka berkursus dan kursus ini berilah secara percuma dengan dianjurkan oleh kementerian dan Menteri ini sendiri. Jadi oleh kerana masa terhad, inilah saja saranan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri menjawab.

12.30 tgh.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kalau tidak silap saya seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan satu Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu dia mencelah tadi. Dia suka, banyak kali dia mencelah semasa saya menjawab. Terima kasih berbanyak-banyak.

Saya hendak mengambil kesempatan yang pertamanya oleh kerana Yang Berhormat Kuala Terengganu dia ada di sini, saya hendak jawab bab dia punya dahululah. Sebenarnya saya agak terkejut juga dia membangkitkan benda ini kerana saya faham dia Ahli Parlimen parti Islam. Parti Islam ini Yang Berhormat, dia tak kira Terengganu kah, Kedah kah itu asobiah maknanya.

Kalau dia hanya bercakap tentang kaum dia sahaja, negeri sahaja, asobiahlah itu. Saya bercakap tentang orang-orang Melayu seluruh yang ada di negara kita. Saya tidak fikir tentang Melayu susah di Terengganu sahaja kah, Melayu susah di Perak sahaja kah di negeri saya. Saya kira orang Melayu yang susah dan mereka berada di mana-mana.

Orang Melayu ada juga di Sentul. Orang Melayu juga ada di Chow Kit. Ini juga perlu pembelaan. Mengapa kita harus sempit politik kita. Dia yang sempit bukan saya. *[Menghalakan pandangan ke Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu]* Saya tidak memikir tentang satu negeri. Saya memikir tentang semua negeri. Saya akan cerita urutan apa yang berlaku dalam hal ini.

Pertama saya hendak beritahu Yang Berhormat tuduh UMNO Terengganu tidak betul. UMNO Terengganulah yang bawa MRSM Yayasan Terengganu ke negeri Terengganu, bukan PAS. Bagi saya, keputusan itu keputusan saya. Ini keputusan Menteri Pembangunan Usahawan. Tidak ada kena mengena dengan UMNO Terengganu. Saya tidak mahu orang yang tidak bersalah bertanggungjawab atas tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Ini keputusan, ini keputusan Ahli Parlimen Chenderoh yang merupakan Menteri Pembangunan Usahawan.

Yang Berhormat, apabila saya menjadi Menteri, saya memikirkan tentang orang susah, khususnya orang Melayu. Biasalah. Apabila kita bercakap tentang orang susah, kita hendak memberikan kesempatan kepada semua orang-orang Melayu tidak kira daripada negeri mana dia datang. Jadi saya memang betul saya berjumpa dengan secara tidak langsung di ruang legar tetapi bukan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Saya bercakap dengan Ahli Yang Berhormat bagi Dungun.

Saya nampak Ahli Yang Berhormat bagi Dungun tadi ada bagi *briefing* kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi. Jadi sebenarnya kalau benda yang betul dan hendak disahkan apa yang dibincangkan ialah dengan Ahli Yang Berhormat bagi Dungun bukan dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebab saya tidak pernah bincang dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Saya juga bercakap tidak betul yang Profesor, memang dia jumpa saya dan saya tidak pernah *verbal assurance* iaitu bahawa saya akan tarik balik keputusan. Saya tidak pernah bagi, dia mengharap, saya kata saya tengok tetapi kalau setakat saya kata saya tengok dan dia mengharap dan dia membuat kesimpulan bahawa saya bagi *verbal assurance*, itu pandangan dialah. Tetapi saya tidak pernah bagi dia *verbal assurance* bahawa saya tidak akan tutup MRSM Yayasan Terengganu di Besut dan Dungun.

Sebab itu Yang Berhormat saya hendak bagi tahu, pertama saya nafi bahawa saya bagi *verbal assurance* kepada Profesor yang berjumpa saya. Dia jumpa saya di pejabat. Keduanya, apa saya cakap di sini kalau hendak dikatakan perbincangan dibuat, saya berbincang dengan Ahli Parlimen Dungun, saya tidak bincang dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, saya tidak bincang dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Saya minta kepada Ahli Parlimen Dungun iaitu kurangkanlah kemasukan anak-anak Terengganu dalam MRSM Terengganu ini. Ada peringkat sampai Yayasan ini ambil 80%, kemudian dikurangkan kepada 70% dan 60%. Saya bela orang Melayu yang susah. Tetapi bukan orang Melayu Terengganu sahaja. Saya kata saya hendak masukkan juga orang-orang Melayu yang susah yang datang daripada Sentul, yang datang daripada Chow Kit walaupun dalam bandar tetapi dia susah. Dia peniaga kecil, pemandu teksi, anak dia yang susah juga sama kuatnya tuntutan untuk masuk ke MRSM dengan orang susah di Terengganu.

Kita tidak boleh politik sempit, fikir tentang Terengganu sahaja. Kita fikir semua. Sebab itu saya minta kepada Ahli Parlimen Dungun. *You* kurangkanlah kemasukan anak-anak Terengganu daripada 70%, 60% kepada kurang dan saya hantar ke lain pula. Tetapi saya malas cakaplah dia tidak ada di sini. Nanti kata saya tipu pula. Tetapi dia tidak nampak begitu - maklumkan dia orang Terengganu dia tidak mahu bagi apa yang dia ada.

Permintaan saya tidak diterima. Saya hendak - lagi pun Yang Berhormat, kalau kita buat satu MRSM, kita longgok 70% di situ budak Terengganu sahaja, masa bila hendak buka mindanya. Betul kita bagi pendidikan, 70% duduk dalam MRSM buat Terengganu sahaja. Yang pertamanya bukan orang Terengganu sahaja yang miskin. Orang lain pun miskin juga. Jadi saya minta kurang. Saya adil, saya bukan buat tindakan yang terburu-buru.

Saya minta supaya dikurangkan. Tetapi *respondnya* - yalah mungkin saya faham dia Ahli Parlimen Terengganu, apa yang dia ada dia tak mahu beri dan bila dia tak mahu beri, saya mestilah guna kuasa saya. Saya Menteri hendak buat macam mana. Jadi saya ambil keputusan itu bahawa kalau sudah tidak mahu kurangkan peratusan kemasukan anak-anak Terengganu ke suatu kuota yang lebih rendah dan saya juga mahu supaya bercampur – Melayu Terengganu bercampur Perak. Biar ada satu imbalan yang baik dan tidak longgok satu kumpulan, saya negeri, kedaerahan, kenegerian sahaja.

Jadi apabila tidak terima, dukacitalah, saya ambil keputusanlah. Itu keputusan saya.

Tuan Muhamad bin Sabu: Dato', saya ingat keputusan Dato' itu macam mana kot tak terima pun, berundinglah lagi. Tak kan nak tutup terus. Ini budak-budak. Budak-budak belajar ini dan Terengganu pula dikatakan mundur, sekarang pula hendak tutup terus. Jadi tak kena sikat tu Dato' Menteri [*Ketawa*] kalau buat '*pongih*' macam itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kena. Dia kena. Saya tak habis berucap lagi dia dah masuk awal. Kena. Nanti saya bagi tahulah itu sebab saya kata kena. Bagi saya jawab penuh. Jadi saya ambil keputusan itu bahawa saya tutuplah. Sebab bangunan, bangunan mereka. Bangunan mereka. Jadi dia merasa dia ada *leverage*. Dia ada *leverage*, kalau dia tak setuju, apa *you* boleh buat? Ialah saya tak boleh buat apalah. Dah *you* tak mahu ikut saya, itu bangunan *you*. *You landlord*. Apa pilihan saya, Tuan Pengerusi, apa pilihan saya? Saya keluarlah. Betul tak?

Sebab yang menjadi tuan tanah ialah Yayasan Terengganu. Saya buat permintaan, saya buat permintaan, ya macam kita sewa, kita buat permintaan iaitu bahawa kurangkanlah sewa. Hah, macam itulah. Saya kata kurangkanlah kuota orang Terengganu itu bagi kuota seimbang sedikit supaya Melayu lain boleh datang. Dah *landlord* kata *no, take it or leave it? Take it or leave it*, saya keluarlah, hendak kelahi buat apa? Dia punya bangunan. Jadi apa yang saya salah. Apa salah saya? Dah kalau *landlord* tak setuju, apa saya hendak buat. Dan pilihan kepada saya itu bahawa pilihannya. Saya keluarlah. Tetapi saya keluar saya tidak tutup. Bangunan itu, bangunan dia.

Semua guru dan budak-budak yang belajar ini diteruskan. Tidak ada pemberhentian. Kalau dia Tingkatan 4 hari ini, kalau kita tutup di Besut, dia akan masuk di bangunan MARA punya sendiri yang kita bina MRSM di Pontian kah di mana kah. Mereka boleh masuk. Tidak berbangkit soal Yang Berhormat kata tertutup. Bermakna kita tutup dia tidak ada belajar. Tidak ada, kita angkat dia, kalau ada katalah Tingkatan 4 tahun ini, dan kita tutup tahun ini, bukan bermakna Tingkatan 4 itu ditutup, dia tidak boleh sambung dia punya pelajaran, tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Tingkatan 4 tahun ini dia akan mengadakan Tingkatan 5 dia di MRSM di mana yang kami bina bangunan kami sendiri. Tak ada bangkitlah. Sewa dengan orang ini susah Yang Berhormat. Itulah macam saya, saya minta kurang, dia tak bagi. Apa pilihan saya, saya keluarlah. Saya penyewa, saya penyewa. Jadi saya ingat itu.....ya, silakan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa tindakan Yang Berhormat Menteri itu wajar. Kalau hendak dibandingkan dengan Kerajaan Negeri Terengganu sudah tutup 325 Tadika. Saya rasa itu lebih dahsyat lagi. Anak-anak yang kecil-kecil hendak belajar ditutup dengan alasan kerana tanah milik kerajaan negeri. Walaupun bangunan itu dipunyai ataupun didirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional suatu ketika dahulu ataupun oleh penduduk tempatan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih atas sumbangan. Memang betul, dia tutup dia tak..... tetapi saya bukan tutup. Saya cuma Yayasan Terengganu tidak setuju dengan apa yang saya minta.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, tidak setuju dengan apa yang saya minta. Oleh sebab itu Yang Berhormat Okey, nanti, nanti sebelum ini ...

Tuan Pengerusi: Ya, Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya fikir Yang Berhormat Menteri seorang yang mempunyai cita-cita untuk membela anak bangsa khususnya Terengganu yang mempunyai rakyat termiskin yang kedua dan sekarang yang ketiga di Malaysia.

Saya nampak perbincangan kita, saya minta supaya dalam keadaan yang maknanya melihat masa depan anak bangsa kita mengatasi kepentingan politik semasa kita. Jadi saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah jawapan daripada Kerajaan Negeri Terengganu khususnya Yang Berhormat bagi Dungun ada *black and white* yang menyatakan sudah tidak ada jalan keluar lagi. Ataupun hanya sekadar *verbal*. Kalau jawapan itu *verbal* saya fikir kita boleh bincang balik untuk kepentingan orang Melayu khususnya dan soal penutupan itu saya fikir MARA punya hasrat untuk buka lebih banyak lagi jadi semacam dasar undur ke belakang.

Jadi saya minta supaya adakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk berbincang balik soal ini. Saya rasa Kerajaan Negeri Terengganu sedia untuk berbincang bila-bila masa dan sebagai tuan tanah atau tuan rumah, saya fikir kita bagi *assurance* di Dewan yang mulia ini, insya-Allah kita boleh duduk bersama dalam kepentingan anak bangsa yang tidak ada soal politik begitu. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu sebelum membuat keputusan, fikir dalam-dalam. Jangan waktu kita merayu, saya punya *style*, saya cakap – cara baik. Saya minta cara baik. Tetapi kalau jawabannya sedikit keras, nampak tak - saya pun kaki lawan juga. Saya Yang Berhormat, saya nasionalis Melayu. Saya tidak peduli. Saya tidak *apologetic*, saya tidak hendak minta maaf kepada siapa. Jangan pertikaikan soal saya hendak bela bangsa saya. Tetapi bukan Melayu Terengganu sahaja, Melayu semua dalam negara kita ini. Ini kena ingat.

Jadi sebab itu saya hendak beritahu bahawa sebelum saya ambil keputusan, saya ambil tindakan yang betul dan saya berunding dahulu. Selalunya saya ini kalau sudah ambil keputusan kalau orang tolak, barulah saya ambil tindakan yang saya perlu ambil mengikut bidang kuasa saya. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat kecewa dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Apakah Yang Berhormat Menteri menyedari yang pertamanya tempat kalaulah budak-budak ini

dipindahkan ke sekolah-sekolah berasrama penuh lain pun, tempat bagi pelajar-pelajar yang mendapat 5A dalam UPSR pun tidak mencukupi untuk seluruh Malaysia ini sendiri.

Yang keduanya, keputusan mesyuarat antara MARA dengan Yayasan pada 5 Februari 2002 minta Menteri rujuk supaya kuota itu dikekalkan tetapi dia minta supaya diagih-agihkan di seluruh MRSM di seluruh Malaysia. Kita bersetuju pihak kerajaan negeri bersetuju. Cuma kita minta supaya kuota untuk anak Terengganu yang miskin yang susah dikekalkan. Tidak perlu bubuh di MRSM Besut ataupun Dungun. Tetapi kuota untuk pelajar-pelajar belajar di MRSM mana-mana MRSM, Sabah kah, Sarawak kah mana-mana, kita boleh terima tidak ada masalah.

Jadi sebab itulah Yang Berhormat Menteri saya harap jangan bermain politiklah tentang pendidikan ini dan jangan retoriklah dalam hal ini kerana ini adalah merupakan masa depan anak bangsa kita menutup satu institusi pendidikan adalah suatu pengkhianatan. Saya ulangi, satu pengkhianatan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tak peduli apa *you* fikir, ya. Awak satu orang sahaja. Saya bela anak Melayu. Apa Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu fikir, saya tak penting. Saya juga Wakil Rakyat, *you* Wakil Rakyat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, nanti dahulu, sabarlah, apa yang emosional, sabarlah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Kita tidak emosional.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Inilah masalah dia. Saya hendak bagi tahu, selagi, ya! Selagi kita mengguna bangunan Yayasan Terengganu, selagi itulah ditekan kuota yang lebih untuk anak Terengganu. Itu dia masalah dia. *The core problem* ialah *you* guna kita punya bangunan, jadi kita kena dapat lebih. Kalau begitu negeri lain pun hendak buat juga.

Kalau begitu negeri Johor juga hendak buat memahami bahawa dapat *advantage*. Kalau mereka menyediakan bangunan dia akan dapat kuota lebih. Inilah yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Betullah maknanya memang ada perbincangan di antara MARA dengan Yayasan Terengganu yang mana dia kata Yayasan Terengganu kata iaitu bahawa kami boleh bagi tetapi bagi imbang dengan tempat-tempat lain. Inilah problemnya, sebab dengan memberikan bangunan itu kepada MARA Terengganu dapat *advantage*, kalau begitu negeri lain pun hendak buat juga, saya rasa Perak pun hendak buat juga.

Seorang Ahli: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti-nanti. Ada keputusan daripada Treasury, ini saya hendak cerita, asas kepada tindakan yang saya ambil ini berasas, Treasury mengambil keputusan iaitu tidak ada, tidak boleh lagi dibina MRSM berdasarkan kepada *dedicated* MRSM, sebagai contoh macam Tentera di Terendak iaitu *dedicated* MRSM yang mana MRSM Terendak hanya untuk anak-anak tentera, walaupun mereka ada justifikasi untuk ada MRSM khusus *dedicated* untuk mereka, sebab bapa tentera ini dia transfer ke sana ke sini dan untuk memberikan ketenteraman kepada mereka, anak dia mendapat pendidikan baik, kita buat MRSM khusus *dedicated* untuk tentera.

Kita ada *dedicated* untuk polis di Kulim, dan Yayasan Terengganu ini *dedicated* untuk orang Terengganulah ini, jadi Treasury sudah buat keputusan tidak boleh, jadi saya ambil daripada keputusan inilah memberikan saya justifikasi untuk berhenti, walaupun pada ketika itu saya masih lagi hendak berunding dengan mereka.

Saya bukan retorik, saya cakap benda yang benar, yang kuat retorik, dia. Ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, ini, nanti, minta maaf, saya minta Kuala Terengganu, dia hendak tanya tadi.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Dia tidak bangun tadi, Hulu Terengganu bangun.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hah, okey. Lepas ini bangunlah, jangan tak bangun, Kuala Terengganu.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cukup rasa kecewa dengan keputusan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, yang sebenarnya kita seperti yang disebut oleh Kuala Terengganu beberapa bulan yang lepas telah mendapat maklumat ini, tetapi kita masih menaruh harapan yang sangat tinggi kepada Yang Berhormat Menteri, yang saya rasa sangat berpandangan jauh terutama untuk memela anak Melayu umat Islam, hari ini pun Yang Berhormat Menteri memberitahu beliau seorang nasionalis Melayu, tetapi apakah sebenarnya di sebalik, kalau Yang Berhormat Menteri kata bukan kerana tuntutan UMNO Terengganu, tetapi adakah penutupan ini untuk 300 pelajar ini ada kaitan dengan pemberian 10% pelajar MRSM kepada orang Cina, adakah kerana tuntutan itu, maka korbankan dua buah MRSM di negeri Terengganu ini untuk memenuhi kuota tersebut?

Beberapa Ahli: Hah!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya sudah jawab tadi, yang 300 itu dia tak mati, kita hantar ke tempat-tempat MRSM yang lain yang telah kita bina, kita ada di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini, yang hendak siap tahun ini ada dua, tiga, yang hak tengah belajar sekarang ini, kita tidak hentikan pengajian dia, kita hantar mereka, saya jamin yang sudah belajar, kita hantar mereka ke MRSM yang baru dibina.

Pelajar baru pun kita masukkan ke tempat baru. Ya, jumlahnya sama, sebab yang kita tutup ini ialah tidak buat di bangunan itu sahaja. Sebenarnya isunya kita tidak menjalankan MRSM di bangunan itu, bukan tutup!

Kita membuat MRSM di tempat lain dan saya telah cerita sebentar tadi, urutan di mana saya mengambil keputusan ini. Saya tidak sempit pemikiran, saya ingat Yang Berhormat sempit, sebab Yang Berhormat hanya fikir tentang orang Terengganu sahaja. Itu sempitlah, Malaysia besar, Terengganu kecil, mana besar, Malaysia sempitkah kalau kita fikir tentang Malaysia sempitkah, atau fikir tentang negeri sempit? Sudah tentulah fikir tentang Terengganu sempit, yang sempit di sebelah sana.

Saya tidak sempit, saya fikir untuk semua, bukan untuk Terengganu sahaja, untuk Kelantan, untuk Kuala Kedah pun. Ya, sila Kemaman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Tuan Pengerusi, terima kasih. Dalam ucapan saya tadi, saya ada untkit juga mengenai tanah yang telah disediakan di Kemaman untuk MRSM, tetapi mengapa pula projek membina MRSM di Kemaman ini di delay, adakah ini terlibat dengan keputusan politik juga, kalau benarlah, kalau Dato' Menteri rasakan bahawa tidak mengira politik, maka projek di Kemaman ini patut diteruskan dengan cepat, sebab tanah sudah sedia apa semua. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya belum jawab Yang Berhormat lagi, ini baru Kuala Terengganu, nanti saya jawablah nanti, sabarlah! *[Ketawa]*

Jadi, saya tidak sempit pemikiran saya, saya fikir tentang seluruh Melayu yang ada di negara kita. Bukan sahaja Melayu Terengganu dan saya fahamlah kalau macam Kuala Terengganu, Hulu Terengganu memikir Terengganu saya fahamlah, sebab dia orang Terengganu, sebab dia sempit pemikiran dia. Saya faham. Saya tidak Yang Berhormat, saya fikir untuk semua Melayu. Ya, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' Menteri, kalaulah BN memerintah Terengganu, mereka mempertahankan kuota itu, adakah Dato' Menteri hendak mengambil tindakan tutup juga kedua-dua tempat itu, kalau BN yang minta kuota itu dipertahankan 70%, 80% anak-anak Terengganu, adakah akan ditutup juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, sebenarnya betul-betul Yang Berhormat tanya itu, bagus juga. Sebenarnya saya tidak pernah bersetuju, waktu dahulu menteri kementerian ini ialah orang Terengganu ya. Dan waktu itu saya

Pengerusi MARA, saya tidak bersetuju. Tetapi dia menteri pada ketika itu, dia buat keputusan dialah, dia menteri. Sekarang saya menteri, saya buat keputusanlah. *[Ketawa]*

Saya tidak bersetuju, waktu perkara ini dibangkit, saya Pengerusi MARA pada ketika itu, saya tidak bersetuju dedicated MRSM kepada hanya satu negeri sahaja, saya tidak bersetuju, sebab itu bila sampai ketika saya jadi menteri, walaupun pada ketika itu saya pun runding juga dengan Ahli Parlimen Dungun minta kurang, dia tidak mahu, jadi saya terpaksa ambil keputusanlah, kuasa saya. Ya Kuala Terengganu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Pengerusi, terima kasih dan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apa yang tindakan yang diambil ini adalah merupakan suatu tindakan yang bagi kita adalah suatu tindakan yang merugikan dan saya sebut tadi, pada 28 April, Pengerusi MARA *[Disampuk]* Pengerusi MARA telah melawat ke Besut, ke MRSM dan telah memberi *assurance* bahawa ia tidak akan tutup, MARA tidak akan tutup dan akan terus memberi pembelaan kepada pelajar-pelajar anak Terengganu walaupun kuotanya diberikan special kepada anak Terengganu dan sebagainya kerana untuk memberikan pembelaan dan tidak timbul sebarang masalah dari segi penutupan MARA ini.

Pengerusi MARA sendiri pergi melawat ke tempat-tempat ini, jadi Yang Berhormat Menteri, saya harap oleh kerana Yang Berhormat Menteri sebut, kuasa di tangan Yang Berhormat Menteri, tetapi Yang Berhormat Menteri kena ingat, keputusan yang dibuat ini, saya ulang lagi adalah merupakan pengkhianatan kepada masa depan anak bangsa Melayu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dah kata, saya peduli apa you cakap! Hendak kata saya pengkhianatkah, saya jahatkah, itu pandangan awak, awak punya fasallah. Soalnya di sini, kita dalam Barisan Nasional, kita mengizinkan kebebasan untuk memberi pandangan.

Pengerusi saya, dia pergi okey, dia beri pandangan dia, saya tidak pernah marah kepada dia, apakah, tetapi akhirnya nanti, dalam line of decision, menteri ambil keputusan. Mana-mana pun di Terengganu pun, saya percaya ada EXCO cakap lain, tiba-tiba Menteri Besar mungkin buat keputusan lain. Itu biasalah!

Jadi, sebab itu, tidak boleh kata hendak ungkit apa Pengerusi cakap kerana dalam *line of decision*, yang akhirnya berkuasa – saya, saya menteri.

Itu hak sayalah! Dan saya buat keputusan, jadi tidak berbangkit soal kata Pengerusi cakap lain, ini cakap lain – tidak. Sebab Pengerusi dia turun, dia beri pandangan dia, okey, tidak ada masalah, Ahli Parlimen pun beri pandangan, tidak ada masalah ya.

Tetapi akhirnya satu orang kena ambil keputusan, dan saya ambil keputusan dan saya tidak lari dari keputusan saya, saya bertanggungjawab dengan keputusan saya. Soal saya betul tak betul, kalau Kuala Terengganu fikir tidak bagus, tak mengapalah. Itu pandangan Kuala Terengganu sahaja, saya percaya ramai lagi Ahli-ahli Parlimen lain yang di sini sokong saya. *[Tepuk]* Ya, takkan hendak ambil Kuala Terengganu seorang sahaja!

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masalah sekarang bukan masalah Kuala Terengganu ataupun masalah Terengganu, apa yang kita perbincangkan ini Tuan Pengerusi, kita membincang masa depan anak bangsa Melayu, penutupan dua sekolah, adakah kita tidak ada hati perut, kita menutup dua sekolah berasrama penuh

Tuan Pengerusi: Hmm, Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: tahun 2003 tidak akan ada pengambilan walaupun menteri kata akan dipindah ke tempat lain, tetapi menteri adakah tidak sedar bahawa kita kekurangan tempat untuk pelajar-pelajar belajar. Di Terengganu sahaja 2,000 lebih pelajar-pelajar UPSR yang mendapat 5A yang boleh masuk ke asrama

penuh lebih kurang 400 orang, 1,500 lagi tidak dapat pergi ke mana-mana sekolah-sekolah berasrama penuh. Ini Yang Berhormat Menteri kena sedar!

Begitu juga saya hendak rujuk balik perbincangan Yang Berhormat Menteri dengan Profesor Muhamad Abu Bakar, dia sendiri menyatakan Yang Berhormat Menteri telah pun memberikan *assurance* dan bahawa kedua-dua MRSM ini, MRSM YT Dungun dan Besut, kedua-duanya dikekalkan untuk sementara waktu, dikekalkan.

Jadi, saya tidak tahulah, siapa yang berbohong di sini, seorang profesor Universiti Malaya ataupun seorang menteri yang berbohong. Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beritahu Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi dah, saya bercakap dengan profesor, saya tidak pernah berjanji kepada dia, tetapi perangai dia ini, asobiyah, dia percaya orang Terengganu sahajalah, sebab profesor itu orang Terengganu, dia tidak mahu percaya kepada saya. Saya tidak akan memberikan janji kalau saya tidak akan laksana, ini perangai saya.

Dan kalau dia datang merayu dengan penuh harapan, dia kata, mintalah Yang Berhormat, saya kata, tak apa, saya tengoklah.

Kalau kata saya tengok, bukan bermakna saya sokong. Itu bukan keputusan. Sebab kita orang Melayu ini tidak mahu menghampakan, dia datang dengan penuh harapan ini, dia minta kepada saya. Saya boleh beritahu dia, "Eh, sorry you baliklah!" Tetapi dia datang, dia jumpa, dia pun saya kawan dengan dia di London dia belajar di sana, saya kenal dia, saya tidak pernah janji. Saya hendak beritahu iaitu bahawa saya hendak mengekalkan kedua-dua Yayasan Terengganu.

Tuan Pengerusi: Minta Yang Berhormat masuk perkara lain pulalah. Saya ingat dah cukup penuh dah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, sebenarnya saya hendak sebut iaitu bahawa tidak ada dedicated MRSM, bermakna bahawa macam Tenaga Nasional minta hendak buat MRSM untuk kakitangan Tenaga – kita tidak beri, kita cuma yang ada sekarang MRSM Terendak dan Kulim, yang itu sahaja yang kekal, itu pun justifikasinya ada, kerana mereka anak tentera, anak polis, bapa-bapanya semua berkhidmat kepada negara, kemudian mereka pindah randah, jadi kita beri dedicated MRSM kepada mereka, tetapi dedicated MRSM berasaskan kepada negeri, di mana kerajaan negeri menyediakan bangunan, kita buat MRSM, kemudian kita beri dia kuota, itu tidak ada lagi dah, no more!

Sebab itu untuk berlaku adil kepada semua negeri, bukan negeri Terengganu sahaja orang yang miskin, negeri lain pun banyak juga orang miskin. Jadi, untuk berlaku adil kepada semua negeri, MRSM yang kerjasama dengan Yayasan adalah dihentikan dan keputusan adalah muktamad.

Tuan Pengerusi: Ya, hmm.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Hulu Terengganu sedikit.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, ya, ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Minta jaminan sahaja sedikit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dah cukuplah itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dak, dak, dah memang tutup, tak ada keputusan dah, maknanya iaitu bahawa

Tuan Pengerusi: Sila, sila teruskan.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Dari segi pelajar.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Dari segi pelajar, dari segi pelajar, jadi apakah daripada Yang Berhormat Menteri, oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata sekarang masalahnya ialah masalah tempat sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Dari segi pelajar, tidak ada masalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada masalah. Saya sudah beritahu tadi

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Apakah jaminan daripada Yang Berhormat Menteri

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ... semua yang sedang belajar

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Ya, yang sedang belajar dan yang sedang

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ..Tingkatan satukah, duakah, tigakah, mereka yang sedang belajar sekarang, yang mana MRSM YT ini akan ditutup, mereka akan diberikan tempat di MRSM-MRSM yang lain.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid: Itu yang sedang belajar, yang pengambilan kebiasaan

Tuan Pengerusi: Hulu Terengganu, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang tidak boleh beri *leverage*..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ... kita beri advantage kepada mana-mana negeri, berdasarkan dia beri bangunan, kita beri dia lebih, tak boleh, itu tak mahu, kita hendak beri kepada semua seimbang, rakyat Melayu yang susah di mana-mana negeri sekali pun akan diberikan pertimbangan yang sama, tidak ada keutamaan kepada mana-mana negeri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Bachok banyak bertanya soalan, pertama berkenaan dengan perabot. Memang kita memberi penekanan tentang penglibatan bumiputera dalam bidang perabot ini dan kita ingin memastikan supaya mereka tidak akan menghadapi apa-apa masalah dalam apa yang dilakukan oleh mereka dan kita sentiasa memantau, ya Yang Berhormat ya, memantau, sebab kita mahu penglibatan kerana pasaran perabot ini adalah besar dan perolehan daripada kerajaan untuk bidang perabot ini juga adalah besar tetapi dalam masa yang sama kita mahu supaya perabot-perabot bumiputera kita, kerja yang dapat perolehan itu hendaklah dijadikan sebagai orang kata, jangan bergantung 100% kepada situ, ya.

Sebab, kemungkinan ada pertukaran dasar sedikit sebanyak yang akan nanti menjejaskan pasaran perabot ini yang juga akan menjejaskan business mereka yang terlibat dalam perabot.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa dah pukul 1.00 tengah hari Yang Berhormat ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sila sambung jawapan.

2.31 ptg.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamaed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, Bachok juga bertanya berkenaan dengan latihan keusahawanan, apakah kita memberi latihan dalam bidang ICT kepada mereka dan juga kepada siswazah-siswazah yang menganggur, jawapannya 'ya'. Kemudian Yang Berhormat ada bangkit berkenaan dengan TEKUN, sukacita saya hendak maklumkan di sini iaitu bahawa sebenarnya TEKUN merupakan satu skim yang sungguh berjaya. Daripada 58,000 usahawan-usahawan kecil yang diberikan pinjaman, hanya 140 sahaja, saya ingat kurang 0.7% yang memberi masalah, yang tidak bayar kita terpaksa kejar dan lain-lain lagi. Ini jelas menunjukkan bahawa skim ini adalah baik, diterima baik dan saya kira bagi pinjaman kepada orang susah ini bagus. Ini juga, mereka ikhlas bekerja, orang susah dan juga sistem kita mengutip, cara kita pun bagus, kita kutip tiap-tiap minggu. Di tempat mereka berniaga jadi tidak ada masalah kepada mereka. Jadi skim TEKUN adalah baik, walaupun Yang Berhormat kata ada juga diperingkat bawah ini ada yang tidak dapat, disabitkan kerana mungkin pertimbangan politik dan macam-macam lagi. Saya tidak menafikan perkara ini berlaku sebab di 190 kawasan Parlimen, dengan beribu pegawai yang menjalankan dan yang dilantik untuk memberi pinjaman sudah tentulah ada yang di bawah itu - mungkin, oleh kerana *enthusiasm*nya berlebihan, politiknya itu lebih sikit mungkin dia buat seperkara sedemikian - mungkin ada.

Walau bagaimanapun saya membuka satu ruang tingkap, *window* yang mana bagi mereka yang agak sukar daripada kawasan-kawasan pembangkang, ada mereka yang memohon tetapi tidak dapat, saya memberi ruang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk berhubung terus dengan saya dalam perkara-perkara tertentu yang mana saya sendiri melihat perkara itu dan minta pegawai memberi kelulusan terhadap mana-mana permohonan yang datang daripada Ahli Parlimen, termasuk semualah pembangkang ataupun tidak, ada tingkap yang saya buka, *window* yang saya *open* khusus kepada Ahli Parlimen *direct* kepada saya dan saya akan pertimbangkan. Tuan Pengerusi....

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Bachok bangun ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta penjelasan sedikit berhubung dengan program susulan kepada penerima-penerima TEKUN ini dalam memastikan supaya mereka ini lebih berdaya maju dan boleh mengembangkan lagi perniagaan serta jaminan untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi memperbesar lagi perniagaan mereka. Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Program susulan iaitu bahawa kalau mereka yang mendapat pinjaman TEKUN ini kita kata RM10,000 ke bawah ini, tapi pinjaman pertama kita beri ialah RM5,000. Dan kalau masa yang telah ditentukan dia bayar dengan baik dan dia habis bayar kemudian dia layak untuk meminta lagi RM10,000. Kemudian RM10,000 itu pula kalau dia bayar bagus, dia mahu pinjam lagi dia boleh minta pinjaman lagi lebih dari RM10,000 mengikut skim yang lain pula jadi dia ada *graduation programme* ini. Jadi bermakna bahawa skim TEKUN ini bukanlah satu skim *one-off*, sekali dapat habis, tidak. Kita hendak memupuk dan hendak menghidupkan usahawan, kita kena jaga dia supaya apabila dia berjaya dia tidak akan menghadapi masalah modal lagi. Kalau dia perlu modal dia boleh minta lagi, bagi mereka yang bayar balik dengan baik kita bagi jaminan bahawa kita akan diberikan program susulan yang mana dia boleh minta pinjaman lebih selepas mereka membayar balik pinjaman yang pertama yang mereka buat.

Kemudian Hulu Terengganu....dia tidak ada ni, sembahyang? Tidak apalah. Dia mencelah, dia bertanya berkenaan dengan bila hendak bagi pinjaman TEKUN maka diminta lesen permit perniagaan. Ini perlu Yang Berhormat sebab skim TEKUN ini ialah untuk penambahan modal, penambahan modal bermaksud bahawa orang itu sudah berniaga. Kita tidak bagi pinjaman TEKUN kepada orang yang baru hendak mula berniaga, itu skim lain tapi skim TEKUN ialah skim modal tambahan. Jadi apabila sebut modal tambahan bermakna mesti sudah ada permit ataupun lesen untuk berniaga. Jadi sebab itu apabila kita hendak memberikan pinjaman TEKUN ini kita minta permit kerana Yang Berhormat kena ingat pinjaman TEKUN ini cukup mudah dan tidak perlu jaminan, tidak perlu sandaran. Jadi sebab itu kita beri kepada orang yang sudah ada pengalaman berniaga dan ianya ialah modal tambahan. Jadi kalau Yang Berhormat hendak cadangkan supaya tidak perlu kepada permit tidak bolehlah sebab macam mana kita hendak bagi modal tambahan, kalau dia tidak pernah berniaga dan macam mana dia hendak kata dia sudah berniaga kalau dia tidak ada permit? Jadi permit lesen perniagaan merupakan perkara yang asas dan utama dalam kita meluluskan pinjaman TEKUN ini.

Yang Berhormat daripada Tambun ada bercakap berkenaan dengan SEDC, SEDC masalah Yang Berhormat. Memang betul Yang Berhormat bangkit dan saya tidak boleh masa yang begini singkat untuk menjawab sepenuhnya apa Yang Berhormat sebut. Berkenaan dengan *no core business, no cash flow*, betul Dato' tidak ada benda yang tidak betul, memang betul. Jadi saya mahu supaya jawapan yang tepat yang diberikan berkenaan dengan SEDC, yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat dari Tambun.

Berkenaan Yang Berhormat bangkit MARA, Yang Berhormat kata MARA telah memberikan satu bimbingan pendidikan yang baik, tetapi apabila sampai ke peringkat tinggi, universiti kadang-kadang kita tidak dapat *first class, second class upper* yang rendah. Memang betul pemerhatian itu tetapi Yang Berhormat masalahnya bila MARA jaga okey. Apabila budak itu pergi ke universiti itu sudah luar jagaan MARA sebab kalau dia masuk ke universiti, ke University Nottingham sebagai contoh, dia akan terlepas sendiri maknanya dia pergi ke University Nottingham dia sendiri, dia tidak dengan MARA lagi. Tapi kalau dia dengan MARA lagi katalah kita ada satu sistem yang mana MARA menjaga mereka sampai masuk ke universiti, saya percaya dia dapat *first class* sebab sistem MARA memang bagus. MRSM, insya-Allah, bukan sahaja MRSM yang lain-lain pun, mana-mana pusat pengajian tinggi yang dikendalikan oleh MARA alhamdulillah saya rasa kita cemerlang, keputusan kita MRSM cemerlang. Tapi masalahnya apabila pergi ke universiti dia sudah luar daripada kawalan kita, ini yang *problem*, sebab itu kita kena fikir cara macam mana untuk hendak memastikan supaya kesinambungan prestasi yang baik dapat diteruskan bukan sahaja waktu mereka berada di institusi bawah kawalan MARA, tapi apabila dia keluar nanti dia boleh buat prestasi yang baik.

Budak Melayu ini manja, dia cerdik, tapi manja bila kita jaga dia okey. Bila masuk universiti kita sudah tidak boleh hendak kawal dia. *They are on their own*, ini yang *problem* ini, tidak ada bimbingan, disiplinkah, *is not because of this*, bukan kerana kurangnya dia punya otak tapi kawalan itu sendiri. Maknanya dia kena disiplinlah macam mana dia berdisiplin waktu dia ada di bawah kawalan MARA, dia kena bawa disiplin itu juga waktu dia pergi ke universiti dan MARA sudah tidak kawal dia sudah, ha, ini yang *problem*.

Kalau dia disiplin macam mana dia berada di institusi MARA, saya percaya dia akan dapat pencapaian yang baik di peringkat ijazah. Ini Yang Berhormat, *this is what I...* pemerhatian itu betul. *Result* bagus sampai *form 5* tetapi saya tengok *third class*lah, *second class*, patut dia *first class*lah. Tetapi inilah *problemnya* kerana dia di luar kawalan kerana budak Melayu ini manja. Dia cerdik tetapi hendak kena manja hendak kena gosok dia, macam itulah. *When they on their own, they said*, dia pergi ke Londonkah, *on their own – problem* ini, disiplin yang menyebabkan mereka tidak mendapat pencapaian yang baik. Bukan kerana kekurangannya daripada persiapan yang disediakan oleh MARA itu sendiri.

Kemudian Yang Berhormat ada sebut berkenaan data-data. Itu betul ya. Data-data dan hal-hal yang ada kaitan dengan keusahawananlah. Maknanya keusahawanan juga di bawah Kementerian sahabat saya (*Sambil menunjukkan ke arah Yang Berhormat bagi Padang Besar*) dan juga Kementerian kawan saya di belakang (*Sambil menunjukkan ke*

arah Yang Berhormat bagi Lembah Pantai). Jadi, bagaimana kita hendak menyatupadukan usaha-usaha ini semua ke arah untuk membangunkan usahawan. Sebab itu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian saya telah mengutarakan dan telah pun dipersetujui iaitu mewujudkan Institut Keusahawanan. Jadi, institut inilah yang akan menyimpan segala data yang akan mengadakan R&D dan akan menjalankan tindakan-tindakan yang juga akan melibatkan program-program kementerian lain. Kementerian Pembangunan Usahawan tidak boleh buat benda ini sebab Kementerian Pembangunan Usahawan dia bertanggungjawab untuk mengurus kementerian. Perkara seperti ini mesti ada satu badan yang khusus. Sebab itu dengan wujudnya Institut Keusahawanan ini, maka institut inilah yang akan menjalankan segala tindakan dan tanggungjawab seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Jadi, saya harap insya-Allah supaya dengan wujudnya institut ini ia akan memainkan peranan seperti yang diharapkan dan insya-Allah dia akan mengambil kira dan sudah tentu mengambil kira pandangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat tadi. Kita perlu satu tempat ada R&D, ada data, di situlah Institut Keusahawanan ini.

Kemudian Yang Berhormat juga membangkitkan berkenaan dengan programya betullah program, di sini saya catat bubuh *star* sebab saya hendak dapat jawapan yang khusus daripada pegawai-pegawai saya. Apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat kita lihat balik *Hansard* dan kita akan bagi jawapan bertulis yang tepat.

Berkenaan dengan francais betul pemerhatian Yang Berhormat sebut tahun 2000 – 150, tahun 2001 – 150, tetapi kalau kita lihat daripada jumlah memang tidak ada kejayaanlah, betullah. Maknanya kalau tahun 2000 – 150, 2001 – 150, 2002 – 150 juga *franchisee* mana kemajuannya. Kalau dilihat daripada segi *figure* memang tidak ada kemajuanlah. Kalau Yang Berhormat hendak *figure* itu bertambah tahun demi tahun, kita boleh *create* banyak *franchisee*. Tetapi kalau kita *create* banyak kalau dia tidak berjaya *figure* 300, 400 pun daripada segi dalam buku kita nampak ada pertambahan, tetapi dari segi *real business* tidak ada. Maksudnya apabila kita kata kita telah mencapai kejayaan ialah kerana yang 150, yang kita wujudkan itu mereka telah berjaya dalam *business franchise* mereka. Jadi, betul Yang Berhormat kata. Jumlah banyak itu juga tetapi dalam *report* kata berjaya. Berjayanya itu ialah kerana kita dapat pertahankan dia. Kadangkala kita *create* 150 *franchisee* tahun depan tinggal 80 kerana banyak gulung tikar. Tetapi apabila kita dapat *maintain* 150, 150, 150 bermakna kita dapat pertahankan dalam perniagaan dia. Sebab itu kita kata kejayaan kerana kejayaan kita ialah untuk *create franchisee* dan dia berjaya mempertahankan perniagaan. Itu yang dimaksudkan apabila Yang Berhormat kata sudah ada kejayaan tetapi apa kejayaannya. Tahun 2000 – 150, 2001 – 150, tahun 2002 – 150. Pemerhatian daripada segi *figure* memang betul tidak nampak apa-apa kejayaan tetapi kejayaan yang dimaksudkan oleh kami iaitu kita *create franchisee*, tetapi kita dapat mempertahankan dia. Sebab itu apabila kita dapat *maintain* 150, 150, 150 maknanya kejayaanlah. Kalau hari ini 150 tahun 2003 turun 100 itu tidak berjayalah itu. Jadi, itulah pemerhatian Yang Berhormat itu memang betul. Tidak ada berubah *figure* tetapi kita berjaya kerana kita dapat mengekalkan 150 itu.

Kemudian Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dia bertanya berkenaan Airport Limo ini. Saya faham masalah ini dan dibangkitkan juga oleh persatuan oleh Yang Berhormat Zainal Rampak. Sebenarnya Yang Berhormat - monopoli. Saya malas hendak cakap benda ini mengungkit balik. Waktu MAB ini diwujudkan sistem dimonopolikan ini sebenarnya dibuat keputusan oleh Menteri Kewangan dululah yang bekas Ahli Parlimen bagi Permatang Pauh. Jadi, dia yang buat keputusan dulu. Dimonopolikan dan kemudian diberikan kepada kawan dia pada ketika itulah. Tidak payah sebut namalah tetapi semua orang tahu. Jadi, dia monopoli walaupun pada ketika itu memang tidak bersetuju. Tetapi setelah keputusan dibuat kita terimalah - monopoli.

Pada hari ini Yang Berhormat saya tidak ada pilihan melainkan untuk mengekalkan syarikat ini mengendalikan servis ini kerana Menteri Kewangan, yang sama juga telah pun memberi satu *soft loan* RM50 juta kepada syarikat ini yang mana wang *soft loan* RM50 juta itu telah pun semua diguna. Jadi, kalau saya selaku Menteri buka servis Airport Limo ini kepada syarikat-syarikat lain, maka ini akan menyebabkan syarikat yang sekarang ini menghadapi saingan dan mungkin tidak mendapat keuntungan dan mungkin

akan gagal membayar balik pinjaman RM50 juta *soft loan* yang telah diberikan kepada syarikat ini. Sebab itu servis Airport Limo ini sehinggalah mereka menyelesaikan duit rakyat RM50 juta ini, saya akan mengekalkan keputusan bahawa dia monopoli kepada syarikat ini, sebab RM50 juta kena bayar balik. Saya sudah bagi tahu kepada syarikat itu tidak ada soal diampun atau dimaafkan hutang ini. You kena kerja, you cari balik duit, you bayar balik RM50 juta.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' Menteri boleh atau tidak buat kajian ...okay bayar monopoli itu. Sepatutnya Menteri ada kuasa seperti yang dijawab tadi, boleh. Tetapi saya minta sewa itu kalau boleh dikurangkan. Macam mereka hendak bayar sehari RM100, RM150 bayangkan mereka hanya boleh dapat tiga *trip* sehari itu kira banyaklah. Kalau empat *trip* itu sampai 20 jam. Jadi, mereka hendak makan apa? Jadi, minta kaji balik sewaan itu supaya pihak pemandu-pemandu limousin itu dapat sara hidup bulananlah kalau sewa itu dikurangkan sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, perkara sewaan ini ialah perkara yang luar daripada kitalah. Bermakna apabila kita memberikan sebuah syarikat MAB bagi kepada syarikat ini untuk mengendalikan servis. Kita tidak boleh campur tangan. Sebab kita tidak boleh campur tangan dalam semua hal ini. Nanti kalau kita campur tangan ini Yang Berhormat bangkit nanti. Kerajaan campur tangan, begitu, begini semua.

Jadi soal sewa tinggi rendah itu dia kena runding sesama dia - antara syarikat. Kalau macam MAB dia sewa tinggi, kita hendak beritahu kepada dia pun MAB kuranglah, tidak boleh, sebab dia ada haknya sendiri untuk buat keputusan berapakah sewa yang hendak diberi kepada Airport Limo. Jadi bila sewa MAB tinggi, jadi syarikat ini terpaksa - saya pun tidak tahu untuk cari duit macam mana hendak bayar balik sewa dan macam-macam lagi. Jadi soal sewa ini ialah di antara syarikat dengan pekerjaannya dan juga mungkin dengan penglibatan daripada persatuan misalnya - Zainal Rampak pun buat *statement*, saya pun tidak pernah panggil kata, "You jangan kacau", tidak ada. Saya pergi bebas - jadi kalau Yang Berhormat tanya menteri itu boleh atau tidak, tetapi kalau nampak kuku besi, kita kena bagi *freedom for them to decide*.

Saya boleh *twist their arm* atau pujuk atau apa sahaja, tetapi akhirnya keputusan itu adalah di antara dia. Jadi tidak mudah seperti Yang Berhormat fikirkan iaitu kita boleh buat sesuka hati kita. Saya bersimpati tetapi saya juga sentiasa berhubung dengan syarikat ini, saya kata you tengok sedikit *driver* ini tetapi laporan daripada mereka ialah bahawa bukan semua *driver* yang tidak bersetuju, bukan semua. Ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju. Jadi susah kalau kita hendak pegang dua tiga orang punya cakap, mengatakan orang ini tidak bagus, maka kita kata tidak bagus. Macam Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi kata saya 'pengkhianat'. Takkan hendak dikatakan saya 'pengkhianat', dia seorang yang bercakap, begitu sahajalah. Jadi kalau ada dua tiga orang yang tidak berpuas hati ...

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak betulkan, bukan saya kata dia 'pengkhianat'. Keputusan yang diambil untuk menutup MRSM itu adalah 'pengkhianatan'. Saya tidak merujuk terus kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi keputusan itu adalah satu pengkhianatan yang besar yang dilakukan terhadap masa depan anak bangsa kita. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, keputusan menteri itu bukan 'hantu raya' yang buat, yang buat itu Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz. Jadi kalau dikatakan pengkhianatan itu ialah atas keputusan, keputusan itu saya buat, bukan 'hantu raya', sayalah. Saya tidak lari daripada tanggungjawab, saya yang buat keputusan itu. Jadi apabila dikatakan tidak akan ada keputusan itu kalau tidak ada yang memutuskan, yang memutuskan ialah saya. Daripada awal sampai habis saya bercakap, saya yang buat keputusan, buat apa Yang Berhormat hendak sebut orang lain, saya yang buat keputusan, hala kepada sayalah. Sebab itu....

Tuan Mohamad bin Sabu: Ini adalah memorandum daripada kesatuan mereka bukan daripada individu dan yang tandatangan pun adalah majoriti besar, mereka minta kaji semula dari segi sewa. Memang sekarang ini kalau Dato' pergi duduk sekejap, memang

keluhan mereka hendak dapat sehari dua kali sewa pun payah kerana saya sebut tadi ada tiga yang berlawanan iaitu bas dan ERL. Harap dengan rayuan persatuan ini bukan individu dapat Dato' pertimbangkan dari segi bagaimana untuk memberi sewa itu, itu diturunkan sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Persatuan pun bukan bermakna besar Yang Berhormat. Persatuan ini kadang-kadang bunyi besar, tetapi ahlinya jawatankuasa sahaja jadi bukan bermakna kalau buat atas nama persatuan, besar. [Ketawa] Saya hendak beritahu, macam-macam persatuan ada Yang Berhormat. Ada persatuan cukup dengan tujuh jawatankuasa sahaja tetapi persatuan bunyinya. Jadi sebab itu saya hendak kata kadangkala orang yang bercakap itu kecil sahaja, tidak ramai. Saya percaya yang terlibat dengan pemandu limousin ini beratus, saya tidak fikir majoriti kerana saya juga memantau perkara ini. Jadi saya minta selesailah sebab orang yang memandu ini susah.

Yang Berhormat sebenarnya tidak semestinya dengan ada ERL dan bas, maka ini akan menjejaskan perkhidmatan mereka. Kalau dia bagi servis yang baik, orang akan ambil servisnya. Saya rasa ERL dan *bas coach* tidak boleh lawan Limo sebab Limo *door to door*, orang balik daripada luar negeri dia letih Yang Berhormat, dia kira hendak sampai ke rumahnya. ERL tidak boleh, ERL dibawa ke stesen pula. Dari stesen pula kena beratur naik teksi pula. *Coach* pun sama, dia kena bawa barang pergi ke stesen Jalan Duta kemudian kena ambil teksi ke rumah pula ataupun isterinya atau sesiapa tunggu.

Tetapi Limo servisnya lebih baik, *door to door* dan setahu saya Yang Berhormat kalau orang balik dari luar negeri, dia letih, dia tidak mahu fikirkan yang lain, walaupun dia seorang dan beg dia. Dia fikir dia hendak naik Limo hendak pergi ke rumah terus hendak masuk dalam pelukan isteri yang disayangi. Ha, tengok menteri belakang sokong saya [Ketawa] [Sambil menunjukkan ke arah Dato' Seri Hajah Shahrizat Abdul Jalil] Jadi Airport Limousin membawa ke arah pembangunan wanita dan juga keluarga, cepat balik, setuju Yang Berhormat? Jadi sebab itu yang penting ialah servis. Saya percaya Yang Berhormat kalau kita bagi servis yang baik, orang akan cari Airport Limo dan saya faham masalah itu.

Kemudian mengenai Subang. Subang ditutup sebenarnya menambahkan perniagaan di KLIA sebab itu kita tutup Subang itu. Dahulu memang *business* bagus tetapi bertambah dengan Subang ditutup, orang semua naik kapal terbang ke KLIA, jadi bertambah 20%, ini mengikut laporan daripada Airport Limo. Tetapi insya-Allah Yang Berhormat saya simpati dengan Yang Berhormat dan saya juga bersimpati dengan pekerja. Kita sama-sama boleh memantau dan cari jalan bagaimana kita hendak membantu pemandu-pemandu ini.

Kemudian, Kuala Kedah habis ya, dia *very focus*. Yang Berhormat bagi Tuaran bangkit berkenaan dengan latihan. Yang Berhormat bagi Tuaran mengatakan bahawa Perdana Menteri menekankan tentang perniagaan keusahawanan, tetapi dalam bajet tidak menampakkan belanja untuk latihan, keusahawanan RM4 juta kemudian ada lagi RM1 juta jadi RM5 juta. Sebenarnya Yang Berhormat kalau dipandang latihan keusahawanan itu sebagai perkara yang paling utama dalam keusahawanan memang kecil, tetapi sebenarnya perbelanjaan kita besar kerana dalam membangunkan usahawan ini bukan setakat latihan sahaja. Pinjaman, dana, dana besar, maknanya bahawa di kementerian saya dapat peruntukan besar untuk dijadikan sebagai dana untuk diberi pinjaman kepada usahawan itu, membangunkan usahawan. Jadi kita konsisten dengan apa yang Perdana Menteri sebut. Jangan lihat daripada latihan itu sahaja sebagai hendak membayangkan kita, membangunkan usahawan sebab latihan peranannya kecil, yang lebih penting duit itu banyak dijadikan sebagai dana untuk dijadikan pinjaman, diberi pinjaman kepada usahawan untuk membangunkan *real businessman*, satu.

Kemudian peruntukan diberikan untuk membeli premis perniagaan, itu juga berjumlah juta. Satu-satu premis bukan murah. Bumiputera hendak berniaga, untuk mereka berniaga, mereka perlu premis perniagaan. Jadi mereka tidak mampu untuk membeli, jadi kita kena beli untuk disewakan kepada mereka. Jadi banyak peruntukan yang diberikan untuk membeli premis. Jadi kalau kita jumlahkan peruntukan untuk beli premis, peruntukan dijadikan sebagai dana sebagai pinjaman dan juga dicampur dengan latihan tadi, jumlahnya bilion jadinya. Apabila jumlahnya bilion maka jelas menampakkan

bahawa peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan adalah seperti yang ditekankan dalam ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Ya, jangan lihat dari segi latihan keusahawanan sahaja, itu perkara kecil, RM4 juta atau RM5 juta, kerana *picture the importance of* dengan izin, *but* kalau kita kira yang diberikan oleh kementerian saya untuk pinjaman yang mewujudkan *real businessman*, premis perniagaan yang secara langsung terlibat dengan perniagaan, jumlahnya besar.

Jadi jumlah yang diberikan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan memang mencerminkan penekanan terhadap *domestic trade* di negara kita. Kementerian saya tidak ada kena-mengena dengan *trade* luar negeri, iaitu MITI. Saya punya peruntukan semua untuk dalam negeri cuma pemasaran sahaja kadang-kadang kita ada buat di luar negara. Itu perlu untuk mencari pasaran yang lebih luas.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat saya hendak beri, kalau Tuan Pengerusi boleh beri saya sedikit masa, saya hendak jawab Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak berucap tetapi dia ada bangkitkan satu benda, waktu itu membahaskan dalam majlis bawah Kementerian Pendidikan. Dia beritahu kepada Dewan, dia kata Kerajaan Barisan Nasional tidak konsisten, bela hak keistimewaan orang Melayu tetapi dalam masa yang sama pengkhianat. Saya juga kenalah. Dia sebut sebagai contoh MRSM 10%.

Saya berlari dari sana Yang Berhormat, saya hendak jawab, sebab saya minta dia jangan jadi macam ayam betinalah. Ayam betina ini dia pondan sikit, jadi ayam jantan dalam gelanggang. Hala jawapan supaya Menteri boleh jawab. Ini hala jawapan, saya tidak boleh hendak jawab, saya bukan Menteri Pendidikan. Ha, jadi hari ini dia tidak ada, saya hendak jawablah, ini kementerian saya. Sebab dia tanya, patut dia marilah bahas. [Disampuk] Tunggu dia ada, bila saya hendak jawab. [Ketawa] Ha, sampai bila tidak jawab. [Disampuk] Ini pondan punya kerja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, emm... Yang Berhormat, tidak boleh macam itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, ayam betina daripada sana macam itu perangai dia. Dia menghala soalan yang saya tidak boleh jawab. Jadi, saya hendak jawab. Jadi, saya hendak jawab. 10%, pasal relevan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, 10% bagi kepada yang bukan Melayu. Yang Berhormat tadi sudah jelas sebut iaitu dalam Akta MARA, ia tidak sebut pun ini hak Melayu, atau bukan hak Melayu. Ia membangun luar bandar, betul Yang Berhormat? [Dituju kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka] Ya, betul.

Saya hendak beritahu iaitu bahawa saya selaku Menteri, sebelum ini 100% Melayu, jadi, mungkin rasa rugilah. Tetapi saya hendak beritahu, hak ini macam ke atas sebuah tanah, kita hak atas geran, kita ada 10 ekar, kita mengusaha 5 ekar, kita bagilah 10 ekar yang tidak diusahakan itu kepada orang bukan Melayu. Usahalah, apa salahnya. Tetapi hak itu hak kita. Sampai masa kita hendak guna tanah, kita ambil balikkah. Bukan kita bagi habis kerana hak itu ialah hak di atas geran. Soal kita sudah dapat geran, kita hendak sewa 1 ekar, hendak bagi kepada orang Cina usahakan, apa salahnya, dia usaha, dia bayar sewa pada kita. Ada keuntungan.

Bangunlah hendak tanya.

Tuan Pengerusi: Emmm.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, ayam jantan sikit Yang Berhormat, tanyalah. Tidak mahu? Ha, tidak mahu tanya.

Tuan Pengerusi: Baiklah, okeylah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi, serupa juga Yang Berhormat, saya beri jaminan iaitu walau hari ini 10% kita beri, sampai masa kalau kita perlu balik kepada jumlah, tidak ada masalah, kita boleh sebab pernah berlaku. Dahulu mula-mula *start* dahulu, MARA buka, memang kita hendak bagi 10% tetapi bila pada ketika itu isunya kita kurang,

jadi kita *stop* bagi. Sekarang ini kita mula balik. Jadi, tidak ada masalah, kita konsisten. Tidak ada masalah.

Saya sekali lagi katakan, saya nasionalis Melayu Yang Berhormat, saya tidak akan minta maaf kepada PAS, kata saya asobiah, saya akan tolong Melayu tetapi bukan bermakna saya benci Cina, tidak. Saya sayang Cina, India pun saya sayang, rakyat saya, Malaysia. Tidak ada sebab cinta kepada sesuatu maka bermakna benci kepada orang, tidak ada, tidak ada. Walaupun saya berjuang untuk bangsa Melayu, saya *fight*, tetapi dalam masa yang sama, kita rakyat Malaysia, kita juga sayang kepada orang Cina, India.

Sebab itu, kita punya polisi, dasar menunjukkan kasih sayang, Iban, Kadazan, India, semua kita sayang, tidak ada masalah. Ha, semangat Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, bangunlah Yang Berhormat bagi Batu Gajah tanya.

Tuan Pengerusi: Ha, cukuplah, cukuplah Yang Berhormat Menteri,

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tetapi - Tidak, dia perempuan, tidak apalah.

Tuan Pengerusi: Jangan, jangan jemput orang, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey, minta maaf, minta maaf

Tuan Pengerusi: Kita tidak mahu jemput orang, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, saya sebut nama Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya tidak sebut nama.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ini ada tawaran murakkah, apa?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak, sebab kita hendak jadi ayam jantan Yang Berhormat. Ayam jantan maknanya

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak ada di sini, hendak jadi ayam jantan macam mana?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jangan jadi ayam betina.

Tuan Husam bin Haji Musa: Nanti Yang Berhormat bagi Pokok Sena datangnya baru jadi jantan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, jangan jadi ayam betina.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia Yang Berhormat bagi Pokok Sena tidak ada, hendak jadi jantan

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup, cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ayam betina dahulu sebab dia tanya waktu saya tidak ada. *[Disampuk]* Sebab saya jantan, saya masuk dalam gelanggang. Saya tunggu dia. Saya minta supaya pada masa yang lain tanya soalan pada saya, saya jawab. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah. Teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jantan, saya tahu saya jantan.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat. Emmm...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang betina macam inilah. Berkokok, bising. Yang Berhormat ini yang betina.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dia betina, dia pun tidak pernah tanya kadang-kadang dia pun main sapu sahaja. Saya tidak ada dia sapu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan. Cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tanya pada saya, saya jantan dalam gelanggang. Jangan luar, jangan tunggu saya tidak ada baru hendak tanya, bila-bila masa. *[Disampuk]* Tanyalah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya benda lain Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Uhhh...

Tuan Husam bin Haji Musa: Pasal sidang sebelum ini, banyak saya tanya dia tidak jawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Siapa kata saya tidak jawab?

Tuan Pengerusi: Cukup, cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Umpamanya penyelewengan dalam PNS, sampai hari ini tidak ada jawapan. Jawablah.

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa tidak ada jawapan. BPR tengah dok siasat. *[Disampuk]* Tunggulah siasatan ISA. Saya pun dipanggil.

Tuan Husam bin Haji Musa: Siapa *involve*?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya dipanggil untuk memberi statement. Orang tengah siasat, keluar dalam *Malay Mail*, baca surat khabar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Okey, beri saya peluang sekarang.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha.

Tuan Pengerusi: Em.....

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri kena siasat dan saya difahamkan Shahrudin ini dilantik oleh Yang Berhormat Menteri. Beli kereta mewah, apa semua. Baru 6 bulan dilantik terus hilang wang RM20 juta. *[Disampuk]* Kalau Yang Berhormat rasa jantan, saya hendak bahas tajuk ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jantan, Yang Berhormat. Nama pun tidak betul bukan Shahrudin, nama orang lain Yang Berhormat. Tidak usahlah. Dan, saya hendak beritahu Yang Berhormat, BMF bawah Menteri Kewangan, saya tidak lantik dia. Demi Allah, bukan saya lantik dia. Nanti Yang Berhormat berdosa dengan saya, buat apa. Bukan saya Yang Berhormat. *[Tepuk]* tidak usahlah. Demi Allah, saya tidak takut. Kita pergi ke masjid. Saya tidak kenal pun dia siapa.

Malah – ini kita cakaplah ya. Sebelum itu yang menjadi, Mustafa. Saya pergi luar negara, mula dia jadi, saya balik-balik orang lain, saya tidak tahu, bukan bawah kementerian saya. Saya sudah cakap.

Tuan Husam bin Haji Musa: Jadi, nampaknya Menteri Kewanganlah yang salah lantik orang ini. Itu maksud Yang Berhormat tadi. *[Disampuk]* Macam mana Menteri Kewangan boleh lantik orang macam ini? Enam bulan lepas kena lantik, terus kena siasat, RM20 juta hilang. Yang Berhormat kena bertanggungjawab juga, PNS ini di bawah kementerian Yang Berhormat dari segi buku ini. Jangan lari daripada tanggungjawab macam itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini yang saya cakap Yang Berhormat, ayam betina Yang Berhormat. Tanyalah kepada orang itu, kenapa tanya saya.

Kalau orang itu dalam Dewan, tanyalah dia, kenapa tidak tanya dahulu, dahulu dia masih jadi Menteri. Jadi, soalnya, inilah ayam betina, selalu masalah betullah.

Dan, Yang Berhormat cakap ini sebab Yang Berhormat kata saya yang lantik. Itu yang saya jawab. Saya bukan lantik dia, saya tidak lantik.

Tuan Pengerusi: Minta Menteri teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, okey, okey, okey.

Tuan Pengerusi: Kita tidak ada masa lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jawab, okey, okey.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Boleh lawan tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Anytime*, saya tidak ada bimbang punya, boleh lawan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat. Yang lain pulalah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, terima kasih. Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebenarnya membantu saya, untuk mengiakan apa yang telah saya katakan, iaitu dalam soal MARA ini, kita membangunkan kawasan luar bandar.

Kemudian Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan garis panduan, siapa yang kita hendak ambil. Kita akan ambil orang yang latar belakang yang miskin, yang luar bandar dan dalam bandar juga. Walaupun kita ambil orang dalam bandar tetapi pada waktu ini untuk penuntut-penuntut Cina, kita ambil yang latar belakang miskin dari luar bandar. Sebab apa? Bukan menafikan bahawa dalam bandar pun ada kemiskinan, tetapi di luar bandar maksudnya sekolah itu tidak sebaik sekolah dalam bandar. Jadi, sebab itu kita ambil di luar bandar, latar belakang miskin. Tetapi sekolah kebangsaan, ha... itu. Sekolah Cina tidak.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Sibu bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, ya.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik kerana nampaknya Yang Berhormat Menteri begitu berani. Panggil orang tanya, orang takut. *[Disampuk]* Ini barulah warna asli Barisan Nasional. *[Tepuk]* Saya di sini ada satu hal, kita semua tahu Yang Berhormat Menteri, penjaja ialah satu bidang iaitu untuk beri peluang untuk mengajar *doing business* khasnya untuk bumiputera.

Contohnya di Sibu, saya sudah berapa kali merayu kepada Yang Berhormat Menteri, kita sedang merancang membina satu Taman Selera Harmoni, ia akan memberi 60 store khasnya untuk bumiputera. Kami telah memberikan surat permohonan kepada Menteri, juga ada sokongan daripada kerajaan negeri. Saya harap Menteri yang begitu dinamik akan memberi perhatian, beri jawapan kepada saya di Dewan yang mulia ini supaya saya boleh balik beritahu saya punya kawan di Sibu yang Menteri ini benar-benar *[Disampuk]* akan beri bantuan kepada bumiputera dan non-bumiputera. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasihlah Yang Berhormat cakap macam itu, terima kasih banyakkah, jarang dapat puji. Yang akhir sekali Yang Berhormat bagi Kota Melaka sentuh berkenaan dengan *equal opportunity*.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Ada, okey.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya hendak tanya logiknya mengapa cuma orang bukan Melayu di sekolah kebangsaan diambil untuk MRSM. Kalau ada pelajar bukan Melayu yang mengambil kertas peperiksaan seperti yang diambil oleh sekolah kebangsaan dan mereka mencapai kecemerlangan, bolehkah mereka dipertimbangkan? Lagi satu tadi saya tidak sentuh ialah bahawa apa yang saya kata ialah mengasaskan fakta, kalau menteri betul, saya sokong. Memang Akta MARA begitu jelas kali ini, jadi saya sokonglah. Apa yang sebenarnya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, dia macam ini ya. Kita ada sekolah kebangsaan ini supaya kita mahu semua bangsa masuk ke sekolah kebangsaan, itu hasrat kerajaan. Hendak mewujudkan satu bangsa Malaysia, kita kena bercampur. Tetapi dalam masa yang sama, kita komited kepada *democratic education*.

Jadi, hari in berlaku oleh kerana banyak ibu bapa yang Cina juga, keluarkan anak mereka daripada belajar sekolah kebangsaan atau kadang-kadang kelemahan sekolah kebangsaan itu sendiri juga. Macam kata *people's own language* dan cikgu tidak cukup. Ibu bapa Cina hendak juga mereka belajar bahasa Cina. Bila tidak dapat guru, kelas tidak ada, mungkin dia hantar ke sekolah Cina. Jadi, kita hendak perbetulkan ini.

Jadi, untuk menarik perhatian supaya ibu bapa Cina menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Dengan satu *opportunity* seperti ini yang ada wujud, dia mungkin akan terbuka hati mereka iaitu hantar anak ke sekolah kebangsaan, kemungkinan anak itu cerdik, boleh masuk MRSM. Ini ikhlas saya cakap. Saya tidak mahu pengasingan. Jangan sekolah kebangsaan jadi sekolah Melayu. Sekolah kebangsaan itu adalah sekolah rakyat Malaysia tetapi dalam masa yang sama kita tidak akan menyalahi ibu bapa Cina yang mungkin dia rasa tertekan. Kadang-kadang hantar ke sekolah, tiba di sana *people's language* tidak ada, cikgu tidak ada, jadi dia pun hantar ke sekolah Cina. Jadi, ini berlaku.

Sebab itu kita perbetulkan dan saya berterus-terang bahawa kita kena pergi kepada sekolah kebangsaan sahaja sebagai galakan ibu bapa Cina hantar ke sekolah kebangsaan kerana kita mahu sekolah kebangsaan ini bukan sekolah Melayu. Sekolah kebangsaan adalah sekolah rakyat Malaysia. Kita mahu percampuran. Jadi, itu saya punya jawapan.

Kemudian Yang Berhormat bangkitkan tentang *equal opportunity*. Saya setujuhah *equal opportunity* ini tetapi dalam kita hendak melaksanakan *equal opportunity* ini, kita kena pastikan mereka bertanding itu *playing field is level*, Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi sebab kalau pada hari ini kita buat *equal opportunity* terus begitu sahaja, saya rasa orang Melayu akan ketinggalan. Kita tidak menyalahi orang Cina.

Sebab Yang Berhormat, saya hendak cerita. *Average* keluarga Melayu, saya tidak cakap tentang keluarga saya. Orang yang berumur macam saya ini, 48 tahun, saya rasa dalam keluarga Melayu saya, *averagelah*, bukan saya, mungkin saya orang yang pertama mendapat pendidikan dalam keluarga saya.

Saya percaya juga kawan-kawan Melayu kita yang lain, mungkin dia adakerana dapat *opportunity* daripada kerajaan. Tetapi bagi seorang anak Cina yang sama dengan umur saya, 48 tahun, dia mungkin generasi yang ketiga yang mendapat pendidikan sebab atuk dia pun sudah dapat pendidikan.

Mengapa berlaku demikian? Ianya berlaku demikian, bukan salah orang Cina, tidak. Ianya berlaku demikian sebab prinsip penjajah membawa pendidikan. Mereka membuka sekolah di dalam bandar. Dalam bandar, kata macam sekolah-sekolah yang bagus, Victoria Institution dalam bandar Kuala Lumpur, Saint John. Ini semua dibina pada tahun 1900 dahulu. Di Ipoh, ACS, di Taiping, KE. Jadi, ini bermakna orang-orang Cina mendapat pendidikan jauh lebih awal daripada orang Melayu sebab semua sekolah yang dibina oleh Inggeris ada dalam bandar.

Mana Melayu pada ketika itu? Melayu duduk di Keroh, hulu Perak, daerah saya. Melayu duduk di Padang Besar. Hang bukan Kangar, hang Padang Besar. [Bercakap

kepada Yang Berhormat bagi Padang Besar] [Ketawa] Padang Besar! Semua hulu, tidak ada sekolah. Jadi, kita tidak dapat pendidikan dan pada hari ini hendak suruh anak-anak kita bersaing dengan anak Cina, memang kalah punya.

Saya generasi pertama dapat pendidikan. Kawan saya satu umur dengan saya, dia orang Cina, orang India, dia generasi yang ketiga, hendak lawan macam mana. Sebab itu mereka kata, "Hang tengok macam Cina itu", dia kata, "Anak dia...". Sambil dok makan kuaci, belajar. Sambil dok tolong bapa jual di kedai, belajar, sebab dia sudah ada budaya itu, kita tidak ada. Sebab itu pada saya, tidak salah kalau kerajaan membelanja lebih sedikit kepada orang Melayu supaya bila *level playing field* itu sama, insya-Allah pada ketika itu kita akan buka.

Hari ini pun kita sudah tengok orang-orang Melayu kita yang dapat pendidikan, dia pun sudah cerita, dia kata, "Apa ada guna, *we want on merit!*" Ha, tengok. Bila orang Melayu dapat pendidikan (education), dia *confident*. Bila dia *confident*, dia hendak buang merit. Ini saya rasa pasti akan berlaku. Jadi, sehingga situasi ini tercapai, selagi itulah kita akan bantu orang Melayu dalam mereka menaiki dalam bidang pendidikan.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya hendak betulkan sedikit sahaja. Saya rasa Yang Berhormat Dato' ini adalah generasi kedua dapat pendidikan dalam keluarganya. Bapa dia dahulu kalau tidak silap saya, bekas Pengerusi MARA.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya?

Tuan Husam bin Haji Musa: Dato' ini generasi kedua dalam keluarga yang dapat pendidikan. Bapa dahulu pun ada pendidikan, bukan orang kampung.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu Yang Berhormat, dengar ucapan saya baik-baik. Saya kata *average* anak-anak Melayu. Saya tidak kata saya sebab saya sudah *disqualified* saya. Saya sudah *disqualified* saya. Saya kata *average*, saya berbeza saya kata. Tetapi Yang Berhormat, bapa saya bukan kerana Dasar Ekonomi Baru. Dia lahir di Keroh, nama tempatnya Kuak Hulu di Pekan Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak. Tiga kali hulu. Dia bukan orang bandar. Dia orang hulu.

Tetapi dia jadi – sama dengan Yang Berhormatlah saya ingat. [Bercakap kepada Tuan Pengerusi] Yang Berhormat kenal dia. Dia tidak terlibat dengan Dasar Ekonomi Baru. Sebab itu saya kata saya bukan *average Malay family* sebab saya tahu bapa saya dapat pendidikan. Dia dapat jadi *lawyer*, betul dia jadi Pengerusi MARA. Sebab itu saya kata tadi, *average Malay family*. Tetapi perkara ini tidak akan kita hendak pertikai. Yang kita hendak bincang *the substance, not the form*. *I cannot represent average* Melayu sebab bapa saya dapat pendidikan jadi *lawyer*.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat dengar betul-betul ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi kah kerana kita ada....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, kalau mereka tanya, kasi *chance* lah.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pelajar bukan Melayu dari SRJK(C) tidak dipertimbangkan kerana hendak menggalakkan ibu bapa yang bukan Melayu menghantar anak mereka ke sekolah rendah kebangsaan. Walaupun itu adalah hasrat kerajaan, tetapi pada realiti saya rasa keadaan di SRJK(C) luar bandar itu perlu dipertimbangkan kerana bukan di semua kampung baru Cina yang ada sekolah rendah kebangsaan.

Mereka juga bukan seperti Yang Berhormat. Mereka juga merupakan pelajar luar bandar. Kalau pada generasi saya juga, ramai mereka yang dari kampung baru Cina itu merupakan generasi yang pertama mengadakan pendidikan universiti. Hanya 2% generasi saya yang pertama mendapat pendidikan. Jadi, saya rasa perkara ini perlu ditimbang lebih mendalam mengapa dikatakan pelajar universiti yang bukan Melayu yang ada satu *survey* yang mengatakan kurang patriotik kalau berbanding dengan pelajar Melayu, kerana layanan ini atau dasar-dasar kerajaan yang berlainan kepada kaum-kaum yang berlainan. Jadi, ini saya rasa merupakan satu masalah negara dan ia perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa Yang Berhormat, layanan orang Melayu di Malaysia ini kepada orang Cina jauh lebih baiklah daripada di Indonesia itu. Nama pun kena tukar, sekolah Cina pun tidak boleh. Di Thailand, 'Tak Sin Chinawat' itu Cina, tetapi tidak boleh pakai nama Cina. Corazon Aquino semua itu Cina, 'Qong Jui Qo', semua Cina, tidak boleh guna nama Cina. Semua kena di *Filipinisekan* nama. Jadi saya rasa, apa yang kita buat ini, layanan kita beri daripada orang Melayu adalah baik sebenarnya. Saya tidak kata bahawa saya main pukul kata semua Cina kaya, tidak. Saya kata *average family*, dan bila saya kata *the average Malay family*, maknanya dia *averagelah*. Maknanya dibandingkan di antara Cina dengan Melayu, banyaklah Melayu ini kurang bernasib baik daripada Cina tetapi itu bukan bermakna bahawa semua Cina kaya. Tidak boleh kita buat macam itu, ya.

So, harap Yang Berhormat akan *understand* apa saya cakap. Kemudian, betul Yang Berhormat sebut bahawa sekolah-sekolah Cina banyak berkurangan. Tetapi yang berkurangan itu kita pertimbangkanlah bantuan. Untuk masuk ke MRSM ini kita kena ambil daripada sekolah kebangsaan sebab dia punya kesinambungan itu ada, *continuity*. Sistem pendidikan itu ada, daripada menggunakan bahasa Melayu daripada awal, in *all subjects*. Jadi, ia sama. Sebab itu, kalau Yang Berhormat kata sekolah luar bandar Cina pun susah, saya bersetuju tetapi kita bagilah bantuan itu cara lain. Cuma, yang ini satu sahaja kita kata, kalau hendak masuk ke MRSM, ikutilah sekolah kebangsaan. Saya ingat tidak ada masalah sebenarnya.

Yang Berhormat bagi Bandau saya akan jawab secara bertulis, ya. Kemudian.....

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Boleh.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa, okey.

Tuan Pengerusi: Kita tidak ada masa ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Sekejap, pendek sahaja.

Tuan Pengerusi: Kita ketinggalan satu hari.

Tuan Kerk Kim Hock: Okey, yang last.

Tuan Pengerusi: Hmm....

Tuan Kerk Kim Hock: Tadi, saya menjawab.....

Tuan Pengerusi: Last ini, yang last ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya. Di mana saya katakan bahawa jangan anggap hak keistimewaan itu hak bangsa saya walaupun sebenarnya memang ditentukan begitu. Kita katakan ia adalah satu peluang supaya orang tidak anggap itu sebagai hak bangsa dan sensitif untuk diperbincangkan dan selepas sesiapa yang telah mendapat peluang yang cukup, jangan minta oleh kerana ia ada hak. Jadi, saya harap, *approach* baru ini boleh diambil. Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa, kalau banding dengan Australia, dengan Thailand, kemungkinan orang Cina tidak dapat kelebihan daripada segi namakah, hak tetapi ini adalah kerana di Australia, Perlembagaan berlainan, di Thailand berlainan, *historic* pun tidak sama. Jadi, jangan kita banding dengan cara ini. Kalau inilah caranya kita banding, akhirnya masalah di Malaysia tidak dapat diatasi dengan baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat, kena banding, sebab Perlembagaan itu, ia bukan datang daripada langit, jadi begitu. Perlembagaan itu jadi kerana di atas kehendak orang yang membuat *constitution* itu. Jadi, maknanya *constitution* itu wujud kerana orang itu. Dia cuma kertas, buku, tetapi tulisannya itu, tulisan mengikut kehendak orang ramai. Sebab itu, jangan nafi tentang ehsan orang-orang Melayu beri kepada yang bukan Melayu. *Please, do not deny that*, ya. Memang orang Melayu lembut, orang Melayu memang murah hati dibandingkan dengan Australia, orang putih, bukan tanah dia pun, *aboriginal* punya. Dia bukan ada kerajaan 'Raja Howard'kah di sana. Dia tidak ada kerajaan tetapi dia pergi sana ambil, tanah, dia kata tanah dia. Selepas itu, *action* pula itu. Sebab itu, Perlembagaan itu ditulis datang daripada hati manusia. Perlembagaan Malaysia yang berlembut kepada orang bukan Melayu datang daripada hati ehsan Melayu yang memang lembut. Itu, Yang Berhormat jangan nafillah. Negeri lain teruk Yang Berhormat, negeri lain teruuk!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Haa, tidak faham-faham lagi.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *[Ketawa]* Tidak apa, tidak apa, jangan marah. Kemudian.....

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukup.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang Berhormat sebut, berkenaan apa satu lagi tadi? *[Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka]*

Tuan Kerk Kim Hock: *Approach.*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: *Approach.* *Approach* ini Yang Berhormat, satu sahaja hendak tukar. Manusia, Yang Berhormat, benda lain boleh bercakap tetapi kalau hak, walaupun dia bunyi lembut, ini hak saya. 'Hak' itu, bunyi, ya. *Unless you change the term*lah. Kerana dia hak dan ia memang hak. Kita hendak buat macam mana? Ia memang hak, memang hak istimewa orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan 152, tidak boleh lari. Ia hak, hendak buat macam mana? Bila ia menjadi hak, *it becomes emotional*, orang berperang kerana hak, Yang Berhormat. Orang berperang kerana rampas hak dia. Apatah lagi kalau termaktub dalam Perlembagaan, ada hak Melayu daripada segi bahasa, raja, tanah rizab, pengagihan dalam permit-permit dalam bidang ekonomi, pengagihan dalam kerja-kerja dalam perkhidmatan awam. Ini hak, hendak buat macam mana? Kalau kita hendak buang hak ini, caranya ada.

Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop: Perang!

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bukan perang, hendak perang sahaja. Bukan perang, kita demokrasi. Pinda Perlembagaan 2/3. Itu bukan tidak boleh pinda, boleh. Saya punya wanita, dia hendak perang sahaja dia kata. Sudahlah. *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Gerik di belakangnya]* Ada cara. Hari ini pun, nampak kawan saya daripada seberang sana, parti sana, dia tidak mahu kepada hak Melayu. Dalam ucapan, hujah dia, hak *the better this one*. Sebab belah sana tidak mahu hak asasi orang Melayu. Yang belah sini, yang hendak hak asasi orang Melayu ini. Jadi, maknanya dia orang tidak hendak, dia orang hendak gugur semua. Jadi, sebab itu saya pun kadang-kadang pening juga, Yang Berhormat. Bila kita bagi 10%, dia bising pula. Nampak macam dia lebih kuat daripada kita pula. Dia pun kelam-kabut. Jadi, sebab itu Yang Berhormat, hak tidak bolehlah Yang Berhormat. Saya minta maaf, tabik dua, ya. Itu hak.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Haa, okey, okey.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini, pasal hak ini penting Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey, okey. *[Ketawa]* Okey. Yang Berhormat bagi Kemaman, Batang Sadong semua, saya akan jawab secara bertulis, cuma Yang Berhormat bagi Kemaman ini saya hendak jawablah pasal dia ada. Dia bertanya berkenaan dengan BPIMB, hala tuju. Okey Yang Berhormat, hala tuju dia masih sama iaitu bahawa kita BPIMB ini, projek infrastruktur. Kita akan bagi.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekejap ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi: Kerana kita hendak menyambungkan ucapan.....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Nanti kejap Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Haraplah jawapan jangan panjang-panjang sangat, ya. *[Ketawa]*. Ya, Yang Berhormat Menteri sila, kemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.51 ptg.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) maka inilah saya mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di peringkat Jawatankuasa dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan ke esok hari.”

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang telah dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang ini bukan salah silap daripada kami Yang Berhormat. Ada kadang-kadang pertanyaan, celahan, penjelasan, panjang sangat kadang-kadang ya.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi: Ya, sila sambung Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya. Saya akan jawab bertulislah sebab dua lagi kementerian, saya akhiri jawapan saya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya, ialah bahawa wang sejumlah RM1,138,142,740 untuk Maksud B.39 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,138,142,740 untuk Maksud B.39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,217,374,100 untuk Maksud P.39 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,217,374,100 untuk Maksud P.39 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2003.

**Maksud B.40 [Jadual] –
Maksud P.40 [Anggaran Pembangunan 2003] -**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.40 dan Kepala Pembangunan P.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ya, Gelang Patah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

3.30 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin sentuh tentang Maksud Bekalan B.40 Kementerian Pembangunan Luar Bandar tentang Butiran 01700 dan Butiran 01701 – Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2000 semasa perbincangan Bajet peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya pun pernah bawa kes bekalan elektrik luar bandar di kawasan Jalan Leong Bee ke Kampung Ulu Choh di mana dekat kawasan Kampung Ulu Choh, kawasan itu adalah kawasan luar bandar, terdapat 10 buah rumah hingga sekarang masih tidak dapat bekalan elektrik.

Selepas saya bawa hal ini, Yang Berhormat Dato' Menteri pun ada bagi surat kepada saya supaya dapatkan jurutera TNB buat perkiraan dan dapatkan apa yang perlu, supaya pihak kementerian dapat mengadakan projek itu untuk membekalkan bekalan elektrik dan dengan mengambil tindakan bersama dengan pemimpin tempatan. Saya pun bersama mereka jumpa jurutera tenaga elektrik di daerah Johor Bahru dan kita berbincang, dan jurutera TNB dapat buat satu perkiraan dan dikira bahawa perbelanjaan diperlukan sebanyak RM200,000 untuk projek itu.

Saya pun berusaha untuk dapatkan seorang pemilik tanah di ladang penternakan khinzir dekat dengan 10 buah rumah itu, memberikan, menyewakan dengan percuma sepetak tanah untuk pembinaan *substation*, pemilik dan pihak TNB pun sudah tandatangan persetujuan untuk membenarkan tanah untuk pembinaan *substation*, tapi selepas itu ada hantar surat menyurat kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi sehingga sekarang masih belum dapat dilaksanakan.

Pihak pemimpin di kawasan sana, baru-baru ini oleh kerana ada desakan daripada pemimpin DAP di Kampung Ulu Choh telah pun buat kritikan dalam surat khabar Cina tentang kes ini, kerana kita diberitahu perlu mengadakan perkiraan dan saya pun telah bawa pemilik tanah untuk memberikan sepetak tanah kecil untuk pembinaan *substation*, tapi malangnya hingga sekarang oleh kerana RM200,000 tidak dapat diagihkan lagi, projek ini tidak dapat diadakan dan sudah ada kritikan dalam surat khabar, sebab itu saya harap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar ambil perhatian kes ini dengan serius, kerana jika pada masa itu tidak ada niat hendak bahagikan projek ini tidak perlu suruh saya buat surat minta jurutera TNB buat perkiraan dan tidak perlu saya pergi cari pemilik tanah untuk memberikan sepetak tanah untuk buat *substation* dan hingga sekarang lebih kurang dua tahun, masih belum dapat dijalankan, penduduk-penduduk di kawasan itu kira kita tidak ambil perkara ini dengan serius dan boleh dikatakan di kawasan Parlimen Gelang Patah hanya kawasan ini yang masih belum ada bekalan elektrik.

Negara kita ini sudah merdeka 45 tahun, saya harap dengan hasrat pihak Kerajaan Barisan Nasional yang mana kita ingin mencapai 100 peratus pembekalan elektrik

di semua kawasan termasuk kawasan luar bandar, saya harap persetujuan untuk pelaksanaan projek ini dapat dijalankan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Pemasangan/Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung iaitu Butiran 01707 – memang kita sedia maklum bahawa mulai tahun ini, pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah memulakan memasang lampu-lampu tepi jalan di kampung tradisional di luar bandar dan dibenarkan. Ini telah dapat persetujuan daripada Jemaah Kabinet iaitu semua kampung tradisional cuma dibenarkan maksimum 10 biji lampu tepi jalan sahaja.

Saya harap untuk kampung-kampung tradisional yang besar, yang mana perlu lebih 10 biji lampu tepi jalan, saya harap boleh dibenarkan *case by case* dan tidak tetap kepada 10. Ini adalah permintaan saya. Tentang perkara 02300 - Jalan-Jalan Luar Bandar – saya harap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat membina sebatang jalan kampung dari Pekan Gelang Patah ke Kampung Sungai Melayu yang mana jauhnya 8 km.

Kemungkinan besar pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun depan akan memberikan peruntukan tambahan untuk tiap-tiap kawasan luar bandar, supaya tiap-tiap kawasan Parlimen dapat projek pembinaan jalan luar bandar, tetapi oleh kerana ini adalah jalan yang sangat panjang, saya harap dapat peruntukan tambahan khusus untuk pembinaan jalan kampung ini, iaitu dari Pekan Gelang Patah ke Kampung Sungai Melayu yang sekarang cuma jalan tanah sahaja yang panjangnya 8 km dapat dibina, dan di kawasan Mukim Tanjung Kupang memang ada jalan-jalan yang baru, yang perlu dibina dan kemungkinan besar kita akan dapat menggunakan peruntukan tambahan untuk tujuan ini pada tahun depan.

Tuan Pengerusi, Butiran 010700 iaitu Bahagian Pembasmian Kemiskinan dan Butiran 010400 – Ekonomi Desa. Saya harap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar mempergiatkan usaha sama dengan Kementerian Pertanian dalam membimbing terutama golongan PPRT, supaya mereka dapat mengadakan pertolongan melalui latihan, pinjaman dan lain-lain, supaya mereka dapat berdikari. Dan di kawasan saya, di kawasan Parlimen Gelang Patah saya dapati dengan kerjasama daripada pihak Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, telah didapati ada 50 orang nelayan yang melibatkan diri dalam bidang akuakultur di Sungai Pulai dan Sungai Gelang Patah. Semasa saya membahaskan dalam Kementerian Pertanian pun minta supaya kawasan itu...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan sikit saja Yang Berhormat.

Tuan Chang See Ten: Sebab itu saya harap boleh teruskan kerjasama ini untuk kepentingan para nelayan yang perlu kerjasama daripada kementerian. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih. Sebelah hujung, Serian ya? Sila, sila.

3.40 ptg.

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar dan juga kepada Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar dan juga Butiran 02500 – Jalan Kampung Dan Penyelenggaraan.

Tetapi sebelum itu Tuan Pengerusi, pada petang ini saya harus memberi kredit kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana khususnya di kawasan saya di Serian sejak tiga tahun yang lepas, banyak peruntukan telah diagihkan kepada kawasan saya. Akan tetapi Tuan Pengerusi, oleh kerana kawasan saya Serian dari segi kawasannya

begitu luas, walaupun kementerian telah memberi peruntukan yang banyak agar kampung-kampung di kawasan saya dapat menikmati bekalan elektrik luar bandar dan dapat menikmati jalan-jalan yang berturap, akan tetapi masih banyak kampung yang belum mendapat jalan yang berturap dan bekalan api.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh, di kawasan yang dipanggil 'Daerah Mengundi Isu', iaitu satu daerah mengundi di kawasan Parlimen saya, kesemua 33 buah kampung yang terdapat di daerah mengundi itu belum lagi dibekalkan dengan bekalan elektrik. Begitu juga dengan daerah mengundi yang dipanggil 'Entayan' dan Balai Ringin. Sedihnya Tuan Pengerusi, kampung-kampung di situ juga kebanyakannya belum mendapat bekalan elektrik.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan ini kerana Yang Berhormat Menteri sendiri berada di hadapan kita, saya mohon kepada kementerian agar kalau boleh memberi peruntukan yang lebih banyak lagi kepada kawasan Parlimen saya Serian agar penduduk-penduduk di kawasan Parlimen saya seperti penduduk-penduduk di dalam bandar akan dapat menikmati kemudahan asas iaitu bekalan elektrik.

Dari bekalan elektrik Tuan Pengerusi, saya pergi ke penurapan jalan-jalan kampung. Tuan Pengerusi, dalam permulaan ucapan saya tadi saya telah memberi kata-kata puji kepada KPLB tetapi Tuan Pengerusi, seperti juga bekalan elektrik luar bandar sedihnya masih banyak juga kampung-kampung di kawasan saya yang belum mendapat jalan yang berturap.

Tuan Pengerusi, di Dewan yang mulia ini saya merayu kepada kementerian agar memberi tumpuan yang khusus, khususnya kepada kawasan saya seperti juga rakyat-rakyat di kawasan bandar dapat menikmati, menggunakan jalan-jalan kampung yang berturap.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai jalan-jalan luar bandar. Di kawasan Parlimen saya Serian, masih terdapat lima buah kampung yang belum dapat dihubungi melalui jalan raya. Kampung-kampung ini Tuan Pengerusi, adalah kampung yang terletak di kawasan Dewan Undangan Negeri N 16 (Tebedu). Kampung-kampung ini adalah:

- (i) Daha Kisau,
- (ii) Daha Mawang,
- (iii) Daha Seroban dan juga
- (iv) Kujang Sain.

Tuan Pengerusi, bayangkan Serian sebenarnya bukan jauh daripada bandar Kuching. Kalau kita menggunakan kenderaan dari bandar Kuching ke bandar Serian hanya mengambil masa lebih kurang satu jam, tempat-tempat dan kampung-kampung yang saya maksudkan tadi adalah, kalau kita menggunakan kenderaan hanya mengambil masa satu setengah jam dari bandar Serian.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Richard Riot anak Jaem: Yes.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Okey Serian, ini bagus betul-betul Serian ini. Saya hendak tanya Serian sedikit. Di kawasan Serian ini tak adakah cawangan pembangkang di sana? Cawangan PASKah apakah? Sebab kalau di lain-lain tempat kalau ada cawangan PAS, cawangan ADIL cepat sungguh pembangunan. Adakah di tempat Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini berkenaan jalan-jalan di luar bandar.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bukan parti ini. Ini mengenai projek. Jawab cepat sedikit Yang Berhormat masa habis nanti, tak habis cakap.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Richard Riot anak Jaem: Walaupun Tuan Pengerusi, tidak mengizinkan saya untuk menjawab, tetapi saya percaya PAS tidak boleh bertapak di kawasan saya Serian. *[Tepuk] No way. [Dewan riuh] {Ketawa}*

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: *No way.*

Tuan Richard Riot anak Jaem: Jadi Tuan Pengerusi, meneruskan ucapan saya. *[Ketawa]* PAS memang tidak boleh bertapak di kawasan saya. Jadi Tuan Pengerusi, bayangkan sebagai sebuah kawasan, sebagai sebuah kampung yang tidak berapa jauh dari ibu kota Kuching, penduduknya masih terpaksa berjalan kaki melalui *jungle track* merentasi gunung, *footpath* dan sebagainya. Ini amat menyedihkan. Maka di Dewan yang mulia ini, pada petang ini saya benar-benar merayu kepada pihak kementerian kalau tidak silap saya ini adalah kali yang keempat saya telah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini dengan harapan kalau boleh tahun depan kampung-kampung yang saya maksudkan ini akan dapat dibuat jalan-jalan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin pergi sedikit kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Di Dewan yang mulia ini pada petang ini, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk memberi kredit, memberi kata-kata puji kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) kerana saya percaya, saya nampak dengan penglibatan-penglibatan pegawai-pegawai serta pembantu-pembantu KEMAS di kawasan saya secara langsung atau tidak langsung, taraf sosio ekonomi penduduk-penduduk di luar bandar telah meningkat.

Kedua, penglibatan KEMAS di kampung-kampung pedalaman di mana kelas-kelas KEMAS diadakan telah:

- (i) membantu meningkatkan taraf sosioekonomi, dan
- (ii) anak-anak kita dapat sekurang-kurangnya mendapat pendidikan prasekolah.

Tuan Pengerusi, di kawasan Parlimen saya, terdapat hampir 300 buah rumah panjang. Jadi di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Richard Riot anak Jaem: *Just one* saya mohon *last sentence*.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah, minta sahaja terus apa hendak.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Oleh kerana peranan yang dimainkan oleh KEMAS dalam membantu anak-anak kita dari segi pendidikan sekolah ini telah nampak amat berkesan. Maka saya mohon kepada kementerian agar menambah pegawai-pegawai dan anggota-anggota KEMAS dan saya sarankan agar banyak lagi kelas-kelas KEMAS didirikan di kawasan Parlimen saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya beri Jeli dahulu.

3.50 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli: Waalaikumussalam.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Menyentuh tentang Kepala Bekalan B.40 dan Kepala P.40 saya ingin merujuk kepada Butiran 010200 – Perancangan dan Penyelarasan.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Dewan sekalian, saya fikir bahawa kementerian ini merupakan kementerian yang sangat besar peranannya untuk menyatukan masyarakat terutama masyarakat di luar bandar, tambahan pula kementerian ini disinonimkan dengan luar bandar itu sendiri. Sebab itu, kita menyokong kerajaan menyediakan peruntukan yang besar di bawah kementerian ini di mana peruntukan pada tahun ini hampir RM3 bilion diperuntukkan dan daripada RM3 bilion itu, RM2.34 bilion adalah untuk pembangunan.

Selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua dahulu, di mana perhatian diberikan begitu tinggi kepada pembangunan luar bandar, sehinggakan dibangunkan hutan-hutan untuk dijadikan kawasan penempatan dan dimasukkan juga elemen ekonomi yakni ladang-ladang sehingga kita lihat sekarang ini, peneroka-peneroka FELDA, peneroka-peneroka FELCRA dan seterusnya lembaga-lembaga kemajuan negeri yang telah berjaya diwujudkan hasil daripada perancangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kedua ini, yang mana yang turut mendapat manfaat termasuk Dato' Pengerusi sendiri, di mana kawasan Dato' Pengerusi sebahagian besarnya adalah FELDA – 80% saya difahamkan.

Kita saya fikir rakyat seluruhnya memang mengharapkan satu pertanggungjawaban yang sangat besar daripada kementerian ini, tetapi saya sangat sedih oleh kerana Yang Berhormat Menteri berada di dalam Dewan ini yang pada mulanya cadangan kerajaan untuk memberi sedikit keringanan bagi pekebun-pekebun getah di luar-luar bandar, yang tertekan akibat daripada kejatuhan harga-harga komoditi tersebut, yakni harga getah di mana menyebabkan banyak pekebun-pekebun getah ini jatuh miskin kerana harga getah yang begitu teruk pada satu ketika.

Lebih malang lagi di Parlimen saya, di mana bukan setakat orang kampung terpaksa berdepan dengan harga komoditi getah yang jatuh, malah mereka terpaksa berdepan dengan harimau-harimau. Berdepan dengan harimau-harimau dan kita lihat trend harimau ini menyerang 90% daripada mangsa yang diserang adalah terdiri daripada penoreh-penoreh getah.

Tiba-tiba Yang Berhormat Menteri telah membuat suatu kenyataan di Padang Besar dan dikeluarkan di akhbar-akhbar dan juga di saluran-saluran berita di mana Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa elaun sara hidup yang disalurkan melalui RISDA ini kalau dahulunya calon-calon yang layak dipilih oleh RISDA itu sendiri, RISDA daerah, dan juga RISDA negeri, tetapi tiba-tiba Yang Berhormat telah membuat suatu kenyataan bahawa yang akan menentukan peserta-peserta dan calon-calon yang layak itu hendaklah ditentukan, walaupun telah dipilih oleh RISDA, ditentukan oleh JKK itu sendiri.

Jadi, saya berasa hairan, sedangkan kementerian Yang Berhormat ini diberi amanah untuk menyatukan masyarakat di kampung, di luar bandar tetapi bila mana JKK yang diberi kuasa mutlak, kuasa veto untuk menentu calon-calon, peserta-peserta yang berkelayakan, kita dapati banyak peserta-peserta, calon-calon yang layak, yang tidak menyokong parti kerajaan telah dinafikan hak mereka, walaupun pada asalnya mereka termasuk di dalam senarai yang layak menerima elaun sara hidup tersebut.

Sebab itulah, pesaing-pesaing politik saya telah menggunakan kesempatan ini seluas mungkin di mana diwar-warkan ramai orang PAS yang masuk kerana sebelum diwar-warkan, mereka ini akan ditawarkan elaun sara hidup RM2,000 ke RM3,000 setahun, kalau mereka tidak mengisytiharkan maka mereka tidak akan dapat elaun sara hidup ini.

Saya mempunyai bukti-bukti yang cukup jelas, di mana kita adalah suatu senarai yang cukup jelas, kawasan-kawasan yang terlibat, sama ada di Sungai Santannya, Sungai Air Chananya, di Air Lanasnya, di kampung saya di Kuala Balahnya, seluruh Parlimen Jeli kita mempunyai data yang lengkap di mana mereka ini tidak layak telah menerima wang ataupun elaun sara hidup ini, di mana didapati seorang itu dia guru KEMAS, isteri kepada anggota polis, dia layak, oleh kerana dia orang UMNO, begitu juga di beberapa kampung, dia bukan orang Malaysia, orang Thai, pun ada yang layak, dapat, bukan layak – dapat.

Inilah kita minta pihak menteri, supaya selepas ini janganlah bermain politik lagi dengan isu kemiskinan rakyat terutama di luar bandar. Dan saya memohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri tarik baliklah kenyataan itu dan mudah-mudahan lepas daripada ini jangan lagi buat kenyataan-kenyataan seperti itu, biarkanlah RISDA, KESEDAR yang

menentukan pemilihan calon-calon yang layak, kerana JKK itu sendiri bukan anggota kerajaan, mereka adalah anggota parti.

Kalau parti sudah dilibatkan, maka inilah menimbulkan bibit-bibit perpecahan di peringkat kampung itu sendiri.

Saya pohon keadaan ini diperbetulkan di masa-masa yang akan datang, supaya ianya tidak berulang lagi, supaya suasana harmoni yang memang telah wujud di Parlimen Jeli dan di Parlimen yang lain-lain di Kelantan, Terengganu dan sebagainya akan terus berkekalan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun Yang Berhormat, Kinabatangan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hah, sepuluh minit hendak bercakap apa, kita bercakap di luarlah senang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak beri, cakap tidak berilah Yang Berhormat. Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kemudian satu lagi 020000 – Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Peruntukan yang besar diberikan oleh kerajaan untuk mendidik anak-anak di peringkat prasekolah. Alhamdulillah, kita bersyukur. Tetapi apa yang berlaku trendnya, yang hendak mengajar mesti ahli parti pemerintah. Ini sudah satu perkara yang silap, sepatutnya jangan dijadikan satu syarat yang hendak mengajar mesti ahli daripada parti tertentu, kerana kita kena ingat, yang hendak membayar gaji guru-guru tadika dan sebagainya bukan duit daripada orang UMNO sahaja, ia duit daripada seluruh rakyat, termasuk UMNO, termasuk PAS dan sebagainya.

Tetapi dalam kes kami, Pasti kami, Pasti kami tidak dibantu oleh kerajaan. Kalau kami ini misal kata, hendak ambil orang PAS sahaja, layak kerana itu duit kami. Sebab itulah sekarang ini kalau misal kata, kalau hendak buka tadika atas platform parti, kita sudah faham, kita boleh terima, tetapi jangan menggunakan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebab itulah keadaan-keadaan seperti ini, kita lihat banyak umpamanya di Terengganu dan sebagainya, kerana perkara ini ia bermula di kampung. Kita tidak mahu ia bermula di kampung. Di kampung-kampung lagi kita lihat banyak tadika-tadika di bawah KEMAS ini, ia meletakkan bendera-benderanya di tadika-tadika, sehingga menyebabkan orang PAS tidak berapa, sukarlah hendak pergi hantar anak kalau sudah ada bendera.

Sepatutnya bendera-bendera ini tidak dibenarkan sama sekali diletakkan di tadika-tadika, kerana tadika ini KEMAS ini adalah hak milik seluruh rakyat Malaysia, kamu orang PASKah, orang UMNO adalah hak orang Malaysia.

Dan saya hendak mengesyorkan beberapa cadangan kepada KEMAS, kalau boleh tapak-tapak yang digunakan oleh KEMAS sekarang ini, kita kira KEMAS beli – senang, sama ada daripada Kerajaan Negeri Kelantan atau Terengganu – beli.

Saya fikir kalau kes di Parlimen Jeli beberapa tapak-tapak masih lagi hak milik kerajaan negeri, tetapi kita oleh kerana memikirkan anak-anak kecil hendak belajar, kita biarkan, tidak mengapa.

Tetapi saya hendak mencadangkan kepada kementerian supaya untuk memudahkan, supaya tidak timbul polemik dan masalah selepas daripada ini, kita kira beli, senang. Kita kira beli, jadikan hak milik di bawah Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Jadi, kemudian satu lagi Dato', yang kita hendak ini, bekalan elektrik luar bandar ini kalau boleh lepas daripada ini, oleh kerana pengalaman yang berada di Tenaga Nasional Berhad, dia buat laluan, dia hanya

kira di bawah Akta Bekalan Elektrik, maknanya ia hanya bayar pampasan mengikut perkara-perkara rosak.

Saya hendak mencadangkan supaya kita kira tanah itu kita kira ambil semualah, bayar, kasihan kepada orang kampung, tanah dia itu, dia tidak boleh pakai.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Kalau boleh di bawah projek bekalan elektrik luar bandar ini, kalau boleh pihak kerajaan pastikan bayar terus laluan-laluan elektrik ini, jangan guna di bawah Akta Bekalan Elektrik lagi, supaya memuaskan hati

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Semua pihak-pihak yang terlibat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sri Gading.

4.00 ptg

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, jasanya amat besar.

Pulau Pandan jauh ke tengah,

Gunung daik bercabang tiga,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Huh! Panjang sangat sajak itu Dato', sudahlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:

Hancur badan dikandung tanah,

Budi baik Menteri di kenang juga.

[Dewan riuh seketika]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Macam dekat rumah!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat, masa berjalan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pantun tidak masuk ucapan itu. Seperti yang kita ketahui bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini sebenarnya nadi kepada seluruh rakyat yang di luar bandar. Kalau tinggi gunung, tinggi lagi harapan rakyat. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih penghargaan kepada kementerian yang telah bersungguh-sungguh mengubah beberapa perkara yang memberikan keuntungan kepada orang-orang di luar bandar. Kalau di Semenanjung ini kita amat berbahagia soal air luar bandar, elektrik luar bandar, jalan luar bandar telah jauh lebih baik daripada masa-masa yang lalu dan saya harap usaha ini akan diteruskan, terutama diberikan perhatian kepada kampung-kampung tradisional, kampung-kampung yang umurnya hampir satu abad lebih, yang mana kepada saya, kampung-kampung ini harus diberikan keutamaan daripada kampung-kampung yang tidak dalam kategori ini. Mungkin kerana sejarahnya, mungkin kerana manusia di dalamnya kebanyakannya telah tua-tua dan dewasa, jadi biarlah sementara mereka hidup, kemudahan-kemudahan yang memang disediakan untuk mereka, diberikan keutamaan kepada mereka. Saya bukan menafikan yang telah pun dilakukan selama ini, tetapi saya ingin menekankan supaya keutamaan diberikan.

Tentang jalan, saya amat berterima kasih dan rasa amat berbahagia kerana jalan-jalan ini telah pun dibina menggantikan jalan-jalan tanah merah. Cuma harapan saya masa telah pun berubah, masa telah pun bertukar, kalau boleh yang 11 kaki itu dilebarkan sekurang-kurang 14 kaki. Ini sekurang-kurang supaya al-maklum orang-orang kampung sekarang sudah mempunyai kereta-kereta yang sama dengan orang luar bandar. Jadi

amat jauh berbeza antara jalan di bandar dengan jalan di kampung, kalau di luar bandar hanya 11 kaki, jadi kalau boleh peruntukkan ini ditambah dan pada masa-masa yang akan datang diperbesarkan, itu satu.

Yang kedua, yang saya hendak bercakap tentang B.40 dan P.40 ini dan pecahan-pecahan seperti yang tertera dalam buku bajet ini ialah masalah pemodenan desa. Masalah pembasmian kemiskinan, masalah yang perkatakan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapan bajetnya iaitu 'satu kampung satu industri'. Tiga perkara ini kalau dibenarkan Tuan Pengerusi, saya hendak membuat sedikit pandangan. Yang pertama tentang 'satu kampung satu perindustrian'. Apakah pelaksanaannya? Macam mana pelaksanaannya? Dan kementerian mana yang sebenarnya mengambil teraju utama? Apakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar bersama-sama dengan Kementerian Pertanian ataupun kementerian-kementerian lain supaya saya harap dalam tahun 2003 benar-benar ada contoh kampung yang dapat kita saksikan dan boleh menjadi ikutan dan menjadi contoh bagaimana perlaksanaan ini dapat dijalankan. Orang-orang kampung begitu ghairah mendengar ucapan ini dan mereka menunggu-nunggu, supaya perkara ini menjadi kenyataan.

Masa sebenarnya begitu pantas bergerak, saya berharap kementerian - saya tidak pasti sama ada kementerian ini yang akan menjadi peneraju utama kerana melihat daripada nama kementerian ini, Pembangunan Luar Bandar, supaya ini benar-benar memberikan keuntungan kepada masyarakat dan ini memberikan pulangan yang lebih baik kepada kehidupan atau ekonomi kehidupan mereka sehari-hari.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, satu industri satu kampung ini adalah satu wawasan kerajaan yang kalau dapat dilaksanakan secara mantap dan menampakkan kejayaan, saya rasa ini akan banyak menolong rakyat di kampung-kampung yang rata-rata kadangkala kehidupannya ataupun ekonominya rendah dan boleh mendatangkan satu faedah yang boleh memberikan penyelesaian kepada kehidupan mereka. Dan dalam usaha ataupun projek yang hendak dijalankan ini, sasaran yang ditargetkan oleh kerajaan haruslah jelas dan matlamat akhir kepada rancangan ini dapat kiranya dibayangkan mulai sekarang supaya kalau ada fikiran-fikiran yang boleh diguna pakai daripada berbagai-bagai pihak supaya dapat dikongsi bersama untuk dijadikan sebagai panduan dalam menjayakan projek yang sangat besar faedahnya kepada rakyat.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, menyentuh tentang PPRT, syukur alhamdulillah, di bawah menteri yang ada ini, peruntukan bagi membina bangunan atau rumah PPRT ini telah pun meningkat. Saya difahamkan termasuk pemberian harga tapak. Nilai sesebuah rumah PPRT ini hampir RM15,000.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya habiskan ini sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, minta hendak tambah lagi yalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cuma saya harap, tidak dapat hendak ulas panjang Tuan Pengerusi, saya ini orang yang patuh kepada perintah. Penghuninya pula, penghuninya itu juga harus satu perancangan yang benar-benar konkrit supaya apalah rumah yang cantik dan selesa kalau penghuninya pula kita abaikan. Saya mohon penjelasan, terima kasih Tuan Pengerusi, dapat saya memberikan sokongan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, saya bagi Mambong dahulu. Mambong dahulu ya.

4.10 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Luar Bandar kerana selama ini sentiasa prihatin kepada pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar. Bagi saya sebagai Wakil Rakyat mewakili kawasan luar bandar, usaha-usaha Yang Berhormat Menteri kerana keinginan melihat luar

bandar setaraf dengan pembangunannya dengan bandar adalah yang sangat dihargai. Teruskan usaha baik ini Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin menyentuh kepada Butiran 02002 iaitu Bekalan Air Bersih di Sarawak. Bekalan air bersih luar bandar adalah satu *public utility* dengan izin, yang sangat diperlukan bagi penduduk-penduduk di luar bandar kerana air bersih menjamin kesihatan mereka. Pelbagai penyakit *water-borne diseases*, dengan izin, timbul di beberapa tempat di luar bandar kerana ketiadaan bekalan air bersih. Di kawasan Parlimen saya pada tahun ini telah pun dilaksanakan beberapa projek bekalan air paip bersih di banyak tempat. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Menteri ke atas projek-projek ini. Tetapi di satu projek, saluran air paip daripada Kampung Simpok hanya dilaksanakan ke Kampung Sarik. Saya ingin bertanya kenapa tidak menyalur juga kepada Kampung Jambu, di tempat yang sama. Saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri agar projek bekalan air luar bandar ini diperluaskan ke Kampung Jambu juga. Selain daripada itu, saya juga mohon agar projek air bersih luar bandar di kampung-kampung di kawasan Krokong dan kawasan Serembu di daerah Bau juga diperluaskan. Saya telah pun membuat permohonan kepada Yang Berhormat Menteri tentang projek ini.

Saya ingin beralih kepada P.40, Butiran 02004 - Bekalan Air Alternatif. Pada pendapat saya bekalan air alternatif ini adalah satu cadangan yang amat baik dan praktikal bagi Sarawak kerana di tempat-tempat yang terpencil sistem ini yang saya tafsirkan '*stnelon*' system dengan izin, adalah praktikal dan mungkin lebih murah lagi kosnya kerana jarak bagi saluran paip memang tidak jauh. Di beberapa kampung berkelompok di kawasan saya, sistem ini memang amat sesuai. Adalah harapan saya agar sistem bekalan air alternatif ini dapat dilaksanakan.

Saya beralih kepada P.40, Butiran 01702 - Bekalan Elektrik Luar Bandar - Sarawak. Dalam pada ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih ke atas jasa baik Yang Berhormat Menteri kerana bekalan elektrik telah pun disalurkan di banyak kampung di kawasan saya. Walaupun demikian, masih banyak lagi kampung belum ada bekalan elektrik termasuk kampung-kampung yang ada, sekolah-sekolah rendah. Namun, saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri akan terus melaksanakan projek bekalan elektrik di kampung-kampung di kawasan Parlimen saya. Saya akan menghantarkan permohonan kepada Yang Berhormat Menteri sendiri.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada *solar system* yang telah pun dilaksanakan di beberapa buah kampung. Sistem ini memang tidak sesuai digunakan di negara kita pada masa sekarang kerana negara kita terlalu kerap hujan. Jika *heat collector system* ini basah, lumut tumbuh dan ini menghalang keberkesanan dan keupayaan *collector* untuk menyimpan tenaga suria. Pada ketika ini tidak ada mana-mana pihak pun di dunia ini boleh menghasilkan sistem solar dengan collector yang efisien for *trapping solar energy*, dengan izin. Pada satu ketika daripada tahun 1980 hingga tahun 1984, saya sendiri telah pun membuat kajian tentang *solar energy*. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar pihak kementerian menimbangkan *biomass energy* ataupun *wind energy* ataupun tenaga angin bagi menghasilkan bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Tanah Merah dulu. Ha, Yang Berhormat bagi Gaya lambat sedikit bangun ya. Selepas ini saya bagi Gaya ya. Yang Berhormat bagi Tanah Merah dulu.

4.17 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin turut membahaskan di bawah B.40 dan P.40 Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah Butiran 02400 iaitu Pemodenan Kampung, 02503 di bawah Pembangunan Perusahaan Luar Bandar dan juga 03201 - Program Kesejahteraan Rakyat.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa kementerian ini memainkan peranan penting di dalam membangunkan masyarakat luar bandar. Saya ingin menarik perhatian dalam ucapan Yang Amat Berhormat semasa membentangkan belanjawan tempoh hari telah

menyebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi iaitu rancangan 'satu kampung satu industri' dengan konsep yang mungkin baru di mana diletakkan 10 hingga 100 orang dalam satu industri tersebut dan mempunyai tenaga profesional untuk membantu kejayaan projek tersebut. Tetapi berbeza, saya yakin dan percaya projek ini bukanlah satu perkara baru dalam KPLB kerana sebelum ini pun KPLB telah melaksanakan industri kecil (*cottage industry*) ini di bawah kampung-kampung di lembaga kemajuan wilayah masing-masing terutama sekali di PERDA, KEDA, Kesedar, Ketengah yang saya rasa memang secara menyeluruh terutama yang melibatkan pembuatan daripada bahan-bahan hutan iaitu rotan dan buluh. Yang kedua hasil-hasil tanaman seperti pelaksanaan kerepek ubi, pisang dan sebagainya.

Apa yang kita ingin mendapat penjelasan, sebelum ini pihak kementerian pun sudah menghantar pegawai-pegawai untuk mendapatkan contoh-contoh daripada Korea umpamanya di bawah projek *Samuel Undung*. Tetapi apabila dilaksanakan di negara kita projek ini berjalan tidak lama, kesemuanya boleh dikatakan telah rugi dan telah ditutup. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan sebelum melaksanakan suatu projek yang baru yang sudah kita tengok dulu bagaimana *track record* dulu dan apakah kelemahan-kelemahan kementerian untuk melaksanakan projek-projek ini. Saya rasa kita semua tahu yang PERDA sekarang pun ada satu lagi pembuatan air dalam tin iaitu air asam jawa (*tamarind*) yang masih berada dalam pasaran. Yang lain-lainnya sudah tidak ada. Saya dengar khabar itu pun diwastakan ataupun diserahkan kepada pihak lain.

Berkaitan dengan ini juga saya ingin melihat kalaulah projek itu dilaksanakan di peringkat kampung, bagaimana dengan kerugian-kerugian anak syarikat di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah. Saya ambil contoh sedikit, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat menteri umpamanya dalam Laporan Ketua Audit Negara yang berakhir pada 31 Disember 2000 yang menyatakan bahawa tiga anak syarikat KESEDAR iaitu KESEDAR INN, KESEDAR Perkilangan dan juga KESEDAR Dagang Sendirian Berhad yang telah menerima pelaburan sebanyak RM18.74 juta tetapi pada tahun 2000 mempunyai jumlah kerugian terkumpul dalam tiga syarikat tersebut iaitu RM3.17 juta, ini pada tahun 2000 mungkin pada tahun 2001 dan 2002, kita akan mendapat lagi laporan audit mungkin telah dibaik pulih. Cuma saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, bagi tahun 2000 dan tahun sebelum itu pun memang rugi.

Jadi satu lagi saya ingin mendapat penjelasan iaitu kalau pihak kementerian umpamanya pernah menyatakan pertandingan kampung-kampung cantik, kampung tradisional, desa wawasan dan sebagainya. Kita lihat apabila pertandingan ini dilaksanakan semua pihak terutamanya pegawai-pegawai rancangan ataupun peneroka-peneroka ataupun penduduk yang terlibat membersihkan kawasan semata-mata untuk menyertai pertandingan tetapi apabila kejohanan ataupun keputusan telah diperolehi dan mereka mendapat hasil yang lumayan di peringkat kebangsaan, kampung-kampung yang cantik ini memperolehi RM100 ribu hadiah johan. Kemudian apabila penganugerahan diberi, kampung-kampung tersebut tidak lagi menjaga status kampung tercantik.

Saya berasa terkilan apabila kampung-kampung yang dipilih ini yang letaknya di tepi-tepi jalan atau di tepi-tepi lebuhraya pada satu ketika kita lihat memang sungguh cantik tetapi apabila penganugerahan ataupun status yang diperolehi dan wang yang diperolehi kita lihat bahawa kampung-kampung ini terabai dan terbiar seolah-olah menampakkan kelemahan. Jadi saya minta pihak kementerian kalau boleh mengekalkan apabila mengadakan sesuatu pertandingan mengekalkan status yang diberi kepada kampung-kampung yang memenangi anugerah ini.

Dan satu lagi saya ingin mendapat pandangan dan penjelasan daripada pihak kementerian iaitu apabila Perdana Menteri juga ada menyebut bahawa sebagai satu langkah untuk mengatasi kemiskinan ataupun pendidikan anak-anak kita yang miskin di luar bandar, satu perkara yang baru diperkenalkan iaitu dengan memberi *voucher* tuisyen kepada anak-anak dan juga bantuan pakaian kepada murid-murid miskin iaitu berjumlah RM120 setahun yang melibatkan kewangan sebanyak RM87.8 juta dan dianggarkan 730 ribu pelajar yang akan menikmatinya.

Jadi saya minta betul-betul sebab ini adalah tujuan untuk membantu golongan miskin supaya pihak-pihak tertentu terutama sekali tidak menyalahgunakan peruntukan dan

juga niat kerajaan ini kerana sebelum ini memang telah banyak terjadi. Kuasa yang diberi kepada pemimpin-pemimpin UMNO terutama sekali di peringkat bahagian, di peringkat cawangan sehingga mereka menggunakan kedudukan dan kepentingan politik untuk melaksanakan perkara-perkara ini dan dengan itu pencapaian sebenar kepada niat kerajaan untuk membantu dan mungkin itu salah satu niat kerajaan dan umpamanya kalau kita lihat yang pernah berlaku sebelum ini pihak kerajaan telah melaksanakan subsidi baja tetapi apabila disalurkan ataupun sebelum baja-baja tersebut diberikan kepada mereka yang terlibat mereka hendaklah menunjukkan keahlian UMNO masing-masing. Jadi perkara ini akhirnya tidak mencapai matlamat dan kita tahu dan saya pun boleh buktikan bahawa terdapat kes-kes polis yang mana baja-baja di negeri Kelantan telah dihantar dan dijual ke Thailand. Jadi kita tidak mahu perkara-perkara seperti ini dan saya minta supaya *voucher-voucher* pendidikan dan tuisyen ini benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan.

Seterusnya salah satu daripada yang saya terkilan di dalam kawasan saya iaitu pegawai-pegawai walaupun ini adalah melibatkan pegawai FELDA tetapi FELDA juga adalah salah satu badan atau agensi untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Apabila *Utusan Malaysia* pada 23 September 2002 telah menyatakan berita mengenai 354 orang peneroka FELDA Kemahang Tiga, Tanah Merah yang telah membuat laporan polis dan memfailkan saman ke atas FELDA dan juga dua anak syarikatnya iaitu Pengurus FELDA Kemahang Tiga dan juga FELDA Palm Industry Sendirian Berhad di atas asas yang didakwa iaitu menipu urus niaga penjualan hasil kelapa sawit sejak tujuh tahun lalu. Jadi walaupun itu tidak melibatkan, saya tahu FELDA di bawah agensi lain tetapi kerana ia terletak di dalam organisasi dan juga jabatan atau kementerian untuk membantu golongan ini saya minta kalau boleh pihak Yang Berhormat menteri memberi sedikit penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Ya, dan mungkin yang terakhir, saya ingin mendapat penjelasan yang terakhir mengenai kedudukan penyelewengan wang PPRT yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan penyelewengan RM36.7 juta wang PPRT dan yang akhir sekali saya ingin juga mendapat penjelasan Yang Berhormat menteri mengenai peranan PERDA di Pulau Pinang sehinggakan orang-orang Melayu Pulau Pinang yang kita lihat pada hari ini terpinggir dan terabai di dalam arus pembangunan perdana.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Gaya, Gaya.

4.27 ptg.

Tuan Liew Teck Chan [Gaya]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01703, 02003 dan 02300. Pertama saya ingin menyentuh tentang program pembangunan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Terima kasih saya ucapkan kepada menteri Pembangunan Luar Bandar atas inisiatif beliau untuk membaiki kawasan atau keadaan infrastruktur luar bandar dan kawasan pekan di Sabah terutama sekali di kawasan Gaya.

Terdapat beberapa jalan raya kampung, bekalan elektrik dan air telah pun dimulakan dan telah selesai dilaksanakan. Walau bagaimanapun di kawasan Gaya ada terdapat lebih 100 buah kampung dan ada beberapa buah kampung berada di kawasan yang amat terpencil seperti Kampung 'Rumanting' di mana jalan raya sudah dibina.

Tuan Pengerusi, sudah banyak yang telah dibuat namun masih banyak lagi yang perlu dibuat. Bekalan air dan elektrik adalah halangan utama untuk memperbaiki kemudahan di kawasan Gaya sebab keadaan kawasan yang berbukit bukau dan terpencil. Dengan ini saya berharap pihak kementerian akan cuba mengkoordinasi untuk mengatasi masalah yang ada sekarang dan pada masa-masa akan datang.

Saya juga ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat memberi peruntukan-peruntukan kepada kawasan Gaya bagi menaik taraf dan menswatakan jalan raya kampung untuk memudahkan dan memperbaiki perhubungan masyarakat setempat. Akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa apa yang saya sampaikan ini adalah untuk kepentingan rakyat dan negara. Justeru itu saya berharap dan merayu kepada pihak yang berkenaan agar dapat mengambil tindakan dan meneliti cadangan yang berfaedah dengan kepentingan rakyat dan negara kita di dalam kehidupan seharian.

Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga minit Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat bagi Tambun dahulu, lepas itu saya adalah dalam perkiraan saya. Sila. *[Ketawa]*

4.30 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua perkara sahaja. Pertama tentang ekonomi desa. Dahulu Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada mengeluarkan pinjaman untuk menjalankan perniagaan di kawasan luar bandar dan saya difahamkan telah dipindahkan kepada Bank Rakyat. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dengan perubahan tersebut macam manakah status pemberian pinjaman? Dan adakah pihak kementerian memantau pemberian pinjaman tersebut? Berapakah bilangan yang dapat manfaat apabila diletak di bawah Bank Rakyat?

Di samping itu, dari segi program ekonomi desa ini, terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan. Dari segi keberkesanan program ini, kalau dapat Yang Berhormat Menteri maklum berapa ramai usahawan yang telah dijana melalui program tersebut.

Kedua, mengenai dengan kemajuan masyarakat KEMAS. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan status penyelia KEMAS ini, bagaimanakah kontrak mereka dengan pihak kementerian. Dan, adakah pihak kementerian pernah memberhentikan setelah kontrak selesai. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya rasa kurang puas hati dengan prestasi penyelia KEMAS.

Saya dapati mereka lebih banyak hadir mesyuarat dan pelbagai mesyuarat yang ada kursus dan sebagainya, tidak menumpu sangat kepada kerja-kerja yang dijalankan. Malah, beberapa minggu yang lalu pihak KEMAS, DUN Ulu Kinta mengadakan sukan untuk Tabika. Dijemput semua wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin termasuk Komander Pasukan Gerak AM datang, tetapi penyeliannya tidak ada. Dan, mereka kata pergi Hari KEMAS. Antara Hari KEMAS Pusat dengan program yang dijalankan di peringkat kawasan, yang mana yang patut diberi *priority*.

Kalau penting sangat untuk pergi ke Hari KEMAS sekurang-kurangnya dijadualkan bukan sukan tersebut diadakan pada Hari KEMAS. Dan saya dapati sukan tersebut dijalankan secara kucar-kacir dan tidak ada siapa yang *accountable*, pemberian hadiah dan sebagainya, cukup teruklah. Saya sendiri hadir, saya rasmikan, saya kata, "*Apalah macam ini?*"

Jadi, itu yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pernah pihak kementerian setiap tahun menjalankan penilaian ke atas prestasi penyelia KEMAS ini dan sekiranya tidak bagus diberhentikan. Kita tahu di dalam pasaran sekarang ini cukup ramai orang yang lebih *berqualified*, yang ada diploma, ada *degree*, yang tidak bekerja, diberhentikan daripada bank dan sebagainya. Mengapa mereka ini tidak minat kerja diberi tempat dan mereka tidak menjana apa-apa langsung.

Sehubungan dengan itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, macam mana pihak kementerian membuat penilaian atas prestasi program-program KEMAS. Ada banyak program ini, Program Sumber Manusia Dewasa, Kanak-Kanak, aktiviti latihan, umpamanya dari segi untuk Program Sumber Manusia Kanak-Kanak, Tabika ini.

Dari segi kaca mata saya dapati ada tiga, satu KEMAS, satu Jabatan Perpaduan dan swasta. Saya nampak yang Jabatan Perpaduan dan swasta ini, kanak-kanak nampak

disiplin, kalau jalan dia beratur. Di situ kita mencerminkan yang mereka ini lebih baik dapat latihan, yang KEMAS ini saya nampak lari sana, lari sini, tidak tersusun, guru panggil lari. Jadi, seolah-olah prestasinya tidak begitu baik dibandingkan dengan yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan dan juga oleh pihak swasta. Di samping itu, sekarang ini pihak Kementerian Pendidikan juga akan mengambil alih. Jadi, macam mana statusnya, akhirnya, adakah KEMAS akan wujudkan program ini ataupun akan diambil alih keseluruhannya oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Di samping itu, program seperti peserta mengamalkan konsep rumah sempurna, mahir komputer, peserta bina insan. Adakah penilaian atas program ini betul-betul berdasarkan penyertaan ataupun selepas itu tidak dibuat langsung sebarang penilaian. Macam penggunaan perpustakaan 130,000 ini ramai sangat. Di tempat saya ada juga perpustakaan tetapi saya tengok tidak ramai. Jadi, adakah statistik yang diperolehi ini betul-betul menggambarkan suasana sebenarnya.

Di samping itu, saya balik kepada KEMAS tadi mengenai dengan penyelia KEMAS ini. Kita ada Program Desa Wawasan, mesyuarat tidak ada. Dari jawapan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar hari itu nampak *steady* program itu, tetapi adakah program itu nampak *steady* kerana peruntukan yang disalurkan melalui pelbagai agensi nampak satu kampung itu bangun ataupun matlamat sebenarnya itu tercapai di mana berkehendakkan supaya masyarakat kampung sendiri *dimobilize* untuk mengadakan pelbagai pembangunan kerana itu saya tidak berapa nampak terjadi.

Kemudian, Jawatankuasa Aktiviti KEMAS. Di kawasan saya, melantik saya menjadi pengerusi, tetapi saya nampak tidak guna lantik pun, urusetianya KEMAS, mesyuarat tidak ada. Kita berapa kali sudah beritahu untuk mengadakan mesyuarat, tidak ada juga mesyuarat. Jadi, perkara-perkara ini saya harap dapat Yang Berhormat Menteri lihat.

Saya bawa perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya daripada suara rakyat, yang nampak apa berlaku kerana kita tidak mahu bila tiba di atas nampak dalam laporan begitu elok tetapi sebenarnya di peringkat bawah cukup kucar-kacir.

Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dapat buat sesuatu kepada KEMAS. Yang Berhormat Menteri pun telah menyatakan macam-macam penyusunan hendak dibuat, tetapi saya lihat tidak ada apa yang berlaku. Kalau dahulu masalah macam itu dari segi moral, *standard* kerja sampai sekarang pun macam itu juga. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar dululah.

4.37 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian membincangkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kemajuan Masyarakat di bawah 00100, 00200 dan 00400.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang biasa kita dengar, permasalahan besar yang dihadapi dalam kita merancang rancangan-rancangan mengerakkan penduduk desa ini ialah tentang hal mengenai penyertaan penduduk desa dalam pembangunan terutamanya dalam pembangunan kemasyarakatan.

Rata-ratanya dalam negara-negara yang membangun ini penyertaannya amat rendah. Saya tidak tahu kalau misalnya kementerian sudah mengira peratus penyertaan masyarakat tempatan, program-program yang dikendalikan oleh KEMAS umpamanya. Peratus penyertaan program-program masyarakat tempatan kepada program-program yang dianjurkan seperti Tadika yang dibuat oleh KEMAS.

Peratus program-program yang disertai oleh masyarakat tempatan mengenai program-program yang berkaitan dengan industri desa dan program-program ekonomi yang lain untuk meningkatkan pendapatan orang desa. Dan, kemudian akhirnya, agaknya peratus kejayaan menyertai Rancangan Belia Desa yang saya rasa suatu masa dahulu telah diperuntukkan banyak peruntukan untuk membangunkan belia-belia desa ini terutamanya menyertai program-program kecil pembangunan ekonomi di peringkat desa.

Dan, tentang itu kita sebenarnya banyak sudah ditonjolkan dalam luar negara, pengalaman-pengalaman tentang penyertaan ini dan banyak memberikan nasihat kepada kita dan saya pun telah menyentuh dua, tiga tahun yang lepas di Dewan ini pendekatan yang kita ambil mesti berubah. Kurang penyertaan di kalangan orang kampung terhadap program-program yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini. Kebanyakannya mengatakan adalah kerana kurang kuatnya, kurang bertahannya kekebalan kita dari segi pendekatan menghadapi orang-orang desa ini. Pendekatan kita hendak keluarkan orang kampung daripada *orbit indigenous*, hendak keluarkan dia dari *orbit* kedesaannya, hendak keluarkan dia dari sikap kedesaannya, hendak keluarkan dia menjadi manusia desanya itu. Itu pada pandangan kita. Kalau dia dapat dikeluarkan maka kita katakan dia akan membangun.

Tetapi kalau kita faham misalannya penduduk desa, menteri pun lebih faham agaknya, nampak desa, nampak pakai kain, nampak pakai capal, nampak pakai kopiah, nampak pakai baju Melayu tetapi sebenarnya mereka bukan anti kepada pembangunan dan sebab itu kita lihat di mana-mana pun kita pergi, sudah berpuluh tahun, sudah 20 tahun, 30 tahun, masyarakat Melayu dari segi penampilan terutamanya masih penampilan desa seperti itu.

Ambil contoh di kawasan saya di Parit Buntar. Kalau kita pergi pada petang-petang misalnya pada pukul 3.00 petang, orang sudah pakai kain, orang sudah pakai baju Melayu, orang sudah pakai capal, bergerak di antara mereka dengan anak-anak mereka dengan pakaian yang sedemikian, itu menggambarkan apa? Itu menggambarkan kedesaan dan semangat cintakan suasana kedesaan. Berbeza dengan kita di Kuala Lumpur, misalnya, pukul 3.00 petang kita masih lagi pakai tie, pukul 6.00 petang kita masih lagi pakai tie di Dewan Rakyat ini, berbeza jika dibandingkan dengan teman-teman kita di luar bandar.

Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan ialah pengalaman di negeri lain. Misalnya di Korea Selatan, mereka dahulu ikut pembangunan luar bandar kita, tetapi sekarang ini kita pula mengikut pembangunan luar bandar mereka. Tetapi sayangnya kain kita ini sangat pendek, ditarik di atas, kaki nampak, diturunkan di bawah, kepala dan badan-badan yang lain nampak. Akhirnya, *Samuel Undong*, program yang begitu hebat namanya *Samuel Undong* itu nampaknya tidak bertapak di Malaysia ini walaupun kita cuba *copy* sebenarnya semangat *Samuel Undong* itu.

Begitu juga di Afrika misalnya, *Ujama*, di Tanzania, satu program yang sangat bagus yang sudah dilaporkan oleh World Bank dan pertubuhan-pertubuhan organisasi pembangunan desa di antara program yang terbaik yang sepatutnya dijadikan contoh.

Kemudian satu program misalnya di Sri Lanka, *Sharbodaya Sharmadana*, satu program yang memang baik daripada program asasi berteraskan kepada *indigenouness* Sri Lanka....

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ... yang diambil...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak ada masa...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ada sedikit lagi. Sila, sila, sila. Saya pun tidak hendak... Di Tanjong pun ada desa jugakah macam ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa berjalan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Cepatlah kita, ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat kata tentang pergerakan *Samuel Undong* di Korea Selatan dan kata kita cuba mempelajari

sesuatu daripada itu. Sedarkah Yang Berhormat bahawa sebenarnya *Samuel Undong* ini mula kerana mereka mencontohi apa yang kita jalankan di FELDA dan bukan sebaliknya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Memanglah fakta saya pun begitu tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Mula-mulanya mereka meniru kita dan sekarang kita meniru mereka. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong.

Begitu juga misalnya kita ambil Israel, satu gerakan kemasyarakatan di peringkat yang paling desa yang namanya *Kitbutzim*. Itu pun mengambil ciri-ciri *indigenous* dan ciri-ciri keperibumian, takut 'pengebumian' pula. *[Ketawa]* Ciri-ciri itu yang dipertahankan.

Apa yang berlaku di Malaysia, Dato' Menteri ialah kita hendak keluarkan rakyat daripada '*indigenoussness*' ini, hendak keluarkan mereka daripada kepompong *indigenoussness* itu, hendak masukkan *value* kita, *value* bandar kita, *value* elitisme kita dalam pembangunan masyarakat di kampung. Apa yang kita buat misalnya sekarang. Masyarakat di kampung berkumpul di masjid. Masyarakat di kampung berkumpul di madrasah. Masyarakat kampung berkumpul di surau. Masyarakat di kampung berkumpul di tempat-tempat ibadah.

Tetapi yang UMNO buat dan Barisan Nasional buat ialah hendak keluarkan masyarakat kampung daripada masjid, daripada surau, matikan masjid, tidak mahu kuliah masjid, tidak mahu kelas duha masjid, tidak mahu qiamullail di masjid, tidak mahu adakan perbincangan di masjid, ini yang berlaku! Kalau ini yang akan berlaku dan terus berlaku – saya bagi contoh. Kita menghentikan program memberikan bantuan kepada sekolah agama rakyat, apa ertinya? Ertinya, kita hendak mematikan satu institusi yang paling popular. Sebahagian daripada kita ini adalah graduate daripada sekolah-sekolah tersebut yang sudah menjadi menteri, sudah menjadi orang besar.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Minta penjelasan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Apa yang saya hendak sebutkan... Tidak ada masa, tidak ada masa, sorrylah. Sorry tidak ada masa. Lain kalilah, kita berjumpa di luar, dekat kedai kopi nanti kita jumpa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada berkaitan dengan butiran yang disebut tadi?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak, tidak. Sangat-sangat berkaitan dengan pendekatan. Saya bercerita tentang *approach*, Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Sebab itu apa yang saya hendak sebutkan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini terlalu dasar, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak, tidak. Ini bukan dasar, ini program. Saya sebutkan tentang penyertaan. Kenapa penyertaan begitu rendah dan mesti dipertingkatkan. Pada saya, cara hendak mempertingkatkannya ialah ubah pendekatan. Maknanya, daripada kita mengeluarkan orang daripada pendedahan *indigenous*, balik kepada pendekatan *indigenous*, dan saya tidak mahu hanya balik kepada pendekatan *indigenous* tetapi balik kepada pendekatan yang berdasarkan sumber asasi masyarakat itu. Apa dia? Agama. Apa dia? Dalam konteks Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak lain dan tidak bukan ialah masyarakat Melayu yang kebetulannya mereka juga adalah Islam.

Ertinya, balik kepada Islam. Ertinya, berikan kekuatan kepada institusi-institusi Islamnya. Berikan kekuatan kepada masjidnya. Berikan kekuatan kepada suraunya. Berikan kekuatan kepada madrasahya. Berikan kekuatan kepada *musollanya*. Berikan kekuatan kepada institusi-institusi yang begitu selesa dengan masyarakat dan institusi yang telah dimasyarakatkan sejak mereka menubuhkan masyarakat di awal-awal di Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, sebab itu saya ingin mencadangkan beberapa perkara. Pertama sekali ialah tentang pendekatan. Pendekatan ini ialah pendekatan ditinjau daripada segi *the life long education*. Maknanya pendekatan seumur hidup, sepanjang hidup dan bila kita sebut sepanjang hidup, kita bermula dengan agama, pertengahannya agama dan mesti di hujungnya dimatikan dengan agama.

Nombor dua, Tuan Pengerusi, saya fikir mengenai halangan-halangan politik. Ini permasalahan yang besar sebenarnya. Kita masuk ke kampung, halangan-halangan politik merupakan rintangan-rintangan yang besar, merupakan kekangan-kekangan yang besar yang menyekat sebenarnya. Pembangunan kepada masyarakat luar bandar terutama bila saya sebut tadi tentang pendidikan masyarakat, gerakan masyarakat, pendidikan prasekolah dan berbagai-bagai lagi yang mengakibatkan akhirnya ialah yang rugi kita, yang rugi *resources* kita, yang rugi pengurusan kita, yang rugi kerajaan kita, yang rugi rakyat kita, sebab di antaranya yang saya sebutkan tadi ialah penyertaan yang agak minimum. Saya rasa kalau kita betul-betul tinjau dan membuat analisa dengan *cost benefit*, di antara program yang saya rasa paling tinggi kosnya ialah kita melancarkan program luar bandar termasuklah program pertanian dan sebagainya.

Sebab per kapitanya begitu tinggi kerana *resources*nya tinggi tetapi manusia yang menikmatinya tidaklah sesuai dan sejajar dengan jumlah belanja yang dibelanjakan dengan kuantiti penyertaan itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi, akhirnya, saya ingin mencadangkan supaya ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...supaya kalau dapat selepas ini tidak lain dan tidak bukan, kita mesti menghidupkan pendekatan yang sesungguhnya berteraskan kepada budaya, kepada kekuatan rakyat, kekuatan masyarakat desa tempatan dan pada masa yang sama, tidak lain dan tidak bukan, arah tuju kehidupan mereka, di awalnya, di pertengahannya dan di akhirnya mestilah dengan agama. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta maaf. Saya akan benarkan seorang lagi bercakap, selepas itu menteri akan menjawab. Kalau ada peluang, tanyalah mana yang tidak dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu apa yang agak hendak disampaikan, tanya semasa minta penjelasan. Saya beri Kinabatangan. [Disampuk]

4.47 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar, 02500 – Jalan Kampung dan Penyelarasan, 03100 iaitu FELCRA.

Pertama, saya ingin merakamkan terima kasih kepada kementerian dan terutama sekali menterinya sendiri kerana telah mencari satu pendekatan yang baik telah berhijrah daripada suatu keadaan yang tidak *conducive* telah memberikan sinaran baru khususnya masyarakat di luar bandar.

Saya ingin menyatakan kawasan Kinabatangan, kalau Amelina dengan lagunya, "Cinta 100%", Kinabatangan ini "100% Luar Bandar". [Ketawa] Pada hakikatnya kementerian telah banyak memberi pembangunan khususnya di luar bandar. Yang menjadi penghalang iaitu saya ingin menyatakan di sini banyak projek yang telah diluluskan oleh kementerian untuk dilaksanakan tahun ini tetapi malangnya pembangunan ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual dan ianya terhalang. Kita tidak tahu di mana halangannya sama ada di pihak jabatan itu sendiri, konsultankah ataupun di pihak kerajaan-kerajaan tempatan, tetapi yang jelas projek-projek ini tergendala.

Contoh-contoh yang saya ingin ketengahkan iaitu jalan raya Suanambak di Kinabatangan. Ianya telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Luar Bandar itu sendiri tetapi sehingga hari ini, jalan raya ini belum dapat dimulakan. Jadi, ini menandakan satu kerugian kepada kerajaan dan juga rakyat itu sendiri kerana jalan ini seharusnya telah dimulakan enam bulan ataupun lapan bulan yang dulu tetapi sehingga hari ini, belum pun ianya dapat dimulakan.

Demikian jugalah dengan projek...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak minta penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tidak ada masa, minta maaf. Di luar kita bincang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sedikit, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dalam masa yang sama juga.....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, dia tidak bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: ...iaitu Projek Air Luar Bandar untuk tahun 2002. Seharusnya projek ini pun telah dapat dilaksanakan tetapi sehingga hari ini juga belum dapat dimulakan. Jadi, ini saya minta kementerian kalau boleh memanggil dan membuat pemantauan kepada seluruh pegawai yang diamanahkan kerana perkara ini amat merugikan, bukan sahaja kementerian, rakyat dan kerajaan kita sendiri kerana pihak kementerian saya rasa telah membuat perkara-perkara yang terbaik tetapi masih ada *loophole*, dengan izin, di kalangan mungkin pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah kementerian ini.

Menyentuh satu isu iaitu 03100 iaitu FELCRA. Pada empat, lima bulan yang lalu saya telah menghadiri beberapa mesyuarat dengan pegawai-pegawai FELCRA berhubung dengan satu projek pembangunan desa iaitu Sukau di Kinabatangan. Perkara ini telah pun dibangkitkan dalam mesyuarat dengan kerajaan negeri, dengan agensi-agensi kerajaan di seluruh Sabah, dengan FELCRA itu sendiri. Sehingga hari ini, projek pembangunan ini masih tidak berjalan. Saya ingin tanya pihak kementerian, di manakah kesilapannya sehingga program ini belum dapat dilaksanakan. Ini kerana, masyarakat di Kinabatangan telah tahu dan kerajaan negeri juga telah tahu. Kerajaan negeri telah saya maklumkan, pihak Kementerian Luar Bandar di negeri telah dimaklumkan. Semua telah maklum soal ini, tetapi ianya masih tidak bergerak, tidak berjalan.

Kita dimaklumkan bahawa peruntukan sudah ada. Kalau sudah ada, kenapa kita tidak laksanakan? Kalau ada masalah, kenapa tidak dimaklumkan kepada kita? Di manakah silapnya? Di manakah kesilapan perkara ini? Jadi, mungkin pegawai-pegawai daripada Kementerian Luar Bandar juga ada bersama-sama dengan kita, jadi saya haraplah perkara ini dapat kita selesaikan dan mudah-mudahan pada tahun 2003, kalau program ini kita jangka berjalan bulan Ogos 2003, pastikan ianya berjalan bulan Ogos. Jangan lagi *delay* dengan izin, jangan lagi tangguh-tangguh. Ini kerana, kalau kita tangguh, bukan untung yang kita dapat. Mungkin peruntukan yang sedia ada akan diangkat dan dipindah ke projek-projek yang lain kerana masalah dihadapi kita tidak tahu.

Jadi, ini keluhan-keluhan yang dapat saya bangkitkan bersama pada hari ini. Mudah-mudahan bagi pihak kementerian, rasa saya seluruh ahli wakil-wakil rakyat, khususnya di luar bandar memang berterima kasih kepada kementerian ini kerana begitu

prihatin setelah kita membuat teguran demi teguran, maka kementerian ini berjaya akhirnya membuat pendekatan baru untuk memastikan bahawa masyarakat luar bandar juga bangkit seiring dengan masyarakat di bandar. Bukan seperti wakil rakyat daripada pembangkang tadi, bahawa kononnya kita telah menyekat semuanya untuk kepentingan orang Melayu. Ini tidak betul dan tuduhan liar semata-mata. Sekian dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya jemput Menteri menjawab.

4.53 ptg.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan KPLB di peringkat Jawatankuasa. Saya ingin menjawab permulaannya kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah yang memberi beberapa projek khusus yang tidak dijalankan. Sebenarnya ini adalah masalah khusus. Saya tidak rasa perkara ini wajar dijawab di sini. Kemungkinan adalah sebab-sebab tertentu yang tidak dilaksanakan. Jadi, saya minta sekali lagi Yang Berhormat bagi Gelang Patah kemukakan apakah masalah sebenar dan kemukakan kepada saya sekali lagi apa yang menjadi rungutan.

Begitu juga Yang Berhormat bagi Gelang Patah menyebut mengenai pembangunan lampu-lampu jalan kampung yang kini diberi hanya untuk 10 lampu dalam sebuah kampung. Saya telah buat permohonan untuk tambahan bagi kampung-kampung yang luas, yang besar tetapi bagi tahun 2003, kita diarahkan mengisikan dulu kampung-kampung yang telah disenaraikan dengan 10 biji. Setelah selesai fasa satu, kita akan memberi tambahan kalau ada peruntukan bagi kampung-kampung yang besar. Bagi jalan luar bandar yang sejauh lapan kilometer, saya minta Yang Berhormat bagi Gelang Patah terlebih dahulu berbincang di peringkat negeri kerana jalan lapan kilometer adalah jalan luar bandar, bukan jalan kampung. Jalan-jalan luar bandar, keutamaannya adalah ditentukan di peringkat negeri.

Jadi, sebelum kementerian mengambil tindakan, pihak negeri perlu memberi keutamaan. Begitu juga Yang Berhormat meminta kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dalam usaha-usaha membangunkan ekonomi desa, sememangnya Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar bekerjasama dengan Kementerian Pertanian, begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Usahawan daripada segi membangun ekonomi, khususnya membangun usahawan-usahawan luar bandar.

Menjawab ucapan Yang Berhormat bagi Serian, beliau pada mulanya berterima kasih tetapi banyak rungutan daripada beliau bahawa masih banyak kawasan dan jalan-jalan di kawasannya masih tidak dilaksanakan. Sebenarnya, banyak yang sudah dilaksanakan oleh kerana Serian sendiri bukan begitu jauh daripada bandar Kuching tetapi memang Sarawak adalah sebuah negeri yang besar untuk liputan 100% bagi sesuatu kawasan, ianya memakan masa.

Jadi, saya sendiri tahu di mana Serian dan saya pernah berada di kawasan Serian, maka apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, saya sendiri termaklum. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Serian oleh kerana sebuah sekolah dalam kawasannya merupakan sekolah yang terbersih, yang mendapat hadiah yang terbaik dalam seluruh Malaysia, sekolah menengahnya. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Serian, mengenai 33 kampung tidak ada bekalan letrik, 50 kampung yang tidak ada jalan sambungan, semuanya boleh dikemukakan kepada saya dan saya akan panjangkan kepada pihak negeri dahulu untuk menentukan apa yang dikatakan keutamaan.

Mengenai KEMAS, Yang Berhormat bagi Serian juga telah memberi pujian. Terima kasih banyak-banyak. Tetapi, beliau berkata 300 rumah panjang dan minta tambah pegawai-pegawai dan kelas-kelas. Insya-Allah, kita akan cuba, Yang Berhormat. Sila kemukakan, cuma ingin saya maklumkan bahawa mulai tahun depan, KEMAS telah diberi tambahan kakitangan. Jadi, dengan tambahan ini, kita boleh memberi liputan yang lebih luas. Dalam negara Malaysia, jumlah tadika KEMAS sudah meningkat lebih daripada 8,000

buah dan jumlah pelajar, murid-murid ataupun anak-anak dalam tadika KEMAS adalah antara yang terbesar sekali dalam negara. Maka, apa yang disebutkan oleh banyak Ahli Yang Berhormat bagi KEMAS, khasnya pendidikan KEMAS, sememangnya serius diperlihatkan di peringkat kementerian dan kerajaan dan kita akan sentiasa memberi perhatian bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan, kualiti guru dan sebagainya, begitu juga kualiti tadika-tadika.

Yang Berhormat bagi Jeli menyatakan bahawa KPLB adalah sebuah kementerian yang menyatukan masyarakat luar bandar. Saya ucapkan terima kasih kerana ini menunjukkan pengiktirafan beliau kepada kementerian ini, tetapi beliau sedih kononnya mengatakan pekebun-pekebun kecil getah yang kononnya dipilih mengikut apa yang dikatakan hanya telunjuk JKJK. Mana dia? Ini yang dikatakan Dato' Nazri ini, jadi 'ayam betina' ini. Apabila beliau mengatakan bermacam-macam kepada kerajaan, apabila kita hendak jawab, mereka tidak ada dalam. Ini 'ayam betina', tidak mahu dengar benda yang benar.

Kita tidak memberi kuasa kepada JKJK, bahkan RISDA adalah satu agensi yang dipertugaskan mengkaji dan menentukan sesiapa yang wajar menerima. Bukan semua yang ada di luar bandar itu, yang berada di dalam kebun-kebun getah sebagai pekebun kecil layak mendapat. Tetapi, kalau ada yang menerima, yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jeli tadi, yang mempunyai suami dalam askar dan kononnya tidak layak, Yang Berhormat bagi Jeli sepatutnya bertanggungjawab menulis kepada saya. Saya sendiri tidak bersetuju untuk membantu orang yang tidak layak, sama ada dia orang penyokong kerajaan ataupun pembangkang.

Begitu juga ingin dimaklumkan kepada Yang Berhormat semua khasnya Yang Berhormat dari Jeli bahawa bantuan sara hidup getah ini telah pun diberhentikan. Cuma yang kita sedang, yang akan dikeluarkan ialah kali yang akhir iaitu untuk sejumlah peserta ataupun pekebun-pekebun kecil yang tercicir dalam fasa pertama kita mengeluarkan bantuan ini dianggarkan jumlahnya lebih dari 19,000 orang, yang kita telah buat kaji semula dan telah ditentukan maka mereka akan mendapat bantuan ini sekali gus, tidak akan diulangi dan kerajaan tidak akan mengulangi pembayaran ini oleh kerana harga getah telah pun meningkat.

Kalau pada mula kita mengeluarkan bantuan ini harga getah ialah RM1.80 sekilogram di pasaran antarabangsa tetapi pada hari ini harga getah sudah melebihi RM3.30 sekilogram. Maka pendapatan pekebun-pekebun kecil getah sudah hampir dua kali ganda. Maka dengan itu kerajaan memberhentikan bantuan ini. Jadi yang akan menerima tidak lama lagi hanya mereka yang tercicir dalam fasa pertama yang telah kita mengeluarkan.

Yang Berhormat Jeli juga menyentuh mengenai Kemas, kononnya Kemas memilih hanya guru Kemas yang hanya memihak kepada kerajaan. Sebenarnya kita tidak ada satu garis panduan ataupun arahan supaya hanya orang ahli UMNO sahaja yang menjadi anggota Kemas, tidak ada arahan.

Cuma Yang Berhormat Jeli seolah-olah berucap, seolah-olah dia menyokong kuat Kemas tapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Jeli bagaimana dengan kedudukan negeri Terengganu. Oleh kerana di negeri Terengganu Kemas kebanyakannya telah menjadi sebagai warga buruan. Banyak di tempat-tempat tadika Kemas, anak-anak Kemas terpaksa mengangkut kerusi dan meja sendiri untuk keluar dan Kemas terpaksa mencari tempat-tempat sementara atau tempat-tempat ganti yang lain.

Jadi kalau di Kelantan Yang Berhormat Jeli seolah-olah menyokong Kemas tapi bagaimana pula dengan Terengganu, ini menunjukkan bahawa parti pembangkang tidak mempunyai satu dasar yang konsisten dan kerajaan tidak mengarahkan Kemas menaikkan bendera, bendera parti dan sebagainya kecuali bendera Malaysia tetapi kalau ada, itu adalah kemungkinan tindakan peribadi.

Kemas juga mulai tahun depan ada membuat sedikit peruntukan untuk belian tanah. Oleh kerana tanah merupakan satu perkara yang penting dalam pembinaan tadika-tadika Kemas, maka kerajaan telah membuat keputusan untuk mengagihkan sedikit peruntukan tetapi di mana boleh, kerajaan-kerajaan negerilah yang bertanggungjawab

mencari tanah dan mengagihkan tanah bagi keperluan Kemas. Begitu juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak memberi tanah untuk *substation* oleh kerana ini adalah ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: ...tanggungjawab Tenaga Nasional Berhad. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila bagi Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya hendak penjelasan Yang Berhormat. Ini wakil dari Jeli membuat tuduhan liar tetapi baru-baru ini berlaku di Gaya, pilihan raya kecil Gaya, KeADILan bertanding, ini Pasti PAS punya, tapi bukan lagi bendera bahkan sekolah tadika itu dijadikan markas untuk PAS berceramah. Tidakkah ini menampakkan bahawa wakil dari Jeli ini betul-betul sudah hilang pedoman sudah. Dia tidak lihat, dia nampak kuman yang jauh, gajah depan mata dia tidak nampak. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya itulah saya kata tadi pendirian tidak konsisten apabila secocok dengan mereka, mereka menyokong dan apabila tidak secocok dengan mereka maka mereka membuat apa saja, mengata, menuduh begitu, begini.

Begitu juga mengenai harimau, harimau yang berlegar di kawasan beliau. Sebenarnya harimau adalah warga hutan. Apabila hutan itu ditebang dan banyak balak ditebang maka harimau terpaksa mencari tempat-tempat lain. Oleh kerana itu di Kelantan banyak harimau berkeliaran kerana hutan-hutan ditebang dan oleh kerana atas sebab-sebab kerajaan negeri memberikan, meluluskan atau mengizinkan seluas kawasan yang agak besar, lebih besar dari kawasan yang diperlukan.

Yang Berhormat Sri Gading, terima kasih banyak-banyak atas pujian dan di samping memuji dia juga mengkritik tapi tidak kritik banyak sangat tapi menyarankan, satu mengenai jalan. Jalan-jalan kampung dia minta supaya dilebarkan 11 kaki. Sebenarnya Yang Berhormat Kementerian Pembangunan Luar Bandar boleh membina jalan luar bandar selebar 12 kaki, cuma masalahnya ialah untuk mendapatkan tanah. Di kampung-kampung untuk mendapatkan tanah bagi jalan amat sukar oleh kerana tuan-tuan tanah enggan mengizinkan tanah mereka diambil melainkan dibeli dan kementerian tidak ada peruntukan untuk membeli tanah bagi jalan-jalan kampung.

Beliau juga bertanya siapakah bertanggungjawab bagi menjayakan satu kampung satu industri atau satu kampung satu produk. Untuk makluman Yang Berhormat Kabinet telah mengarahkan supaya setiap kementerian yang terlibat dengan warga sama ada luar bandar atau dalam bandar, menjalankan program-program sendiri bagi menjayakan program satu kampung satu industri, ataupun satu kampung 100 industri, tidak mengapa. Cuma yang dikehendaki oleh kerajaan ialah supaya kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang mempunyai kumpulan sasaran ataupun rakyat warga di bawah kementerian mereka, agensi mereka yang mampu mendayakan sesuatu program maka ini perlu dibantu.

Di Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita telah membuat satu pendekatan. Memang dulu kita diarahkan menjayakan program ini tetapi program ini nampaknya tidak begitu berkesan. Jadi kali ini kerajaan memang serius menjayakan program ini dan di peringkat kementerian kita telah menentukan supaya satu agensi sahaja yang mengendalikan pemasaran. Ini dibuat keputusan oleh kerana kita dapati masalah terbesar ialah pemasaran.

Masalah masyarakat luar bandar ialah masalah pasaran dan pemasaran. Keduanya adalah satu rangkaian. Pemasaran ialah termasuk teknologi pemasaran itu sendiri yang memerlukan pendekatan komersial, pendekatan yang profesional maka FELCRA sebagai agensi yang diswastakan ataupun yang dikorporatkan yang mempunyai *turnover* setahun sebanyak lebih dari RM1 bilion dalam perniagaannya dia mampu menjadi syarikat yang menjanakan pemasaran.

Jadi semua agensi lain membantu dalam menghasilkan dan FELCRA telah diarahkan dan FELCRA telah pun memula langkah untuk mencari pasaran dalam dan luar

negara dan FELCRA dan semua agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar berusaha bersungguh-sungguh. Saya amat bangga dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh agensi-agensi khasnya RISDA, FELCRA, agensi-agensi seperti KETENGAH, KESEDAR masing-masing sedang melihat di dalam kampung masing-masing apakah kepakaran yang ada.

Sebagai contoh, kita ketahui bahawa ada masyarakat Murut di Sarawak mempunyai satu kepakaran yang cukup hebat dalam mewujudkan bahan-bahan anyaman yang menggunakan buluh, menggunakan rotan yang halus tetapi FELCRA perlu menggunakan kepakaran *designers* yang profesional untuk mendesignkan produk-produk dengan warna-warna yang menarik bagi pasaran antarabangsa dan pasaran dalam negara. Mewujudkan produk-produk yang boleh diterima dalam pasaran bukan hanya sekadar produk-produk tradisional kerana yang tradisional itu tidak boleh dijual dengan banyak tetapi yang boleh dijual yang banyak ialah produk-produk yang menarik dan di mana perlu penggunaan jentera, penggunaan mekanikal perlu digunakan untuk merautkan buluh-buluh, merautkan rotan-rotan dengan saiz-saiz yang konsisten supaya urusan-urusan ini dapat dipercepatkan dan diproduce dan dikeluarkan dengan *volume* yang banyak.

Jadi masyarakat yang mempunyai kepakaran hanya menggunakan kepakaran untuk khusus, bidang khusus sahaja tidak perlu membuat perkara-perkara yang memakan masa, yang mungkin memakan waktu yang panjang bagi mereka menghasilkan sesuatu. Inilah pendekatan kita, saya percaya Kementerian Pertanian juga dalam usaha yang sama, banyak kementerian bekerjasama antara satu dengan lain dalam bidang-bidang pertanian, bidang pemakanan yang menggunakan bahan-bahan pertanian untuk dihasilkan dan diproses juga memerlukan pendekatan dan kerjasama di antara kementerian-kementerian.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [Bangun]

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat, Tambun dan Tanah Merah. Sekejap

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Dan kementerian juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggu sekejap Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tiga kementerian ini, Kementerian Pertanian, Kementerian Luar Bandar dan Kementerian Pembangunan Usahawan kita juga mempunyai dana-dana untuk dipinjamkan kepada usahawan-usahawan luar bandar ini bagi membantu memodalkan mereka. Terima kasih. Tanah Merah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanah Merah, ya, sila.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Oh, sekejap, Tanah Merah.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan rancangan satu kampung satu industri tadi dan penyerahan kepada FELCRA, *lead agency* yang akan melibatkan program ini.

Saya ingin menarik perhatian umpamanya KEDA pada suatu ketika dahulu telah pun melaksanakan projek ini. Tetapi malangnya apabila kita lihat hasil-hasil yang telah dikeluarkan oleh KEDA sendiri mendapat sokongan daripada golongan profesional. Tetapi apabila pemasaran umpamanya, saya ambil contoh KEDA mengeluarkan buluh pemedang untuk menahan panas dan ditawarkan kepada jabatan-jabatan kerajaan dan juga hotel-hotel terkemuka. Tetapi mereka tidak mengambil ataupun tidak menerima sahutan itu.

Saya takut benda itu berulang lagi. Kerana pihak-pihak hotel, sepatutnya kita boleh membuat sesuatu penekanan mengutamakan barangan buatan Malaysia. Tetapi kita lihat, hotel mempunyai kebebasan dia sendiri dan agensi-agensi lain pun dia mempunyai kebebasan dia sendiri. Dia berhak memilih di mana pembuatan ataupun bahan-bahan yang boleh dibeli. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh dari segi kaedah-kaedah pemasaran tadi, bagaimana langkah yang perlu diambil untuk memastikan, tadi Yang

Berhormat Menteri ada sebut sampai ke peringkat luar negara. Tetapi saya hendak tahu dalam negara.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih. Sebenarnya pengalaman KEDA dalam tahun 80-an 20 tahun yang lalu, saya juga membeli bahan buluh berkenaan. Mengikut apa yang saya dimaklumkan, kegagalannya ialah *cost production* yang tinggi dan tidak boleh bersaing dengan apa yang dihasilkan oleh negara-negara lain seperti Taiwan, Jepun dan sebagainya.

Kemungkinan itu pengalaman masa itu. Hari ini pendekatan kementerian dan kerajaan ialah agensi yang memasarkan adalah satu agensi khusus. Agensi yang melaksanakan, menghasilkan sesuatu adalah agensi lain. Masalah kita ialah orang yang mengeluarkan itu juga yang hendak memasarkan. Ini adalah merupakan suatu tanggungjawab yang berlainan, berbeza dan tugas pemasaran adalah tugas yang besar.

Kalau satu agensi yang menghasilkan, agensi itu juga yang memasarkan, *overhead* pemasaran termasuk iklan dan sebagainya adalah tinggi. Tetapi kalau satu agensi sahaja yang memasarkan dan banyak agensi lain yang menghasilkan barangan dan dengan *volume* yang banyak *overhead cost*nya tinggi per produk, per unit, maka dikirakan ini akan lebih ekonomik. Kalaupun hendak diiklankan, kos iklan juga akan dapat *diseparatekan* kepada semua produk.

Jadi pendekatan baru ini diharapkan adalah lebih komersial dari segi orientasi, kalau dahulunya kita tidak pandai dalam pemasaran kali ini kita akan cuba. Kalau Yang Berhormat pergi ke pasar tani dekat Jalan Tun Razak, boleh dilihat apakah produk-produk luar bandar yang telah dibawa keluar dan dihantar ke sana. Begitu juga di pusat kraf tangan, banyak produk luar bandar.

Tetapi yang dihasilkan di pedalaman banyak berada di pasar tani. Yang Berhormat akan hairan melihat kualiti yang tinggi cuma siapakah yang hendak membelinya. Di mana kita hendak hantar. Berapakah kos untuk mengeluarkan satu kontena dan sebagainya perlu dikira dengan sepenuhnya, dengan logistik kos dan sebagainya. Ini perlu satu pendekatan yang profesional bukan sekadar hanya agak-agak bahawa ini ada pasaran. Tadi ada Yang Berhormat Tambun. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Tambun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan cita-cita besar kementerian. Di samping itu saya ingin mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa produk luar bandar mempunyai kualiti yang tinggi tetapi siapa yang hendak beli.

Saya nampak *approach* yang kita gunakan sekarang ada kemungkinan tidak betul daripada sudut kita mengutamakan *product creation* padahal orang-orang Jepun, orang Amerika, Taiwan dan sebagainya, dia buat *market study* dahulu. Bermakna daripada *market study*, *customers need* apa semua baru dia cari produk. Saya takut kita hasilkan produk terlampau hendak berapa kampung kita ada, beribu kampung, satu kampung satu industri.

Kita cari produk, kita bagi teknologi, kita modenkan, kita buat *packaging*, kita buat iklan, memang produk ada tetapi tidak ada pasaran. Kedua Yang Berhormat Menteri menyatakan FELCRA sebagai agensi berkenaan. Apakah penyesuaian yang telah dibuat oleh FELCRA untuk mengambil suatu tanggungjawab baru ini kerana FELCRA kita tahu *core business*nya adalah dalam bidang *agro based* dan sekarang ini pemasaran adalah dua bidang yang berbeza dan dari segi FELCRA sebelum ini tidak terkenal dari segi kebolehannya untuk berniaga.

Kelapa sawit dia macam itu sahaja tidak memeningkan. Jadi persiapan FELCRA dalam berhadapan dengan satu tanggungjawab besar ini saya mohon penjelasan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya ucapkan terima kasih oleh kerana Yang Berhormat bagi Tambun juga Ahli Lembaga Pengarah FELCRA. Memang kita iktiraf bahawa FELCRA pengalamannya kurang dalam bidang lain dari kelapa sawit dan getah. Oleh kerana itu, bukan sahaja FELCRA tetapi pihak kementerian. Saya sendiri amat *hands*

on dalam perkara ini dan kita membuat pendekatan-pendekatan yang lebih berorientasikan komersial dan saya tidak berani janji berapakah peratusan kemungkinan berjaya tetapi setakat yang saya lihat dalam dua bulan ini, kalau Yang Berhormat melihat produk yang dihasilkan oleh RISDA sendiri.

RISDA sendiri dalam dua bulan telah menghasilkan barangan yang mungkin banyak di sini mungkin berasa kagum dengan penggunaan-penggunaan, cara-cara *style* yang baru dan *design-design* yang baru menggunakan daun-daun getah, kalau dahulunya *design*nya tidak cantik, *coloumya* tidak cantik. Tetapi hari ini saya sendiri sentiasa berada di KLCC melihat apakah barang-barang yang dibeli, yang dijual di KLCC yang dibawa daripada negara luar dan saya lihat bunga daun getah yang dijual di KLCC sekuntum sahaja RM8 yang dibawa dari Thailand.

Kita sudah menghasilkan barangan yang sama yang lebih cantik dan saya percaya kalau barang Thailand boleh dimasukkan ke Kuala Lumpur, di KLCC, saya rasa barang ini juga boleh dimasukkan satu hari di tempat-tempat lain di luar negeri. Saya tidak berani menyebut di mana, tetapi objektif kita ialah supaya barangan kita dapat dikemukakan dan diketengahkan.

Begitu juga barang-barang lain yang dihasilkan oleh RISDA, sekarang kita sedang melihat apakah cara untuk menghasilkan dengan *volume* yang tinggi kerana dengan *volume* sahaja dapat kita jual dengan harga yang kompetitif.

Yang Berhormat, saya rasa kalau Yang Berhormat berminat dalam bidang ini, saya mengalu-alukan Yang Berhormat datanglah, kita akan tunjuk Yang Berhormat mengenai apa yang telah dibuat oleh agensi-agensi ini dalam dua bulan, tiga bulan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Tak ada.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey kalau tak ada, yang lainlah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey saya teruskan. Yang Berhormat bagi Sri Gading juga menyentuh mengenai harga tapak tanah yang perlu dikatakan wajar dibayar oleh kerajaan. Kerajaan tidak membayar harga tanah. Cuma kerajaan sekiranya untuk tapak tanah untuk rumah PPRT itu tidak baik dan memerlukan kerja-kerja tapak, maka ada peruntukan lebih kurang RM2,000 untuk ditambah daripada kos pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga kumpulan PPRT dalam negara sedang dikaji semula oleh kerana mereka yang berumur 60 tahun ke atas yang uzur, yang tidak lagi berkeupayaan, tiada tenaga untuk bekerja mendapat pendapatan, mereka ini akan diletakkan di bawah kebajikan masyarakat dan mereka tidak lagi akan dianggapkan sebagai warga PPRT. Warga PPRT selepas ini ialah hanya warga yang mampu dilatih yang masih bertenaga, yang dapat dilatih dan dimasukkan dalam bidang-bidang tertentu agar mereka dapat pendapatan yang lebih baik daripada yang sebelumnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Mambong membincangkan banyak mengenai bekalan air luar bandar yang masih tidak sampai ke kampung dan sebagainya, ini semua perkara biasa yang dirungutkan. Oleh kerana Yang Berhormat datang daripada Sarawak, bagi makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air sahaja pada tahun 2003, kerajaan telah memberi peruntukan yang lebih daripada tahun 2002, iaitu 45% lebih daripada tahun 2002, begitu juga bekalan elektrik diberi tambahan lebih 40% daripada peruntukan tahun lalu oleh kerana didapati masih banyak kawasan khususnya di Sabah, Sarawak yang memerlukan liputan bekalan air dan bekalan elektrik. Dan sebahagian besar daripada peruntukan-peruntukan bekalan air, elektrik dan jalan-jalan luar bandar adalah dikhaskan sebahagian besar diperuntukkan kepada Sarawak dan Sabah.

Mengenai sistem solar yang katanya dinaiki lumut dan sebagainya, saya baru mendengar cerita ini. Kalau ada Yang Berhormat, saya akan buat kajian, saya akan minta kementerian melihat perkara ini, oleh kerana kalau ini benar perlu dibuat pendekatan yang lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Tuaran.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, Tuaran. Saya hendak tanya Tuan Pengerusi, berapa lama saya ada ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya nampak sempat itu, silakan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau saya lihat masa tidak mengizinkan, saya tidak benarkan untuk membuat celahan. Sila.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tuan Pengerusi, terima kasih. Ini berhubung dengan bekalan elektrik dan jalan kampung di luar bandar. Apabila ada di kalangan wakil rakyat daripada Sabah dan Sarawak menyatakan keluhan, rintihan tentang masalah ini, pihak sana biasanya dia sinis, dia menyindir dan sebagainya, seolah-olah ini Kerajaan Barisan Nasional tidak berbuat sesuatu. Tetapi sebenarnya mereka tidak faham bahawa Sabah ini luas, Sarawak ini luas dan sebagainya. Sebenarnya kalau dilihat dalam bajet ini besar peruntukan untuk Sabah dan Sarawak - bekalan elektrik, air di luar bandar dan jalan kampung.

Tetapi yang saya hendak tahu di sini Dato' Menteri ialah adakah pihak kementerian mendapat senarai semua kampung, saya ingat di Sabah lebih kurang 3,000 kampung, mana lagi kampung yang belum lagi boleh dihubungi dengan jalan raya, belum lagi mendapat bekalan elektrik dan bekalan air, dan adakah pihak kementerian memberi keutamaan. Misalannya dalam projek jalan kampung ini, adakah pihak kementerian memberi keutamaan kepada kampung-kampung yang memang belum lagi ada jalan raya.

Di kawasan saya, Yang Berhormat, saya mempunyai sembilan buah kampung lagi yang langsung tidak boleh dihubungi dengan jalan raya, tetapi apabila kita mendapat peruntukan projek jalan-jalan kampung, ia sama rata dengan seluruh kawasan. Jadi, satu kampung memerlukan lebih kurang RM1 juta barangkali atau lebih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey, cukup. Saya tidak mahu beri Yang Berhormat berucap, oleh kerana masa tidak cukup, minta maaf Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di seluruh Sabah dan Sarawak, liputan air, jalan dan api keseluruhannya purata lebih kurang 20% kawasan yang belum lagi mendapat liputan berbanding dengan Semenanjung. Di Semenanjung lebih daripada 95% telah diliputi, jadi ini angka kasar. Jadi, detailnya memang ada di peringkat negeri, cuma peruntukannya setiap tahun terhad, walaupun banyak tetapi berbanding dengan jumlah liputan yang begitu luas, maka kerajaan negeri perlu memberi keutamaan, khasnya jalan-jalan luar bandar.

Jadi, kalau Yang Berhormat merasai tempat-tempat Yang Berhormat perlu mendapat bekalan atau jalan terlebih dahulu daripada yang lain, saya mintalah Yang Berhormat berhubung, berbincang, bekerja rapat dengan pihak kerajaan negeri, supaya apa yang diminta oleh Yang Berhormat itu dapat dimasukkan sebagai keutamaan. Terima kasih.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangkit mengenai PERDA, katanya menswastakan kilang jus, sebenarnya belum, tidak diswastakan tetapi perjalanannya memang berjalan terus, cuma kita sedang memantau apakah cara lama itu perlu dikekalkan ataupun ada cara baru. Pada saya, memang wajar kalau diswastakan dengan pendekatan yang komersial, dengan pendekatan yang lebih dinamik boleh kita pertingkatkan dari segi prestasi, tetapi setakat ini belum lagi diswastakan. Memang pegawai-pegawai kita berkunjung ke Korea, ke Japan dan bermacam konsep hendak diperkenalkan pada awal 1980an, tetapi apabila kita cuba menterjemahkan, cuba melaksanakan dalam negara, ada perkara-perkara yang tidak berjaya, seperti *Samuel Undong* dan sebagainya, jadi kita cuba mencari kaedah-kaedah yang bersesuaian dengan negara kita.

Saya menyentuh juga tentang apa Yang Berhormat bertanya mengenai kerugian KESEDAR. Ada dua syarikat yang mengalami kerugian seperti KESEDAR INN dan juga pengangkutan yang ada berkaitan dengan pelancongan, tetapi sebuah syarikat lagi iaitu KESEDAR perkilangan, walaupun ada kerugian dalam tahun 2000, tetapi mulai tahun 2001 telah mula menunjukkan keuntungan yang besar dan tahun ini juga keuntungan yang lebih besar setelah diubah suai dari segi pengurusan dan sebagainya. Memang KESEDAR berada di kawasan liputan yang sukar dari segi *economic valuenya*, jadi ada jenis-jenis perniagaan yang masih tidak boleh berjalan dengan berjaya, tetapi kita sedang berusaha bagaimana untuk kawasan berkenaan menjadi daya penarik dalam bidang pembangunan ekonomi.

Tuan Saupi bin Daud: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Hendak bertanya lagikah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, hendak beri jalan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Sedikit sahaja, jangan panjang sangat ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, pendek, terus ya.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan perbincangan saya, saya tidak nafikan kalaulah - sebab saya sebut tadi pun, mungkin sekarang ini sudah baik, tetapi saya sebut yang sebelum ini. Cuma saya hendak tahu sedikit mengenai KESEDAR perkilangan itu, ini untuk dalam pengetahuan umum ada mengatakan bahawa berlakunya penyelwengan sedikit, sebab kerugian itu bukan faktor daripada kejatuhan harga, tetapi berlaku penyelewengan di dalam pengurusan kilang itu. Saya ambil contoh, katanya kalau di dalam untuk menaikkan operasi kilang, untuk meningkatkan produk minyak, kononnya diimport suatu jentera kilang dengan harga RM3 juta, tetapi hakikatnya keadaan tidak berubah, hasilnya tidak berubah. Jadi, apa yang saya hendak tahu ialah apa Yang Berhormat yang telah ambil tindakan kepada pengurusan lama, kalau boleh.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya, minta maaf Yang Berhormat, saya tidak boleh mencerita benda dalaman, ada perkara-perkara yang telah dilapor kepada polis, memang kita dapati ada perkara-perkara yang tidak betul yang telah dijalankan. Oleh kerana itu, mulai akhir tahun 2000, kita telah membuat perubahan. Jadi, akaun tahun 2001 memang menunjukkan keuntungan, dan 2002 lebih keuntungan. Jadi, apa yang kita buat ialah membuat suatu pendekatan yang drastik, yang berjaya kita kembalikan syarikat berkenaan kepada tahap yang memuaskan. Saya tidak boleh cerita dengan panjang lebar oleh kerana apabila masuk dalam bidang laporan polis, kita serah kepada polis untuk menyiasat. Begitu juga telah kita laporkan kepada BPR.

Tentang pertandingan kampung, ya, sememangnya ada kampung-kampung yang setelah berjaya dalam pertandingan, kemudian balik kepada semula. Tetapi bukan semua kampung begitu Yang Berhormat. Sebenarnya pertandingan kampung bukan sekadar untuk melihat kampung itu indah, sebenarnya ini untuk merombak sikap pemikiran dan mewujudkan kepimpinan dan didapati kampung-kampung yang mempunyai kepimpinan yang baik, yang jitu, kepimpinan yang berwibawa, bersama-sama dengan jawatankuasa yang memberi kerjasama yang baik. Begitu juga masyarakat kampung yang amat sepakat dalam apa sahaja yang mereka lakukan, dan kriteria bukan sahaja kriteria berlandaskan kepada kecantikan, tetapi kriteria keselamatan, kriteria ekonomi, dan banyak lagi kriteria lain yang diperkenalkan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, dengan wujudnya pertandingan ini, maka kementerian telah buat keputusan bahawa untuk apa-apa sahaja bantuan membangunkan ekonomi kampung itu sendiri, projek ekonomi, kita dapati lebih wajar diperkenalkan, diberi keutamaan kepada kampung-kampung yang berjaya dalam pertandingan ini. Oleh kerana sudah wujud kepimpinan, oleh kerana sudah wujud kesepakatan di kalangan jawatankuasa dan kesepakatan di kalangan anggota masyarakat, maka apa sahaja program ekonomi yang hendak dilaksanakan, kita dapati akan lebih maju. Dan inilah yang sebenarnya hendak menjadi hasrat ataupun

matlamat yang tersirat di dalam pertandingan, bukan pertandingan hanya untuk kecantikan, bahkan banyak lagi.

Yang lain Yang Berhormat bertanya mengenai dengan *voucher-voucher* tuisyen dan sebagainya agar tidak diselewengkan saya rasa Yang Berhormat boleh membawa perkara ini kepada Kementerian Pendidikan untuk uniform dan sebagainya dan juga kepada Kementerian Pertanian mengenai bantuan baja, saya tidak perlu jawab. Begitu juga mengenai dengan FELDA saya minta Yang Berhormat ajukan apakah soalan-soalan yang ada kepada kementerian tanah kerana FELDA di bawah kementerian tanah.

Mengenai keputusan wang PPRT yang dikatakan wujud, dan dikatakan penyelewengan dan sebagainya oleh kerana perkara ini sudah dikemukakan kepada polis dan sekali lagi saya tidak boleh mengganggu dan tidak boleh menegur oleh kerana ini adalah peraturan-peraturan yang telah ditetapkan tidak boleh saya sebut perkara-perkara yang masih di dalam tindakan polis.

Yang Berhormat Gaya - memang sebahagian daripada Gaya adalah dalam bandar sebahagian di luar bandar, jadi bagi kawasan-kawasan yang di luar bandar Yang Berhormat Gaya yang baru saya ucapkan tahniah, tahniah kerana menang dalam pilihan raya baru, tahniah. Saya pun menjelajah juga bukan sahaja baru ini tetapi sebelum ini juga saya kenal baik dengan Gaya termasuk dengan Pulau Gaya. Ada sebahagian yang di luar bandar Yang Berhormat boleh kemukakan apakah program-program yang bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang boleh dilaksanakan tapi yang di dalam bandar kementerian ini sememangnya pada dasarnya tidak diizinkan untuk membantu melainkan ada program-program khusus.

Yang Berhormat dari Tambun bertanya mengenai dana ekonomi desa yang kononnya dipindahkan kepada Bank Rakyat. Sebenarnya Yang Berhormat dana ini tidak dipindahkan kepada Bank Rakyat, sebenarnya kementerian ini mengendalikan program ini melalui beberapa bank, Bank Islam, Bank Industri dan bank yang baru diperkenalkan ialah Bank Rakyat dan bukan dipindahkan kepada Bank Rakyat. Kejayaannya pada ketika ini kita dapati oleh kerana pendekatan kementerian adalah pendekatan yang berorientasikan pasaran. Kita dapati peratusan yang berjaya adalah tinggi, saya tidak dapat memberi angka yang tepat oleh kerana soalan ini saya akan beri kepada Yang Berhormat angka-angka terperinci. Ini berdasarkan kepada bayaran balik, kementerian ini diizinkan memberi pinjaman *up to maxima* sebanyak RM500,000 tetapi puratanya pinjaman yang dikeluarkan sekadar RM250,000 dan peratusan yang membayar balik mengikut jadual adalah amat tinggi. Jadi pendekatan yang dikenalkan bukan sahaja kita memberi pinjaman tetapi kementerian telah memperkenalkan satu program baru iaitu bagi membantu masyarakat luar bandar, menyediakan penyata kewangan.

Kita telah mendapat izin daripada Kementerian Kewangan supaya menggunakan tenaga-tenaga guru-guru yang mengajar akaun di sekolah-sekolah menengah dalam negara khasnya di luar bandar bagi membantu warga-warga yang telah mendapat pinjaman ini menyediakan akaun bulanan. Dan setelah mereka itu mahir maka mereka itu ditinggalkan. Jadi untuk membantu ini saya rasa penglibatan guru-guru amat menggalakkan dan inilah satu tenaga yang kita cuba mencungkil yang selama ini tidak digunakan. Guru-guru ini amat berminat memandangkan paling kurang mereka dapat menyesuaikan kelulusan mereka secara praktikal tidak lagi secara akademik hanya mengajar anak-anak. Mengenai status penyelia KEMAS memang penyelia-penyelia KEMAS dalam negara diberi kontrak selama dua tahun..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Hulu Terengganu bangun.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Minta penjelasan, penjelasan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey, sila.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri menyebut tentang Skim Pembangunan Ekonomi Desa yang hari yang sama Yang Berhormat membuat kenyataan akhbar golongan miskin ditawarkan perniagaan kecil percuma selain daripada Skim Pembangunan Ekonomi

Desa ada satu skim lagi yang dipanggil Skim Bantuan Ekonomi untuk pekebun-pekebun kecil. Ini satu kenyataan dibuat pada Ogos baru-baru ini, saya suka hendak menarik perhatian sebelum pada ini, pada bulan April satu kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri juga iaitu dipanggil skim pelbagai iaitu satu skim yang diberi kepada pekebun kecil getah yang mana ada tanah getah diberi peluang untuk menternak kambing biri-biri, menternak lembu, ikan dalam kolam dan sebagainya untuk membina ekonomi semasa kejatuhan harga getah. Tapi saya difahamkan sehingga hari ini skim yang dimaksudkan itu tidak pernah berjalan yang mana pemohonnya semua sudah hantar borang permohonan, setengahnya sudah isi borang UMNO kerana begitulah syarat di antaranya tetapi sehingga hari ini, skim ini tidak berjalan. Tiba-tiba Yang Berhormat Menteri isytihar lagi satu skim pula untuk Peniaga Kecil Percuma. Skim bantuan ekonomi pula, jadi saya minta satu jawapanlah, adakah skim ini sudah mati begitu tanpa kuburnya ataupun memang ada lagi hasrat untuk menjalankan skim yang saya maksudkan tadi iaitu skim pelbagai, di mana pekebun-pekebun kecil mempelbagaikan kegiatan selain menoreh getah, dia bela ikan dalam kolam, tanam dan macam-macam yang berkaitan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey, Terima kasih Yang Berhormat tapi saya hendak menegur cara Yang Berhormat tanya itu seolah-olah ini semua salah, ini semua tidak kena ini. Cara pembangkang bertanya ini pun sudah negatif, mintalah supaya orang muda tanya dengan betul sedikit. Memang ada skim mempelbagaikan ialah skim lain tidak terlibat dengan Skim Bantuan Khas selain daripada Skim Pinjaman Ekonomi Desa yang diberi pinjam dibayar balik. Tetapi kepada golongan PPRT, PPRT ini orang miskin mutlak jadi mereka juga digalakkan berniaga dan berniaga ini kalau hanya kita agak-agak dia boleh berniaga kah, tidak boleh, maka kita bimbing dia dan disatukan dengan program-program tertentu. Dan diagihkan satu kepala lingkungannya RM10,000. Dicantumkan kalau 10 orang RM100 000, dimodalkan dan kalau ada projek ternakan ikan, kita usahakan dia dalam ternakan ikan. Kalau projek ternakan ayam, kita berikan projek ternakan ayam, tetapi kita syaratkan juga bahawa agensi yang terlibat mestilah bertanggungjawab mengenai pemasaran, kebanyakan orang miskin tidak langsung tahu mengenai pemasaran, ini adalah Program Membasmi Kemiskinan. Program yang dimaksudkan yang Skim Pinjaman Ekonomi Desa tadi pinjaman kepada mereka yang tidak semestinya miskin, tidak semestinya kaya.

Yang satu lagi ialah program mempelbagaikan, iaitu daripada getah, dia hendak buat getah, dia hendak pelbagaikan kepada bela kambing, bela ayam dan sebagainya digalakkan. Mereka yang mempunyai tanah yang lebih daripada 4 hektar dibahagi secara sebahagiannya pinjaman yang di bawahnya, yang 2.5 hektar ataupun pekebun kecil diberikan secara percuma. Ada bidang-bidang bantuan yang diberi untuk mempelbagaikan supaya dia tidak terlalu bergantung kepada getah. Ini lain, jadi program-program ini adalah program yang diwujudkan bermaknanya rakyat di seluruh negara kita dijaga, kalau Yang Berhormat lihat semua dia ada *safety net*, dikatakan. Memang begitupun *safety net* ada juga warga yang masih dikatakan tembus kepada *safety net* oleh kerana itu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diwujudkan untuk menjaga wanita. Kementerian saya juga memberikan keutamaan kepada ibu tunggal, begitu juga Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dia juga menjaga orang-orang miskin.

Jadi semua orang-orang miskin dan hampir miskin dijadikan sasaran, maka banyak program yang diwujudkan. Kalau Yang Berhormat ingin mengetahui dengan lebih mendalam bolehlah saya ceritakan, tapi tanyalah dengan baik sedikit jangan negatif sangat, minta maaf Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Okey, saya minta maaf Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rendahkan lagi. Kalau tadi....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak payah jelaslah, itu cukuplah saya....

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Sebab begini Yang Berhormat Menteri, untuk makluman Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat Menteri tidak tahu dan tidak....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tidak, Yang Berhormat...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tapi skim ini tidak pernah berjalan, saya baru sekejap tadi check di Hulu Terengganu, skim Yang Berhormat katakan pelbagai betul, itu RM10,000 bagi satu pekebum kecil dan digabungkan dan kita sudah semua sudah lengkap, semua nama sudah dihantar dan semua syarat telah dipenuhi. Sehingga hari ini skim ini tidak berjalan, jadi soalan yang saya hendak tahu tadi, adakah skim ini sudah mati ataupun memang dalam perancangan lagi? Walaupun sudah hendak habis tahun ini, masih dalam perancangan lagi atau macam mana maksud saya?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okay, terima kasih. Sebenarnya skim mempelbagaikan itu adalah di bawah Kementerian Pertanian bukan di bawah kementerian saya dan dikendalikan oleh Bank Pertanian. Jadi, apabila datang Menteri Pertanian esok ataupun Yang Berhormat tulis kepada beliau. Kalau boleh beri angka-angka orang yang minta dan sebagainya. Saya tidak boleh jawab bagi pihak beliau. Tidak adil bagi saya dan tidak adil bagi beliau.

Penyelia KEMAS kontraknya dua tahun sekali dan memang saya mengakui ada kelemahan-kelemahan dalam cara kita memantau program-program dan sebagainya tetapi bukan semua tempat, semua KEMAS ini negatif belaka. Banyak tempat yang saya pergi memang semangat mereka tinggi, kerjasama di kalangan masyarakat adalah tinggi dan ada juga tempat-tempat yang menunjukkan kelemahan. Jadi, oleh kerana itu Kerajaan Pusat telah pun memutuskan untuk memantapkan lagi KEMAS dengan mengizinkan struktur organisasi KEMAS itu diubahsuaikan dan sememangnya akan wujud satu organisasi yang lebih mantap. Jadi, kalau Yang Berhormat ini ingin mengetahui lebih mendalam, saya juga boleh memberi secara lebih terperinci tetapi pada hari ini kalau saya hendak cerita mungkin terlalu panjang.

Prestasi Tadika KEMAS juga kita sedang melihat cara mana untuk mempertingkatkan

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, Kuala Selangor bangun.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih bagi warga Kuala Selangor kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai dengan masalah pembangunan KEMAS dan juga terdapat di Kuala Selangor seperti di Parlimen-Parlimen lain mendapat Kompleks KEMAS daerah yang mana Kuala Selangor mendapat kompleks yang terbaru. Cuma kakitangannya tidak ada, cuma jaga seorang sahaja. Itulah yang menjadi masalahnya, satu.

Yang keduanya mengenai dengan masalah penyelia KEMAS ataupun penyelia kanan KEMAS yang mana mengikut apa yang dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi kontrak dua tahun. Boleh atau tidak kerajaan ataupun Kementerian kepada penyelia KEMAS ini diupgradakan dengan tidak kontrak yakni tetap. Begitu juga dengan elaun-elaun yang tertentu, kasihan - yang mana di Kuala Selangor alhamdulillah berjalan baik perjalanan dan juga mengenai dengan guru-gurunya. Cuma ada sedikit-sedikitlah guru-guru ini yang haluan tidak sama. Itu sahaja dan apa tindakan yang perlu dibuat. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, mengenai permohonan untuk KEMAS ditukar *scheme of service* daripada kontrak kepada tetap ini telah pun banyak kali dibangkitkan. Tetapi setelah dinilai dari bermacam segi dari aspek-aspek tertentu maka kerajaan telah memutuskan supaya mereka kekal. Cuma ada permohonan untuk KEMAS diberi kemudahan-kemudahan dan elaun-elaun yang lebih. Itu pun sedang dilihat dan dikaji oleh kementerian.

Mengenai GDW oleh Yang Berhormat bagi Tambun ini ingin saya maklumkan GDW sebenarnya ia bukan konsep fizikal tetapi banyak orang menganggapkan ia lebih konsep fizikal ada bangunannya, ada komputernya tetapi sebenarnya ia berkonsep lebih abstrak. Dia lebih mementingkan kepada aspek *leadership* yang perlu wujud dan keupayaan masyarakat itu sendiri. Kementerian telah mengesahkan untuk membolehkan

GDW berdaya maju hendaklah wujud satu aktiviti ekonomi yang mapan. Bermakna selagi tidak ada aktiviti ekonomi yang berdaya maju, yang berterusan maka GDW tidak akan menjadi satu konsep yang bermakna. Kemungkinan ini juga menjurus kepada Konsep *Samuel Undong*. Oleh kerana itu satu kampung satu produk adalah satu konsep yang kalau berjalan baik akan juga membantu memperkuat GDW.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okay.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tahniah kepada Menteri yang telah membuat beberapa pembaharuan. Saya cukup menyokong penuh Program Gerakan Desa Wawasan ini. Memang program ini baik kalau kita buat secara betul. Masalahnya cuma minta Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji apakah cadangan untuk mengkaji keseluruhan ini, apakah masalah kegagalan ataupun tidak begitu berjayanya Program Gerakan Desa Wawasan ini. Yang saya lihat di daerah ialah ia diserahkan kepada pejabat daerah – pegawai daerah. DO ini cukup sibuk berbagai-bagai program dia ada daripada A sampai Z. Dan ada juga penolong pegawai daerah luar bandar pun juga sibuk. Jadi, Program GDW ini seolah-olah tertinggal bukan satu *priority*. Kalau kita ingin melihat ia berjaya saya merasakan satu jawatankuasa ataupun pegawai khas mungkin kita panggil pegawai desa wawasan ataupun pegawai pembangunan desa di setiap daerah yang ada program desa wawasan yang bermesyuarat secara *regular*. Sebab itu Yang Berhormat bagi Tambun dan saya sendiri pun merasakan tidak ada mesyuarat untuk melihat masalah Gerakan Desa Wawasan ini. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih. Ini saranan daripada Yang Berhormat bagi Sipitang. Mengenai tidak ada mesyuarat dan sebagainya kita akan ambil maklum sememangnya kelemahan ini kita ketahui dan pendekatan GDW juga perlu dilihat dengan cara yang lebih dinamik memandangkan komen-komen yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar menyebut perkataan...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tambun bangun.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ada lagikah?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sekejap sahaja. Saya pendekkan. Tentang GDW tadi, Yang Berhormat menyatakan beberapa pendekatan akan diperkenalkan terutama untuk mewujudkan industri ekonomi. Ini sebagai kunci kepada fikiran Yang Berhormat yang akan menggerakkan Program GDW ini berteraskan kepada pembangunan sumber manusia dan sebagainya.

Saya cuba lihat dalam konteks apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi, GDW yang telah ada perpustakaan, yang telah ada komputer yang diberikan kepada mereka yang di luar bandar. Jadi, yang ini pada fahaman saya adalah projek yang sepatutnya boleh dijalankan oleh pemimpin di kampung tersebut untuk menggerakkan aktiviti ke arah untuk bawa pelajar ke perpustakaan dan penggunaan komputer. Di sini saya lihat masalah yang wujud ialah masalah kelemahan kepimpinan di kampung itu sendiri dan pihak KEMAS tidak memberi perhatian kepada perkara ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, kelemahan kepimpinan kampung ini yang susah hendak digerakkan oleh KEMAS atau hendak digerakkan oleh orang kampung. Jadi, kadang-kadang ini menjadi satu yang mana dulu. Ini adalah satu persoalan yang besar Yang Berhormat, yang tidak dapat saya bincang di sini. Memang ini adalah satu ruang yang kementerian juga sedang meneliti dan melihat apakah cara kita hendak dapat menggerakkan. Tetapi, yang telah dikesan ialah aktiviti ekonomi mesti wujud. Dari segi perpustakaan dan sebagainya ia juga ada di Terengganu bukan sahaja perpustakaan tetapi IT diperkenalkan dengan cara yang lebih meluas di bawah KETENGAH melibatkan 30

website. Ini menunjukkan jika kepimpinan itu berada di tahap yang tinggi maka yang lain akan bergerak. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat cuma izinkan kita memikirkan lebih mendalam untuk dapat kita menjayakan usaha ini.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar tidak ada di sini. Dia bawa cerita panjang. Dia menyatakan kerajaan ingin mengeluarkan masyarakat daripada kedesaan. Saya tidak bersetuju bahawa kerajaan ingin mengeluarkan mereka daripada kedesaan. Sebenarnya kerajaan ingin menjadikan desa ataupun kampung itu sebagai tempat yang menarik, tempat yang menguntungkan, tempat yang cantik supaya warga luar bandar tidak lagi berhijrah ke luar bandar dengan syarat kalau hendak kekalkan anak-anak muda di dalam kawasan luar bandar mestilah kawasan itu mempunyai potensi aktiviti ekonomi yang baik, dengan itu tenaga muda tidak akan berhijrah. Jadi, sememangnya desa itu hendak diperbaiki wajah desa. Kerajaan mempunyai konsep-konsep kampung yang moden mencari jalan yang lebih baik memperkenalkan sistem-sistem kebersihan, sistem-sistem penyusunan kampung dan sebagainya. Jadi tidak ada konsep untuk kita mengeluarkan mereka daripada semangat dan budaya kedesaan. Tetapi pemikiran mereka, pemikiran orang kampung tidak boleh lagi diandaikan sebagai kolot walaupun di sempadan Siam tetapi mereka berfikir yang luas.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga mengatakan UMNO tidak mahu masyarakat berkumpul di masjid, ini saya tidak bersetuju, ini tidak benar sama sekali. Kalau tidak mengapakah kerajaan memberikan perbelanjaan yang banyak untuk membina surau, masjid membina segala dewan-dewan dan sebagainya. Yang kita tidak bersetuju ialah penggunaan masjid untuk menceritakan, untuk menegatitkan segala apa yang dibuat oleh kerajaan dan untuk menyelewengkan agama Islam, memberi fahaman yang serong dan memberi fahaman yang kita kata keluar daripada landasan Islam bermakna PAS tidak ada hendak cerita. Cuba bangun tanya saya, menyelewengkan akidah, jadi inilah yang kerajaan tidak mahu. Jadi ini dipergunakan, memang itu yang tidak dicenderung oleh kerajaan, kerajaan ini akan berbuat apa sahaja supaya agama Islam itu diajar dalam konsep yang sebenarnya, bukan diselewengkan. Kerajaan ini bertanggungjawab, kerajaan ini berazam begitu, tidak ada sekular dalam kerajaan ini. Kalau mereka yang tidak faham apa maksud sekular, orang yang menyebut sekular itu sendiri tidak faham.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, sila tanya.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak membangkitkan tentang masalah hal Orang Asli. Kalau Yang Berhormat sebut tadi tentang UMNO membela orang Melayu, membela agama dan sebagainya. Di tempat saya di satu kawasan pedalaman di mana ada sekelompok Orang Asli, mereka ini telah diIslamkan lama, lebih daripada sepuluh tahun tetapi sehingga hari ini cara hidup mereka, cara berpakaian dan sebagainya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kita sedang bincangkan masalah surau dan masjid.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, dalam Kepala Pembangunan Luar Bandar juga ada Orang Asli. Ada kaitan sedikit dengan apa yang Yang Berhormat sebut tetapi sudah lebih sepuluh tahun mereka ini sama macam itu juga. Cuma barangkali dari segi mengucap sahaja, mengucap, sembahyang tidak, puasa tidak, semua tidak hatta mati pun pakai tanam senyap-senyap sehingga pejabat agama terpaksa pergi, gali balik, kadang-kadang sudah berulat kerana kalau mati dia tanam senyap-senyap dalam hutan begitu sahaja.

Jadi ini kalau hendak dikira dari segi tadi ialah tidak ada satu usaha dari pihak kementerian sendiri, saya tidak hendak sebut UMNO kalau Yang Berhormat sensitif dengan UMNO tetapi kementerian sendiri tidak ada usaha bagaimana kita hendak ubah dia. Bila saya bercakap dengan pegawai hal ehwal Orang Asli dia sebut kita lupakan orang tua ini, sudah susah hendak ubah tetapi anak-anak dia yang kita hendak jaga supaya jadi Muslim yang baik. Tetapi anak dia sampai sekarang pun serupa macam itu juga. Apa usaha kita hendak tarik anak dia supaya menjadi Muslim yang sejati. Kalau betul UMNO kata dia pejuang Islam yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Kita bercakap cara umum, cara yang luas. Masyarakat Orang Asli ialah masalah khusus. Di negeri mana Orang Asli itu? Jabatan agama mana yang bertanggungjawab bagi negeri Kelantan?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta maaf, saya tidak mahu lagi. Ini adalah satu...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Di negeri Terengganu, di negeri Terengganu yang diperintah 40 tahun lebih oleh UMNO.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, tolong duduk sekejap, minta maaf. Masalah Orang Asli itu satu bidang. Kita tahu Orang Asli ada kelemahan-kelemahannya, kita tahu juga cara berdakwah juga bukan sahaja oleh Kerajaan Terengganu, oleh seluruh masyarakat Islam hari ini cara berdakwah itu sendiri tidak betul. Lebih-lebih lagi apabila cara berdakwah pula diselewengkan dengan hasutan-hasutan, jadi kita patut membetulkan cara kita berdakwah. Kalau hendak bercakap, boleh sampai pagi esok saya boleh bercakap. Tetapi pada umumnya jangan mengatakan bahawa kerajaan tidak mengizinkan, tidak mahu masyarakat desa ini berkumpul di masjid, di surau dan sebagainya, ini tidak benar kerana ini bukan matlamat kita.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga mengatakan program pembangunan luar bandar ini...

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta maaf, program pembangunan luar bandar ini katanya kos per kapita yang paling tinggi seolah-olah ianya tidak *cost effective*. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Parit Buntar ini datang daripada mana? Ramai Yang Berhormat ini yang belajar merata-rata, masuk universiti dan sebagainya datang daripada mana, termasuk ada yang doktor dan sebagainya? Adakah mereka datang daripada bandar atau dari desa? Kita tidak boleh mengira kos efektifnya oleh kerana ini adalah program sosial yang terbesar. Kita menangani masalah terbesar dalam negara ialah *polarization* perkauman dan pengagihan kek ekonomi yang berbeza, yang begitu ketara akan menjadi *time bomb* kepada negara kita. Jadi program pembangunan luar bandar tidak boleh dikira dengan *dollars and cents*. Kalau kita gagal, kita akan cuba, rebah kita akan bangun tetapi dengan nama untuk membangunkan masyarakat luar bandar kita akan teruskan. Tidak boleh dikatakan program ini adalah satu program yang membazir seolah-olah segala yang dibuat itu semuanya tidak *cost effective* dan tidak membawa keberkesanan yang lebih baik.

Baik, saya pergi kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya minta Yang Berhormat tulis kepada saya apa-apa yang belum dibuat, bekalan air mana yang belum dapat, FELCRA belum lagi mula. Ini projek-projek khusus, mungkin ada sebab FELCRA tidak memulakan oleh sebab-sebab khusus, mungkin atas sebab-sebab tanah, soal tanah tidak selesai, soal setinggan tidak selesai, soal pencerobohan tanah tidak selesai. Di negeri-negeri lain saya dapati begitu tetapi kalau Yang Berhormat lebih prihatin tolong tulis kepada saya supaya dapat kita tangani apa masalah ini.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *[Bangun]*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi? *Last*, okeylah bagi *chance* juga, kalau tidak saya hendak duduk.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih, saya hendak cadangkan kepada kementerian untuk kebaikan negara. Berhubung dengan Orang Asli tadi saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat menteri supaya kita memperkenalkan satu kaedah anak angkat dan pihak kementerian memperuntukkan sekian banyak peruntukan kepada bapa-bapa angkat yang saya rasa ini satu peningkatan yang

mungkin munasabah dan berkesan dan beberapa kes yang telah berlaku di mana ada yang lahir, dapat anak, diberikan kepada orang Melayu, orang Islam yang berhampiran dengan kampung Orang Asli tadi sebagai bapa angkat kemudian diperuntukkan misalnya RM500 sebulan dan sebagainya untuk membela, mendidik anak ini supaya menjadi anak yang baik, yang berguna

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, ini bukan peluang untuk berucap, minta penjelasan bolehlah.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, saya berterima kasih kepada menteri yang banyak memberi peluang kepada saya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okeylah, saya hendak jawab ringkas sahaja. Kita akan ambil maklum bagi menimbangkan perkara ini, terima kasih. Terima kasih kepada semua yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Kalau ada perkara yang tidak dibangkitkan, saya akan membuatnya secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM540,408,970 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM540,408,970 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,340,740,100 untuk Maksud P.40 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,340,740,100 untuk Maksud P.40 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2003.

Maksud B.41 [Jadual] -

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2003] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga terbuka untuk dibahas. Permatang Pauh.

5.49 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang membahaskan Maksud B.41 dan P.41 Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Kita amat bersetuju bahawa kerajaan menambah peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Saya ingin mengambil peluang di sini untuk kita bahaskan adalah wang yang diperuntukkan ini mestilah memastikan bahawa peruntukan ini disalurkan kepada wanita keseluruhannya serta memastikan bahawa wang itu dibelanjakan dengan efektif.

Kita dapati bahawa peratusan untuk perbelanjaan pengurusan adalah sebanyak RM90.8 juta iaitu sebanyak 91.5% daripada bekalan manakala peratusan untuk perbelanjaan pembangunan RM8.2 juta hanya 8.5% daripada peruntukan. Peratusan yang sangat besar diperuntukkan untuk pengurusan berbanding dengan perbelanjaan pembangunan.

Belanja pengurusan yang amat besar ini berbanding dengan usaha-usaha untuk menegenahkan dasar baru. Contohnya, Butiran 040200, Latihan Gender, hanya diperuntukkan RM157 ribu sahaja untuk tahun ini sedangkan sambutan Hari Wanita menelan belanja sebanyak hampir RM1.5 juta dalam Butiran 040300.

Tidak hairanlah kalau kita dapati kaum lelaki masih ada yang tidak *gender* sensitif. Seperti mana saya mengambil contoh di dalam Dewan ini sendiri apabila dibahas atau

ditanya tentang soalan sumbang mahram. Di dapati bahawa Timbalan Menteri telah menjawab dan mengatakan dalam soalan susulan yang mungkin dia tidak memahami dengan sepenuhnya tetapi mengungkap perkataan kalau suka sama suka atau syok dalam pertalian sumbang mahram ataupun masalah sumbang mahram, ini saya dapati sungguh membimbangkan.

Dan juga dalam contoh-contoh di mana seorang gadis kecil, gadis ini adalah anak ya, wanita juga isteri, wanita juga ibu, wanita juga adik dan kakak, jadi ini adalah anak, so budak 13 tahun ini. Satunya adalah kesalahan memperkosanya, itu kesalahan besar; dua, kesalahan menghantar dia keluar, walaupun dia seorang warganegara Malaysia; tiga, bila didapati bahawa dia warganegara kita, apakah kurang kesalahan terhadapnya? Itu yang kita persoalkan, gender sensitiviti ini – Terima kasihlah saya nampak Menteri berada pada petang ini. Kalau sedikit peruntukan, belum RM157 ribu, RM700 diperuntukkan sahaja untuk Latihan Gender. Dan, saya ingin tahulah apa bentuk latihan.

Puan Chong Eng: Adakah Yang Berhormat bagi Permatang Pauh setuju bahawa yang peka gender, yang tidak sensitif ini bukan terhad kepada kaum lelaki sahaja di dalam Dewan ini tetapi ada Ahli Parlimen wanita pun kurang faham. Umpamanya, semasa membahaskan pembinaan akta ke atas *incest* itu pun ada Ahli Dewan ini yang wanita yang mengatakan kerana isteri terlalu sibuk membuat kerja pada zaman sekarang, oleh sebab itu berlakunya *incest*. Ini menunjukkan wanita sendiri pun tidak faham. Hendak jadi wakil rakyat lagi, wanita yang tidak faham, jadi bukankah ini lebih perlu kita memberi peruntukan yang lebih besar. Terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Memang betul, apa pun tidak boleh ada alasan berlakunya sumbang mahram kerana saya dengar bagus juga kerana belah sana katakan, ini adalah satu perbuatan yang terkutuk tetapi bila mengatakan alasan bahawa isteri tidak menjalankan tugas dengan baik maka itu menjadi alasan boleh berlaku sumbang mahram, sumbang mahram itu adalah satu dosa besar.

Butiran yang saya hendak masuk sekarang ini adalah Butiran 040400 – Memorandum Persefahaman diperuntukan sebanyak RM45,600. Apakah yang dipersefahamkan dan dengan siapakah memorandum persefahaman ini dimanterai? Saya hanya hendak bertanya kerana ini telah pun dimasukkan dalam butiran tersebut. Dan, Butiran 040500 – Program Khas Wanita RM20 juta telah diperuntukkan. Apakah yang dimaksudkan dengan program khas ini?

Saya masuk ke Butiran 040700 – Penstrukturan Semula. Didapati bahawa ada penstrukturan semula, mengapa perlu penstrukturan semula ini sedangkan jabatan ini baru ditubuhkan, mengapakah tidak dimasukkan di bawah Butiran 020000.

Dan saya sekarang pergi kepada Butiran 040800 – Koleksi Pusat Sumber Maklumat Wanita. Koleksi ini diperuntukkan sungguh sikit, kalau dibandingkan dengan peruntukan untuk mengadakan Pusat Sumber Sekolah pun adalah berbanding dengan apa yang diperuntukkan ini ialah terlalu sedikit. Inikan pula Pusat Sumber Maklumat Kementerian, ini memberi satu gambaran bahawa apakah remeh sangat pusat sumber ini.

Butiran 041000 – Penubuhan Pejabat LPPKN di Sabah dan Sarawak. Belanjanya setengah juta. Kalau dibandingkan dengan satu *monument* di Indra Kayangan memakan belanja lebih RM1 juta, apakah penubuhan pejabat LPPKN di Sabah dan Sarawak, ini bukan Sabah sahaja, Sarawak sama, disatukan, duakah pejabat ini dan mengapakah diletakkan di bawah dasar baru dan tidak di bawah Butiran 03000.

Satu lagi dalam Butiran 050000, apakah *one off* yang diperuntukkan RM4.9 juta ini dan mohon diperjelaskan Butiran 050100 – Harta Modal yang lain dalam *one off* ini.

Saya ingin beralih kepada maksud P.41 – Butiran 00100. Sehingga kini terdapat 15 Pusat Khidmat Wanita. Peruntukan untuk pusat khidmat tersebut antara taun 2001 hingga 2005 sebanyak RM5.2 juta. Ini bermakna setiap satu pusat khidmat mendapat RM5,777 sebulan. Pusat ini akan berfungsi sebagai:

1. Pusat Maklumat;

2. Kemudahan untuk aktiviti wanita;
3. Perkhidmatan Kaunseling;

Jadi, persoalannya, adakah RM5,777 sebulan ini mencukupi dan adakah bilangan pusat khidmat ini tidak akan bertambah sehingga 2005. Dalam Butiran 00200 – Penyelidikan. Penyelidikan hanya diperuntukkan RM3 juta untuk lima tahun dan peruntukan untuk tahun 2003 adalah sebanyak RM1.5 juta. Tiada perbelanjaan penyelidikan dalam tahun 2002. Perbelanjaan penyelidikan RM1.5 juta ini hampir sama dengan perbelanjaan keluar negara sebanyak RM1.3 juta.

Maksud P.41, 00300 hanya RM600,000 diperuntukkan untuk LPPKN sedangkan projek-projek yang dicadangkan adalah besar seperti pembangunan keluarga dan kependudukan. Dan, dalam satu lagi butiran baru, ditulis di situ, tepi itu kecil, butiran baru P.41, 00400 – Tanah dan Kerja Awalan. Mohon dijelaskan kalau boleh Yang Berhormat Menteri, ianya adakah untuk membina bangunan baru di mana dan apakah butir-butir ataupun perincian yang boleh diberikan sebab sampai sekarang seingat-ingat tinggal anggaran, tidak ada belanja yang dikeluarkan.

Jadi, kita berharap kewujudan kementerian ini akan benar-benar menepati dengan namanya Pembangunan Wanita dan Keluarga dan walaupun dengan peruntukan yang kecil kita mahukan agar ianya sampai ke kumpulan sasar. Maklumlah kalau kecil sangat pun, tidak sampai ke sasar pun menyebabkan masalah juga. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kelang.

6.10 ptg.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Kelang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.41, Butiran 020000 – Jabatan Pembangunan Wanita dan 040500 – Program Khas.

Tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga sebab sejak beliau mengambil jawatannya, beliau telah mengambil tindakan proaktif untuk mengatasi beberapa masalah yang sudah lama dihadapi oleh kaum wanita, antaranya ialah masalah ibu tunggal.

Ramai ibu tunggal yang mengalami kemiskinan adalah daripada golongan wanita yang bercerai ataupun ditinggalkan oleh suaminya tanpa perceraian. Akibatnya, tidak ada orang menanggung sara hidup keluarga berkenaan. Dalam beberapa kes perceraian, walaupun si suami itu diwajibkan memberi sara hidup isteri dan anak-anaknya tetapi dia lari daripada tanggungjawabnya.

Hari ini seseorang ibu tunggal yang menghadapi masalah seperti ini tidak boleh buat apa-apa kecuali mengambil tindakan mahkamah, tetapi seperti yang kita semua tahu, tindakan mahkamah sentiasa memakan masa yang panjang dan melibatkan kos yang tinggi dan kadangkala tidak membawa apa-apa hasil sebab bekas si suami itu telah berpindah atau lari ke tempat lain dan tidak dapat dihubungi atau dicari. Akibatnya, tindakan tidak boleh diambil terhadapnya. Walaupun undang-undang ada tetapi ibu tunggal tidak dapat perlindungan yang sepatutnya. Akibatnya tanggungjawab seseorang suami atau bapa telah menjadi tanggungjawab masyarakat.

Oleh itu, Tuan Pengerusi, dalam usaha kita membantu ibu tunggal, janganlah kita biarkan bapa yang tidak bertanggungjawab itu 'goes scot-free'.

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, maaf Tuan Pengerusi, saya rasa tidak cukup kuorum kurang 26 orang, Peraturan 13(1). Saya rasa perbahasan ini amat penting, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baiklah, okey cukup.

- Puan Fong Po Kuan:** Bukan wanita sahaja perlu hadir...
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.
- Puan Fong Po Kuan:** ...kita enam orang. Kita ada 26....
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.
- Puan Fong Po Kuan:** ... jadi, saya pohon....
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat hendak merujuk kepada Peraturan Mesyuarat?
- Puan Fong Po Kuan:** Peraturan Mesyuarat.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.
- Puan Fong Po Kuan:** Saya bagi fakta untuk sokong Peraturan ini. Ini bukan....
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha, sila kira.
[Setiausaha Dewan mengira Ahli Dewan yang hadir]
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bunyikan loceng selama dua minit.
[Loceng dibunyikan]
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, sila kira.
- Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Pengerusi, boleh....
- Beberapa Ahli:** Cukup, cukup.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, saya di sini campur satu lagi undi.
[Ketawa] Yang Berhormat, sila.
- Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]*
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, lebih dari cukup.
- Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*
- Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sambung.
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*
- Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Pengerusi.....
- Puan Fong Po Kuan:** Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa dia kata?
- Puan Fong Po Kuan:** Parit Sulong panggil saya 'budak sekolah'.
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tidak ada cakap pun.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...
- Puan Fong Po Kuan:** Ini menghina saya. Saya hanya bangkitkan Peraturan Mesyuarat. Saya pohon Parit Sulong tarik balik.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak dengar. Adakah Yang Berhormat kata begitu?
- Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tidak ada, tidak ada.
- Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada.
- Puan Fong Po Kuan:** Berani panggil orang punya nama tetapi tidak berani mengaku.
- Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan: Ini bukan urusan sendiri, urusan Kerajaan Barisan Nasional. Sendiri tidak jaga kuorum, marahkan orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Saya hanya guna Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak kata. Dia cakap dia tidak sebut. Yang Berhormat, teruskan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Pengerusi, saya sambung ya. Dalam usaha kita membantu ibu tunggal, janganlah kita membiarkan bapa yang tidak bertanggungjawab itu *goes scot-free*, melepaskan dia daripada tanggungjawabnya. Kita harus merancang satu mekanisme yang lebih berkesan supaya seseorang suami atau bapa tidak boleh dengan senang sahaja lari daripada tanggungjawabnya memberi sara hidup keluarganya.

Kalau tidak, si suami atau bapa itu akan fikir itu adalah tanggungjawab masyarakat membantu isteri dan anak-anaknya. Ini akan menggalakkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta penjelasan sedikit, boleh? Ya, terima kasih Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju ataupun untuk mencadangkan kepada kementerian dan kerajaan seperti yang disarankan oleh Menteri Besar Kelantan bahawa suami yang tidak bertanggungjawab, lebih-lebih lagi yang suka berpoligami seperti wakil-wakil rakyat PAS, mereka meminta permit poligami yang tidak ada tarikh, kosong, supaya mereka ini dipantau kalau menganiaya dan meninggalkan anak isteri disebat. Setujukah Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada kerajaan?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Walaupun cadangan itu bagus tetapi saya ada cadangan yang lain yang lebih bagus dan saya rasa terpulung kepada menteri yang menjawab, Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Tuan Pengerusi, kalau kita tidak memastikan suami menanggung sara hidup keluarganya, ini akan menggalakkan orang yang tidak bertanggungjawab kahwin dan selepas itu bercerai, tinggalkan isteri dan anak-anak. Pergi ke tempat lain, berkahwin lagi dan tinggalkan isteri dan anak-anaknya sekali lagi bila berjumpa perempuan yang lain.

Sementara itu, masyarakat kita yang kena menyelesaikan masalah kemiskinan keluarganya. Bolehkah kita membenarkan keadaan seperti ini diteruskan? Saya mencadangkan supaya satu unit khas ditubuhkan di kementerian ini dengan tujuan mengatasi masalah tersebut. Misalnya memastikan seorang bapa yang telah diarahkan oleh mahkamah memberi sara hidup keluarganya akan mematuhi arahan mahkamah. Kalau tidak, unit ini akan secara proaktif memastikan tindakan diambil oleh pihak polis untuk menangkap si suami berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, setakat ini pihak polis jarang mengambil berat atas kes-kes seperti itu, khususnya si suami telah lari ke tempat lain. Saya sedar bahawa terdapat banyak kes seperti ini dan kementerian tidak mungkin menangani semua kes berkenaan tetapi untuk tujuan kita, saya rasa kita boleh *be selective* dan ambil beberapa kes sahaja dalam setiap tahun. Sekiranya dalam kes-kes itu, unit ini berjaya membawa suami atau bapa yang tidak bertanggungjawab itu ke mahkamah dan mereka diberi hukuman yang berat, ia akan menjadi amaran kepada golongan yang sama yang ingin meninggalkan keluarganya.

Tuan Pengerusi, saya rasa masalah ibu tunggal memang adalah masalah yang menjadi semakin serius dan saya harap Yang Berhormat Menteri akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan cadangan saya akan diberi pertimbangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar.

6.21 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara sahaja Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 0100. Kita menerima hakikat bahawa ada masalah daripada segi penguatkuasaan undang-undang ataupun keputusan mahkamah di bawah Mahkamah Syariah. Oleh kerana undang-undang Islam adalah di bawah kerajaan negeri, jadi apabila satu-satu keputusan dibuat oleh satu mahkamah di sebuah negeri, andai dikuatkuasakan apabila yang bertanggungjawab, umpamanya pihak suami yang setelah ditetapkan membayar *maintenance* dan sebagainya kepada si isteri, keluar daripada jajahan atau kawasan tertentu, dengan sendirinya penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan. Jadi, bukan sahaja lari daripada Sarawak ke Sabah, daripada Sabah ke Sarawak ataupun ke Semenanjung Malaysia tetapi bahkan daripada Wilayah Persekutuan ke Selangor pun sudah menjadi satu masalah perundangan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian cuba mewujudkan dan melihat secara rapi peruntukan undang-undang yang boleh diwujudkan di bawah Kanun Prosedur Mahkamah, Kanun *Criminal Procedure Code* untuk mewujudkan satu cara mekanisme, pelaksanaan apabila satu-satu Mahkamah Syariah telah membuatkan satu keputusan dan Mahkamah Sivil boleh menguatkuasakan keputusan-keputusan tersebut. Saya cukup yakin kalau mekanisme ini boleh dibuat, dengan sendirinya penguatkuasaan keputusan oleh Mahkamah Syariah daripada satu bahagian ataupun satu negeri boleh dikuatkuasakan di negeri-negeri yang lain.

Dengan keadaan yang sedemikian, kita tidak melihat bahawa isteri boleh dianiayakan oleh suami yang tidak bertanggungjawab apabila beliau telah menerima hakikat bahawa hukuman telah diletak ke atasnya. Ini kerana, agama Islam telah meletakkan satu garis panduan dan keputusan boleh dibuat oleh Mahkamah Syariah tetapi dalam keadaan Islam yang wujud pada ketika itu bahawa tiap-tiap seorang Islam itu akan menerima hakikat apabila hukuman telah ditetapkan, dia akan menerima dan bertanggungjawab kepada hukuman-hukuman yang telah ditetapkan. Tetapi, dalam keadaan manusia sekarang ini, walaupun dinamakan Islam, selepas mahkamah meletakkan satu hukuman kepadanya, dia akan melarikan diri sewenang-wenangnya. Jadi, ini mesti kita lihat macam mana hendak mengatasi masalah kepada negeri-negeri yang tidak bersetuju dengan penyelenggaraan ataupun penyelarasan undang-undang syariah seluruh negara.

Jadi, dalam keadaan ini dua pertanyaan yang saya ingin hendak tanya. Yang pertama, berapa buah negeri yang belum bersetuju untuk penyelarasan *execution order* oleh mahkamah daripada *cross border*, masalah daripada satu negeri ke satu negeri yang lain. Apakah negeri yang tidak bersetuju? Yang kedua, kalau keputusan masalah ini berlaku, apakah tindakan khusus oleh kementerian supaya biarlah keputusan mahkamah boleh buat di tiap-tiap negeri tetapi penyelarasan penghukuman ataupun tindakan *execution* oleh Mahkamah Sivil boleh dibuatkan oleh Mahkamah Sivil itu sendiri dan kes dibawakan oleh Mahkamah Sivil walaupun kita terpaksa membuat satu pindaan undang-undang yang menyeluruh termasuk perlembagaan supaya si isteri ataupun si wanita ini tidak teraniaya oleh kaum suami yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian iaitu di bawah soalan ini juga. Masalah ini masih banyak. Persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, yang dibangkitkan oleh Klang berhubung dengan penderaan, sumbang mahram dan pelbagai lagi. Ada rintihan yang telah didengar di dalam Dewan ini juga mengatakan bahawa pendekatan yang dibuat oleh pihak yang tertentu termasuk pihak-pihak polis, pihak-pihak penyelidik dan pelbagai lagi adalah kurang sesuai dan kurang tepat dalam menangani masalah-masalah ini apabila dibawakan ke hadapan kerajaan.

Umpamanya dalam melaporkan kepada polis, bagaimana tindakan polis yang khususnya mesti dibuat, macam mana seorang perlu menyelidik dalam kes sumbang mahram dan penderaan, rogol dan sebagainya. Macam mana pendekatan polis dan siapa patut menyelidik menyiasat kes-kes ini? Macam mana penyiasatan itu tidak terdedah kepada mereka yang lain? Ini kerana, balai polis ini terbuka kepada sesiapa sahaja. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, terbuka jugalah orang yang melapor ini terutama orang *victim* rogol. Dia sudahlah terdedah dalam keadaan yang begitu traumatik sekali tetapi dalam keadaan yang sama, apabila duduk dalam *police station*, semua orang melihat. Walaupun orang itu tidak melihat oleh kerana mengetahui apa yang telah berlaku, tetapi perasaannya, mata orang itu melihat dia, telah mengetahui apa yang telah berlaku kepadanya.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, penderaan ataupun masalah yang dihadapinya oleh kerana kes dia datang ke mahkamah itu kena rogol ataupun kena dera, lebih menjadi kesan yang lebih buruk lagi kepada pemikiran dan psikologinya. Apakah pendekatan kementerian? Persoalan saya, apakah pendekatan kementerian supaya dapat bantuan bersama ataupun kerjasama dengan pihak polis ataupun pihak-pihak yang tertentu sama ada pihak penjara, polis dan sebagainya agar mereka yang menjadi *victim* kes rogol, *victim* penderaan, *victim* macam-macam lagi hal kewanitaan dan anak-anak ini tidak terdedah kepada masyarakat yang umum, kepada orang umum termasuk pegawai-pegawai dalam tempat-tempat yang berkenaan, pegawai-pegawai yang mengambil tindakan. Ini kerana, kadang-kadang kita kurang sensitif kerana kita sendiri yang tidak merasa. Orang yang mengena itu berasa sensitivitiya tetapi kita yang tidak faham, tidak memahami bagaimana trauma ataupun pengalaman sedih perasaan itu ketika mana apabila seseorang itu menjadi seorang *victim* ataupun menjadi seorang mangsa.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, mungkin kita kurang mengetahui psikologinya, mungkin tidak *highly develop the system* yang mana supaya orang ini ditangani dengan sebegitu baik rupa dan tidak diexpose kepada sesiapa juga, daripada pejabat polis ataupun balai polis sampai ke peringkat penyelidikan di hospital supaya yang menyelidik itu mengetahui bahawa psikologi manusia telah menjadi *victim* dalam keadaan masalah ini dapat menangani yang begitu rupa, yang begitu baik yang tidak akan mendatangkan perasaan yang terlebih tertekan lagi kepada dirinya. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, apakah pendekatan kementerian?

Yang ketiga, yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, sejauh manakah pihak kementerian telah membuat penyelidikan, persoalan yang saya bangkitkan beberapa kali dalam soalan ini iaitu untuk mencari apakah undang-undang yang ada di negara kita ini ataupun prosedur-prosedur yang ada dalam negara kita ini, ataupun *administrative, directive* yang ada di negara kita ini yang mungkin tidak *gender sensitive* ataupun *discriminatory* di dalam keadaannya kepada wanita. Sudahkan undang-undang *directive* dan arahan ini dikenal pasti dan apakah tindakan untuk menyusul kepada pihak kerajaan supaya *the impact*, kesan ataupun perubahan boleh dibuat walaupun saya percaya tidak boleh dibuat dengan begitu serta-merta, oleh kerana saya banyak berbincang dengan rakan-rakan di luar negara termasuk di negara yang lebih maju daripada kita umpamanya di England, mereka belum boleh menghapuskan sama sekali undang-undang yang bertahap *discriminatory* ini kepada pihak wanita oleh kerana sebab-sebab tradisi, oleh kerana sebab-sebab adat, undang-undang dan juga mungkin daripada segi agama. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kita mesti mencari cara-cara yang sesuai, cara-cara yang lebih baik, ala kita sendiri untuk menangani masalah ini dan supaya kesannya tidak akan mendatangkan kepada wanita ataupun anak-anak dan sebagainya tidak begitu ketara dan dapat diatasi dengan cara yang baik.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup masa Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Saya bagi Tumpat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dapat, dapat, selepas ini.

6.30 ptg

Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut membahaskan secara ringkas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sebagai menunjukkan sokongan semua pihak kepada kementerian ini dan dengan harapan supaya kementerian ini akan meneruskan malah meningkatkan lagi tugasnya untuk kebaikan seluruh negara.

Saya melihat kepada Butiran 030000 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Nampaknya dalam banyak butiran Tuan Pengerusi hanya ini satu sahaja yang menyebut dan menggunakan istilah keluarga. Butiran-butiran lain semuanya merujuk kepada wanita. Jadi saya menganggap yang penting tanpa merendah pentingnya wanita ialah juga penekanan selain daripada nama kepada kementerian ini ialah pembangunan keluarga.

Oleh itu saya mengharapkan bahawa kementerian ini akan juga menumpukan secara besar program dan aktiviti dan peruntukannya kepada pembangunan keluarga kerana pada saya pembangunan keluarga atau keluarga yang terbina dengan baik sahajalah yang banyak menyumbang ke arah mengurangkan masalah-masalah yang kita mungkin lihat hanya sebagai masalah wanita, tetapi kalau keluarga kuat, kukuh dan berkeadaan baik maka ianya mungkin dapat menyelesaikan banyak masalah yang kita lihat sebagai terkena kepada wanita ataupun kanak-kanak.

Jadi saya ingin bertanya pihak kementerian tentang apakah program-program khusus untuk membangunkan keluarga melalui peruntukan Butiran 030000 itu dan apakah matlamat kementerian tentang jumlah penduduk, adakah kita masih terikat kepada jumlah tertentu penduduk ataupun kita akan lebih mengutamakan kesihatan kanak-kanak dan bayi dan tidak menghadkan jumlah penduduk kita menurut mana-mana undang-undang atau syarat-syarat ataupun matlamat yang ditetapkan oleh mana-mana pihak.

Seterusnya kepada Butiran 040100 – Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita. Ini juga saya setuju adalah suatu tugas yang penting kerana kita dengar kepada pembahas-pembahas yang lainnya tentang betapa wanita menjadi mangsa kepada tindakan-tindakan pihak yang lain termasuk wanita juga, tetapi umumnya daripada gender yang lain. Ini saya fikir perlu kita utamakan memandangkan bahawa sikap sekali lagi sebagaimana Bukit Mertajam juga rujuk tadi tentang keganasan yang selalu terkena kepada wanita.

Contoh yang terakhir kita lihat ialah seorang wanita berumur 13 tahun di Sabah telah menuduh, mendakwa beliau itu dirogol oleh pasukan polis. Malangnya wanita itu sudah balik ke Filipina kerana dianggap sebagai pendatang tanpa izin. Tetapi kerajaan kita setelah mempertahankan keadaan itu, setelah mengatakan akan menyelidik sepenuhnya keadaan itu, akhirnya jawapan daripada kerajaan kita termasuklah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sebenarnya setelah menyelidik bahawa wanita ini bukan wanita Filipina tetapi warganegara Malaysia.

Oleh itu sikap kita adalah salah dan Filipina patut minta maaf bahawa kita merogol warganegara Filipina, sebenarnya kita merogol hanyalah warganegara Malaysia kita sendiri. Ini suatu pendirian keganasan terhadap wanita ..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita itu ramailah Yang Berhormat.

Dato' Kamaruddin bin Jaffar: Dia kata dua orang pasukan polis yang melakukan amalan jenayah itu. Seterusnya Butiran 040500 – Program Khas Wanita yang mana diperuntukkan RM20 juta. Sekali lagi saya secara umumnya menyokong program ini, saya sekadar ingin mencadangkan suatu program yang banyak melibatkan wanita yang dilakukan di bawah kementerian lain, khususnya program di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia yang saya difahamkan banyak melibatkan wanita-wanita iaitu wanita-wanita desa,

yang mana mereka memperolehi bantuan pinjaman mikro atau mikro ekonomi daripada pihak Amanah Ikhtiar ini.

Saya suka mencadangkan supaya program seperti ini dipindahkan kepada kementerian ini memandangkan kementerian ini agak kecil berbanding dengan kementerian yang lain dan memandangkan tugas dan nampaknya apa yang dilakukan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia banyak melibatkan wanita-wanita.

Seterusnya Butiran 040700 – Penstrukturan Semula Jabatan Pembangunan Wanita. Saya agak kabur tentang apa yang dimaksudkan di bawah butiran ini dan saya memohon maklumat lanjut daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Selepas itu Butiran 040800 – Koleksi Pusat Sumber Maklumat Wanita. Seperti juga Permatang Pauh saya ingin mencadangkan bahawa program ini ditingkatkan lagi supaya di bawah kementerian ini kita boleh mewujudkan suatu pusat sumber yang cukup komprehensif meliputi maklumat wanita dan keluarga supaya ianya menjadi pusat rujukan, pusat kajian, pusat pertemuan, mesyuarat seminar dan sebagainya yang mana kita benar-benar dapat merasa bangga bahawa di dalam Kerajaan Malaysia ini ada suatu tempat, di bawah kementerian ini yang akan menjadi sumber rujukan semua pihak untuk memahami masalah-masalah dihadapi berkaitan dengan keluarga, wanita dan kanak-kanak dan tentang bagaimana ianya boleh memberi peluang kepada orang yang berminat untuk pergi kepada pusat ini dan untuk dapat memberikan pandangannya ataupun dapat mendengar pandangan daripada pihak-pihak lain.

Jadi saya bersetuju dengan Permatang Pauh bahawa peruntukan hanya RM40,000 amat kecil untuk suatu tugas yang mungkin dan boleh menjadi amat penting untuk pembangunan keluarga dan negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Bukit Mertajam dahulu.

6.37 ptg

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan. Walaupun peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah meningkat sebanyak 68% seperti yang dikatakan dalam ucapan tetapi peruntukan ini masih merupakan yang terkecil sekali di antara semua kementerian dan saya harap ini merupakan satu peruntukan yang cukup untuk semua.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa dalam Butiran 040000 – Dasar Baru perlu mengadakan satu butiran iaitu *advocacy* dan undang-undang kerana kementerian ini yang mana tugas terpenting adalah untuk mencapai kesaksamaan *gender* dan untuk mencapai tujuan ini, ataupun objektif ini banyak kerja di mana bermula dari kementerian ini seperti untuk meminda undang-undang keganasan, akta keganasan rumah tangga.

Saya tidak tahu sama ada di bawah kementerian ini ataupun di bawah Kementerian Perp[aduan kerana di bawah Butiran 040100 Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita ada di bawah kementerian ini tetapi saya rasa akta itu pula ada di bawah kementerian yang lain.

Ini tidak mendatangkan keberkesanan yang baik, jadi perlu diselaraskan sama ada keganasan terhadap wanita ini di bawah kementerian yang mana. Saya ingin mendapat penjelasan. Di bawah Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita dia mendapat peruntukan yang agak banyak, apakah program yang dia akan jalankan kerana kalau setakat jawatankuasa itu dia hanya bermesyuarat saja, apakah program yang dia akan jalankan.

Saya hendak cadangkan diadakan butiran *advocacy* dan undang-undang kerana ada banyak undang-undang yang sama ada perlu undang-undang baru perlu diadakan seperti undang-undang untuk gangguan *sexual*. Undang-undang untuk menghalang *trafficking of women for prostitution, anti trafficking of women for prostitution*. Ini memang, sekarang kita tiada undang-undang ini.

Yang Berhormat Menteri pun pernah mengatakan hendak mengadakan Mahkamah Keluarga. Ini semuanya perlu ada satu jawatankuasa atau ada satu butiran untuk mendapatkan peruntukan untuk menjalankan tugas ini. Jadi siapa yang menjalankan tugas ini sekarang. Adakah di bawah kementerian Yang Berhormat dan bagaimana ia dijalankan.

Satu lagi akta atau undang-undang mengenai rogol. Ia perlu dipinda. Bagaimana ia dijalankan. Saya juga ingin mendapat penjelasan atau maklumat mengenai siapakah yang akan menjalankan tugas untuk analisa bajet *gender* yang dikatakan dalam ucapan kerana saya tidak melihat di mana-mana butiran di bawah kementerian ini untuk menjalankan tugas ini. Saya rasa ini adalah merupakan satu tugas yang amat penting untuk kementerian ini dan untuk faedah semua wanita.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan bagaimana tugas ini akan dijalankan. *Analysis of budget gender* bagaimana ia akan dijalankan, siapakah yang menjalankan tugas ini. Saya harap Bajet 2003 ini boleh dengan serta-merta menganalisa dan menerima pakai konsep ini di mana-mana kementerian yang boleh.

Saya juga sependapat dengan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bahawa peruntukan untuk latihan *gender* terlalu kecil kalau dibandingkan dengan sambutan Hari Wanita. Sambutan Hari Wanita, hanya satu hari sahaja. Ia hanya satu simbolik. Apa yang kita belanjakan pada hari itu tidak akan membawa ataupun mencapai matlamat ataupun objektif kementerian ini iaitu mencapai kesaksamaan *gender*.

Walaupun saya tidak bantah untuk menyambut Hari Wanita tetapi peruntukannya tidaklah begitu besar iaitu 10 kali ganda lebih banyak kalau dibandingkan dengan latihan *gender*. Program yang benar-benar boleh meningkatkan kesedaran, peruntukan patut diberi lebih banyak lagi. Saya ingin tahu siapakah yang menjalankan program ini, latihan *gender* dan siapakah sasarannya, siapakah targetnya kerana di dalam Rancangan Malaysia Keenam ada mengatakan bahawa kursus-kursus yang dijalankan oleh INTAN akan mengadakan juga latihan *gender* ini. Kursus yang dijalankan oleh INTAN itu adakah dia juga *incorporated gender sensitivity*.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyokong program khas wanita kalau tidak salah saya, ini untuk memberi peruntukan kepada NGO Wanita untuk menjalankan program. Saya rasa ini adalah satu *partnership* yang baik, *is a smart partnership* kerana saya dapati bahawa WAO pun telah diberi sebanyak RM150,000 untuk menjalankan Kempen Kesedaran Keganasan Terhadap Wanita.

Saya rasa mereka telah buat kerja yang baik. Jadi saya tidak sokong apa-apa kempen yang dijalankan oleh pihak kementerian sendiri kerana kementerian telah kekurangan kakitangan dan mekanisme untuk menjalankan apa-apa perkhidmatan ataupun kempen. Saya rasa adalah lebih berkesan jika wang diberi kepada NGO yang tidak berorientasi, *not profit orientated* untuk menjalankan tugas-tugas ini.

Butiran 040800 – Koleksi Pusat Sumber Maklumat Wanita. Saya ada berpendapat lain daripada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan juga Tumpat kerana sepatutnya semua kementerian ada maklumat, *gender aggregated* iaitu semua data yang ada sepatutnya adalah wanita dan juga lelaki. Yang saya dapati bahawa Kementerian Sumber Manusia masih belum ada data seperti ini dan Timbalan Menterinya kata kita tidak *seaggregate the man and women*. Ini adalah polisi *gender blind* yang dikatakan tidak *gender sensitive*.

Saya rasa yang penting ialah untuk kementerian Yang Berhormat, untuk menyedarkan semua kementerian supaya data mereka, maklumat yang mereka dapati itu perlu ada *gender sensitive* dan bukan semua ditumpukan kepada kementerian Yang Berhormat, kerana saya rasa kementerian Yang Berhormat tidak mampu atau tidak mempunyai kakitangan yang cukup untuk menjalankan kerja seperti ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 00100- Pusat Khidmat Wanita – pada pendapat saya kalau boleh juga adalah lebih baik dan juga berkesan, kalau Pusat Khidmat Wanita ini juga *diprivatize* kepada NGO-NGO wanita untuk menjalankannya. Kerana NGO-NGO

wanita ini, mereka yang lebih pakar dalam bidang ini. Setakat ini saya lihat Pengerusi untuk Pusat Khidmat Wanita ini kebanyakan mereka tidak menerima latihan untuk isu ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Untuk bidang ini. Sedikit sahaja dan saya juga hendak cadangkan, perlu ada satu kawalan iaitu sistem kawalan *monitoring* dan juga penilaian sama ada pusat-pusat ini telah mencapai objektifnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Akhir sekali saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri kerana selalu datang untuk menjawab soalan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Chong Eng: Tetapi beliau tidak ada alternatif.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup.

Puan Chong Eng: Kerana beliau tidak ada Setiausaha Parlimen dan tidak ada Timbalannya.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*] Cukup, cukup, cukuplah!

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Datang ke sini untuk menjawab. Tetapi saya

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Pada sesi-sesi yang lain Yang Berhormat Menteri dia tidak beri peluang untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup.

Puan Chong Eng: Tadi kita melihat dua orang menteri lelaki, mereka beri peluang.....

Seorang Ahli: Cukuplah, masa sudah cukup.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa Yang Berhormat Menteri tak kurangnya daripada mereka.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Jadi saya haraplah, nanti diberi peluang untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh puji di luar, bukan puji lagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sipitang dahulu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pendek sahaja Tuan Pengerusi. Di bawah program 040500 – Program Khas Wanita. Selepas LPPKN, Program Khas Wanita ini mendapat peruntukan yang terbanyak iaitu sekitar RM20 juta. Saya minta Menteri menjelaskan apakah jenis program yang dimasukkan dalam RM20 juta ini. Apakah ini cuma untuk pemberian kepada NGO yang bersangkutan paut dengan wanita.

Saya telah menghadiri Hari Wanita Peringkat Negeri Sabah tidak kurang daripada 40 NGO yang ada kaitan dengan aktiviti wanita dan saya rasa lebih daripada itu, kalau kita pergi ke peringkat daerah dan kampung yang memperjuangkan hak-hak wanita ini.

Saya minta penjelasan, apakah program wanita ini khusus untuk memperbanyakkan gender atau wanita di dalam kerajaan ataupun agensi-agensi tertentu ataupun lebih kepada menyelesaikan masalah wanita. Ini juga kurang jelas, perlu dijelaskan ke peringkat bawah tentang peranan kementerian ini.

Memang sifat wanita itu pemalu, selalu berahsia dan bentuk fizikal yang lain, jikalau program-program yang boleh bersama dengan kaum lelaki, saya mencadangkan supaya kita galakkan supaya boleh bersama dengan kaum lelaki. Contohnya dalam program usahawan, saya tidaklah boleh memisahkan, saya rasa, program keusahawanan ini cuma khas untuk wanita. Adalah lebih sihat kalau wanita dan lelaki itu boleh bersama berbincang mengenai masalah, berkursus bersama, supaya lebih baik untuk program keusahawanan ini. Tetapi di dalam hal-hal tertentu, saya memang sangat bersetuju supaya wanita ini dikelompokkan secara khusus. Contohnya satu dilema negara kita iaitu tentang kefahaman wanita tentang pendidikan seks, yang belum ada satu dasar yang begitu jelas. Kalau di Jabatan Pendidikan atau di Kementerian Pendidikan, pendidikan seks ini cuma diajar secara sedikit sahaja, secara pengenalan.

Saya mencadangkan supaya kementerian ini, soal pendidikan seks ini saya ingat penting. Tidak ramai wanita yang begitu faham tentang seks ini, yang begitu penting dalam masyarakat. Saya sebagai doktor perubatan memang tahu dari A sampai Z, saya tahulah tentang ini, tetapi bagaimana dengan yang lain, contohnya masyarakat kampung, yang saya rasa begitu penting, yang pertama sekali, pendidikan seks ini dari segi saintifiknya.

Yang kedua, dari segi fungsi-fungsi alat-alat kelamin, alat-alat peranakan dan sebagainya. Kemudian tentang hubungan suami isteri, yang kebanyakan perceraian ini juga, salah satu puncanya ialah tidak puasnya hubungan seks di antara suami dan isteri. Salah satu puncanya juga ialah zuriat, tetapi tidak semestinya zuriat semata-mata tetapi ketidakpandaian suami dan isteri itu membuat hubungan yang mesra, yang baik, yang merasakan suatu kepuasan yang sangat lebih.

Kemudian yang berikutnya ialah kesan dan akibat daripada seks itu sendiri, yang mana masalah sekarang ini kalau ada hubungan seks yang rambang, ada AIDS, ada mengandung di luar nikah, pembuangan bayi dan sebagainya. Tetapi kalau kita melihat dari sudut yang sihat, kita ajar secara terbuka supaya cerita mengenai dengan seks ini boleh diceritakan sesama wanita, kerana dia pemalu, tetapi kalau masyarakat wanita sahaja, boleh kita tekankan. Dan inilah yang penting, bagi saya supaya keseluruhan wanita di negara ini tahu tentang pendidikan seks ini dan tentang fungsi-fungsi seks ini. Ya, dia minat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, terima kasih dan juga Yang Berhormat Sipitang. Sipitang hanya mencadangkan pendidikan seks kepada wanita, sebenarnya banyak masalah yang timbul daripada hubungan seks ini ialah kerana ketidakbertanggungjawaban kaum lelaki. Saya rasa adalah penting juga memberi pendidikan kepada kaum lelaki supaya mereka lebih bertanggungjawab dalam aspek ini. Dan ia perlulah untuk semua orang bukan hanya wanita sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kedua-dua kena.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Itu yang saya maksudkan tadi. Tetapi wanita ini oleh kerana mengenai dengan pembangunan wanita dan keluarga lebih tertumpu kepada pendidikan seks di kalangan wanita. Lelaki itu memang kalau boleh kita semua. Tetapi dalam mendidik seks ini, saya rasa tidak begitu sihat lelaki dengan perempuan bersama-sama, wanita ini ada bab-bab khasnya, tetapi memang sesuai kalau ia suami isteri, itu kalau ada masalah. Yang saya maksudkan di sini, semua wanita dan semua lelaki jugalah kalau boleh, tahu tentang pendidikan seks ini secara mendalam supaya mengelakkan masalah-masalah sosial yang sukar ditangani pada masa ini.

Kemudian program wanita juga yang bersangkutan paut dengan penyakit khusus untuk wanita. Ini perlu ditekankan, contohnya *pap smear*, wanita di negara kita yang layak mengadakan *pap smear* ialah di sekitar enam juta orang, tetapi *pap smear* kita setiap tahun tidak sampai satu juta yang dilakukan. Bagaimana cara kita mengatasi, siapa yang

bertanggungjawab ini. Memang Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab, tetapi kalau kita gabungkan peranan wanita ini juga untuk perkara ini, alangkah lebih baik dan kita dapat menyelesaikan masalah wanita, barah pangkal rahim, barah rahim, barah ovari, payu dara yang khusus untuk wanita. Ini kita tekankan.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, 04100 – Pejabat LPPKN Sabah, Sarawak RM500,000. Saya ingat ini pejabat kecil sahaja RM250,000 untuk Sabah, RM250,000 untuk Sarawak, mintalah Menteri, Sabah ini besar, luas, kalau boleh peruntukan yang begitu besar di bawah LPPKN ini, kita berilah Sabah dan Sarawak. Dan memang fungsi LPPKN Sabah dan Sarawak ini, kalau boleh kita perluaskan, beri peruntukan yang besar yang dapat menyelesaikan masalah wanita-wanita di Sabah.

Jadi, saya berharaplah dengan adanya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini, taraf hidup ataupun kesihatan wanita dan status wanita lebih baik. Kalau boleh saya bersetuju tadi, Timbalan Menteri belum ada, Setiausaha Parlimen, saya merayulah supaya diadakan. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seputeh dahulu.

6.55 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 010000 – Pengurusan dan Perancangan Dasar dan 020000 – Jabatan Pembangunan Wanita. Para 160, dalam Ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan adalah, “Kerajaan juga akan menyediakan program khusus bagi menjaga kebajikan ibu tunggal yang kini dianggarkan hampir 130,000 orang atau 1.2% daripada bilangan penduduk wanita.

Bagi memastikan mereka mempunyai tempat kediaman yang selesa, kerajaan akan memberi keutamaan kepada ibu tunggal yang berpendapatan kurang daripada RM600 sebulan untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok, dengan itu kerajaan juga dapat membantu anak-anak mereka dengan menyediakan kemudahan seperti pusat jagaan kanak-kanak, pendidikan dan kesihatan.”

Saya menyambut baik cadangan kerajaan untuk memberi keutamaan kepada ibu tunggal yang berpendapatan rendah iaitu RM600 untuk memiliki rumah kos rendah. Walau bagaimanapun, saya ingin mengemukakan pandangan saya terhadap kenyataan para 160 ini seperti berikut;

Pertama, memandangkan rumah kos rendah selalu dijadikan sebagai modal politik ataupun hadiah yang diberi kepada para penyokong Barisan Nasional oleh Ahli politik Barisan Nasional,....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada kena mengena itu Yang Berhormat, sila masuk yang khususnya Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...jadi, apakah kementerian juga akan memberi keutamaan kepada ibu tunggal daripada UMNO ataupun penyokong BN sahaja. Apakah mekanisme yang digunakan untuk melaksanakan dasar ini, demi memastikan kesemua ibu tunggal miskin yang memerlukan bantuan dapat dimanfaatkan daripada dasar ini tanpa mengalami diskriminasi dari segi politik dan keperluan untuk mendapat rumah kos rendah itu dapat diutamakan oleh kerajaan tempatan di mana-mana tempat.

Saya pernah membantu beberapa orang ibu tunggal di Kuala Lumpur yang tidak berpendapatan tinggi untuk memohon rumah kos rendah kerajaan, tetapi surat sokongan saya nampaknya tidak mempunyai pengaruh dan mereka sudah menunggu lama tetapi masih belum mendapat rumah kos rendah. Jadi, dalam kes seperti ini, bolehkah kementerian membantu ibu tunggal yang berharap-harapkan rumah kos rendah kerajaan seperti ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Yang kedua, para 160 dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa “Kerajaan akan memberi para ibu tunggal untuk memiliki rumah kos rendah secara berkelompok, supaya kerajaan dapat membantu anak-anak mereka dengan menyediakan kemudahan seperti pusat jagaan kanak-kanak, pendidikan dan kesihatan.”

Apakah cadangan ini bermaksud iaitu “Pada masa yang akan datang kita akan mempunyai rumah kos rendah ataupun Geto yang diduduki oleh ibu tunggal yang miskin sahaja.”

Cadangan ini seolah-olah menganggap bahawa para ibu tunggal ini adalah barangan ataupun binatang yang boleh dipindah-pindah dan boleh bergerak secara bebas, ini juga bermaksud bahawa kesemua ibu tunggal ini haruslah *diuproot* daripada komuniti mereka termasuk keluarga, sanak saudara dan juga sahabat handai mereka untuk masuk ke rumah kos rendah kerajaan yang dikhususkannya kepada para ibu tunggal. Jadi, pandangan ini mungkin tidak begitu praktikal dari segi pelaksanaan.

Yang ketiga, dari segi ucapan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, nampaknya kerajaan hanya menganggap ibu tunggal sahaja yang memerlukan pusat penjagaan kanak-kanak, kerana Ucapan Belanjawan ini tidak menyebut tentang peruntukan yang akan diberi oleh kerajaan kepada para ibu yang bekerja. Kerajaan haruslah sedar bahawa di masyarakat moden ini, pusat penjagaan kanak-kanak ini adalah amat perlu, diperlukan oleh para wanita yang berkeluarga dan bekerja. Saya merasa amat kesal di mana kerajaan tidak mengambil kira keperluan para ibu yang bekerja ini. Tibalah masanya bagi kerajaan untuk menubuhkan lebih pusat penjagaan kanak-kanak bagi wanita yang berkeluarga dan yang bekerja, sama ada di kawasan kediaman ataupun di tempat kerja.

Demi mencapai tujuan ini, saya cadangkan kerajaan haruslah menunjukkan kepemimpinan melalui teladan, di mana kerajaan harus mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak di semua pejabat kerajaan yang mempunyai lebih daripada 20 orang pegawai wanita yang berumah tangga dan mempunyai anak kecil sebagai langkah untuk menjaga kebajikan dan kepentingan pegawai kerajaan wanita. Dengan ini bukan sahaja pegawai kerajaan wanita boleh bekerja di agensi kerajaan dengan lebih komited dan lebih lama, ia juga sejajar dengan matlamat penubuhan masyarakat penyayang yang termaktub dalam Wawasan 2020 dan juga program utamakan keluarga semakin hari semakin sayang.

Memandangkan kementerian ini dinamakan juga sebagai Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Saya juga mencadangkan supaya urusan berkenaan dengan kanak-kanak dialihkan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke kementerian ini. Supaya kementerian ini dapat memainkan peranan yang lebih menyeluruh dari segi urusan yang berkaitan dengan keluarga seperti isu berkenaan dengan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak. Saya menyeru kerajaan mencontohi sistem pusat kanak-kanak ditubuhkan dan diuruskan oleh kerajaan secara berjaya di Singapura, di negeri China, di Taiwan dan di negara-negara Eropah seperti di Sweden, United Kingdom dan sebagainya. Supaya pusat penjagaan yang berkualiti boleh ditubuhkan di merata-rata tempat di Malaysia pada satu waktu kelak. Memandangkan peruntukan yang diberi kepada kementerian ini telah pun bertambah, saya bercadang:

- (i) Permohonan oleh pertubuhan wanita ataupun NGO terhadap aktiviti wanita ini untuk mendapatkan peruntukan daripada kementerian *red-tape* boleh dikurangkan.
- (ii) Dan juga saya mencadangkan kementerian ini memberi peruntukan kepada NGO wanita dan juga pusat kaunseling.
- (iii) Saya mencadangkan kementerian memberi bantuan kewangan kepada ibu tunggal dan keluarga yang memang perlu bantuan kewangan tanpa kira kaum dan keturunan.
- (iv) Kementerian ini mengadakan latihan kaunselor yang terdiri daripada pelbagai kaum dan juga bahasa dan juga menubuhkan lebih pusat kaunseling.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran 040200 iaitu Latihan Gender, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah latihan yang diberi setakat ini? Apakah kementerian bercadang memberi latihan sensitiviti jantina kepada wakil rakyat, termasuk Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini? Saya pernah bercadang pada dua minggu yang lepas bahawa Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri yang pernah menyifatkan hubungan seks dalam kes *incest* sebagai sama-sama syok itu, dihantar untuk menghadiri kursus *gender sensitivity* oleh kementerian ini. Apakah kementerian Yang Berhormat Menteri akan mempertimbangkan cadangan saya yang konstruktif ini? Dan juga sebenarnya sesi latihan gender ini haruslah juga dimulakan di sekolah, di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Untuk melatih para pelajar lelaki kita lebih sensitif dari segi isu jantina dan menggalakkan pelajar lelaki dan wanita untuk saling hormat dan saling sayang.

Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan kementerian ini memantau isi kandungan buku teks sekolah dan juga iklan atas mesej stereotaip terhadap peranan wanita dan lelaki. Misalnya wanita selalu diberi peranan untuk menjaga anak-anak, memasak untuk ahli keluarganya, cuci baju untuk keluarganya dan sebagainya. Sekiranya kita ingin mencapai matlamat kempen kementerian dengan membina keluarga yang kasih sayang, maka peranan stereotaip ini perlulah diubah suai di mana lelaki juga harus digalakkan dan juga dipuji apabila mereka melakukan kerja rumah dan juga menjaga anak-anak mereka. Pertukaran konsep tentang peranan lelaki dan wanita ini haruslah bermula dari segi pendidikan, sama ada pendidikan sekolah ataupun pendidikan awam melalui media masa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

7.05 min.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terpanggil untuk mengambil bahagian dalam membahaskan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar...eh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga....yang mana.....sudah hendak malam sudah!..... pada saya sebagai seorang lelaki saya sentiasa sayangkan wanita...

Puan Teresa Kok Suh Sim: Wahhh!

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: ...terutama isteri saya yang hanya satu sahaja. Saya masuk dalam Butiran 040500 - Program Khas Wanita yakni mengenai ibu tunggal. Siapa hendak jadi ibu tunggal tapi apakan daya sudah suratan. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian kepada ibu-ibu tunggal kepada mereka yang mempunyai tanggungan ramai sedangkan mereka tidak mempunyai pendapatan yang tetap terutama di luar bandar. Dialah ibu, dialah bapa dan dialah ketua keluarga. Persoalannya adakah kementerian tidak bercadang untuk menambahkan peruntukan untuk memberikan saraan hidup bulanan mengikut prosedur yang ditentukan oleh kementerian nanti yang melayakkan menerima seperti yang dilakukan oleh kebajikan masyarakat.

Butiran yang kedua untuk saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini ialah 00300 - Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga. Keluarga merupakan institusi yang paling penting dan pokok dan bermulalah dalam melahirkan persefahaman di antara suami isteri, kalau ada anak, selaku ibu bapa dan anak di bawah tanggungjawab kita yang berhadapan dengan masalah. Kita mahu membina rumah tangga yang dibina dalam konsep Islam, Al-Baiti Jannahti (Rumahku Syurgaku) 'Semakin Hari Semakin Sayang'. Apa yang kita lihat pada hari ini ada di antara mereka yang 'makin hari makin tidak sayang', mungkin dengan usia yang sudah pun berumur, sudah hampir 30 ataupun 40 tahun berumah tangga. Pada pandangan saya untuk melahirkan bahawasanya 'Semakin Hari Semakin Sayang' ini diadakan kursus terutama di Parlimen-Parlimen dan kalau boleh Kuala Selangor mendahului pun lagi baik. Saya akan kumpulkan suami dan isteri masing-masing untuk dibawa berkursus apa tanggungjawab suami dan apa tanggungjawab isteri supaya mereka akan berpandangan apa yang dibuat, kalau boleh masa kita lepas kahwin, cantik semua cantik. Buang angin pun sedap, baunya pun wangi tapi manakala sudah mendapat anak macam *trailer* ataupun macam kompong, maka berlakulah itu dan ini semua tidak cantik.

Saya terbaca dalam sejarah Islam bahawa seorang perempuan di Kota Mekah, di Kota Madinatul Munawarah yang mana terdapat seorang wanita yang lebih dulu masuk ke dalam syurga daripada anak Rasulullah S.A.W. Apa yang berlaku keluarga perempuan ini telah dikaji oleh Saidatina Fatimah ialah wanita ini manakala suaminya balik dia akan berdandan, bersiap, ber*make-up* yang mana dilihat oleh Saidatina Fatimah selama tiga hari. Apakah resepi ataupun rahsia seorang perempuan ini yang dia lebih dahulu masuk ke dalam syurga? Yang pertama dia akan setiap hari oleh kerana dia tidak bekerja hanya kerja rumah tangga maka dia berhias diri semasa suaminya hendak balik dengan berdandan, *make-up*. Yang keduanya membawa segelas air disangkakan air itu untuk Saidatina Fatimah anak Rasulullah bersama dengan anaknya Hassan dan Hussin. Dengan segelas air dan dia membawa sebatang penyapu yang mana penyapu ini diletakkan di belakang pintu. Jadi kalau diperlihatkan oleh anak Rasulullah ini, maka tidak lama kemudian, datanglah dan balikkah suaminya ini terus diunjukkan air ini kepada suaminya dan lantas diberikan penyapu ini kepada suaminya sekiranya aku melakukan kesalahan selama mana suamiku tidak ada, maka rela aku dipukul, maka turut berjumpa bapanya Rasulullah maka inilah dia wanita yang masuk syurga dahulu daripada kamu wahai Fatimah.

Tuan Pengerusi, jadi kalau boleh dalam perkara ini kita adakan kursus untuk membina suami isteri yang ideal supaya tanggungjawab di rumah sama-sama dikendalikan oleh suami bersama dan hanya hendak masak pun sama ambil kesempatan, tidak suami duduk baca surat khabar dan isteri menyiapkan makanan di dapur. Pasal saya takut saya cakap tidak serupa bikin tapi saya cakap saya bikin. Kalau isteri saya menyapu saya tolong menyapu kalau ada masa dan juga kalau masak pun saya ikut masak kalau ada masa dan kalau membasuh pun semasa saya boleh turut sama. Ini oleh kerana kita tanggungjawab.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betulkah Yang Berhormat? Betulkah?

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Ya saya cakap betul.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya sekali lagi menyarankan supaya pembinaan insan ini dapat untuk konsep 'semakin hari semakin sayang' diterapkan kepada suami isteri di rumah tangga supaya akan melahirkan supaya tidak akan berlaku perkara yang tidak diingini walaupun kita sudah berusia. Kita lihat sahaja kepada orang Inggeris yang datang atau orang putih yang datang ke negara kita, yang tua-tua bergandingan tangan manakala mereka ini berdua-duaan berjalan-jalan yang kita nampak. Tetapi hari ini kita tidak kedapatan melihat orang-orang yang sudah dewasa sedikit hendak pegang-pegang tangan, hendak makan hendak tunjukkan hendak itu hendak ini. Tetapi ini perlu ditangani bersama untuk melahirkan semakin hari semakin sayang. Sekian, itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong dan selepas Yang Berhormat bagi Tanjong Menteri boleh jawab.

7.11 malam.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh tentang Butiran 010000 — Pengurusan dan Perancangan Dasar. Saya mengambil kesempatan ini untuk membuat seruan kepada kementerian untuk memberi perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh wanita dan institusi keluarga akibat dari situasi ekonomi yang merosot sekarang yang membawa impak dan kesulitan kepada kaum wanita kerana di Malaysia hari ini lebih ramai kaum wanita yang telah hilang peluang pekerjaan berbanding dengan kaum lelaki ekoran situasi ekonomi yang tidak begitu sihat.

Pagi tadi Timbalan Menteri dari Kementerian Sumber Manusia pun telah memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kaum mahasiswa wanita yang terdiri dari golongan graduan yang tidak dapat peluang pekerjaan selepas tamat pengajian adalah tinggi sampai 65% dari jumlah 31,000 graduan sejak tahun 1997. Situasi ekonomi yang kurang baik ini juga menimbulkan masalah kepada wanita kerana ada yang perlu pikul tanggungjawab untuk menyara keluarga. Ada juga yang menjadi mangsa kepada cetai haram kerana suami yang berhutang telah melarikan diri dan sebagainya. Dari laporan media Tuan Pengerusi, keganasan terhadap kaum wanita dan kanak-kanak tidak nampak berkurangan. Kita memerhatikan bahawa kes-kes rogol dan pembunuhan selepas rogol

terhadap murid-murid perempuan sekolah dan wanita kian meningkat. Kes-kes keganasan rumah tangga termasuk pembunuhan kaum wanita oleh suami atau kekasih juga sering dilaporkan. Ini haruslah menyedarkan kita bahawa kita perlu memberi perhatian yang lebih kepada masalah-masalah sosial yang membabitkan wanita dan institusi keluarga di negara ini.

Kita mendapati bahawa banyak usaha oleh NGO's untuk mengutarakan isu-isu ini untuk perhatian kerajaan di peringkat pusat mahupun di negeri yang akhirnya membawa kepada pindaan kepada undang-undang yang sedia ada. Tetapi kita juga perlu menilai semula sama ada semua ini telah membawa perubahan dalam kehidupan wanita di peringkat akar umbi. Apakah persepsi kaum lelaki kepada kaum wanita dan sejauh manakah kempen '*gender sensitization*' ini telah mula bertapak dan lihat kesannya dalam masyarakat kita.

Kita memegang kepada falsafah bahawa sebuah keluarga yang kukuh dan berdaya tahan menjadi bahagian utama dalam mewujudkan sebuah masyarakat baru dan penyayang dan kita sedar bahawa negara kita boleh mewujudkan populasi yang berkualiti melalui menguatkan institusi keluarga kita. Jadi, saya ingin tahu dari kementerian apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini dalam mengubah dan melaksanakan *national family action plan* ini. Banyak usaha dan tenaga telah digemblengkan untuk pembangunan wanita dan institusi keluarga tetapi kita dapati bahawa cara yang lebih efektif selain daripada kempen kesedaran adalah melalui membuat pindaan kepada undang-undang ataupun menggubal undang-undang yang baru yang boleh memajukan wanita dan institusi keluarga. Ini satu bahagian kerja yang sungguh berat dan saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi bahawa mesti wujudnya satu bahagian khusus untuk meneliti apa yang perlu dilakukan terhadap undang-undang yang sedia ada ataupun menilai undang-undang yang baru yang boleh memajukan matlamat ini.

Saya juga ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri apakah tindakan lanjut yang telah dan sedang diambil oleh kementerian mengenai satu kempen untuk mengadakan undang-undang mencegah gangguan seks yang dikemukakan oleh Joint Action Group Against Women. Selain daripada pindaan kepada Perkara 8(2) terhadap Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan *gender* tidak lagi boleh dipakai sebagai asas melakukan diskriminasi dan pindaan mengenai sumbang mahram saya ingin kementerian mengatakan apakah undang-undang yang akan dipinda ataupun undang-undang baru yang dapat ataupun mahu diperkenalkan.

Memandangkan NGO memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan wanita dan institusi keluarga saya ingin menyeru pihak kerajaan memberi peruntukan yang lebih banyak kepada NGO ini yang sering menghadapi kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan kempen-kempen dan memberi perkhidmatan kaunseling, khidmat guaman, pusat krisis dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, wakil Malaysia di persidangan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai *Women's 2000 Gender Equality Development and Peace for the 21st Century*, dengan izin, telah menyuarakan keprihatinannya ke atas isu *politicking*, budaya dan agama di negara ini yang telah menafikan wanita dari menikmati hak-hak asasi mereka. Selain daripada menyuarakan keprihatinan mengenai *politicking*, budaya dan agama ini saya ingin menyeru kementerian memainkan peranan yang aktif untuk memastikan dan juga membuat pemantauan terhadap perkara ini supaya memastikan pembangunan wanita dan institusi keluarga tidak terjejas oleh terlaksananya undang-undang dan dasar-dasar yang berlandaskan agama.

Akhirnya seperti lain-lain ahli menganggap bahawa beratnya tanggungjawab kementerian ini untuk memajukan dan membangunkan wanita dan institusi keluarga. Saya ingat pada tahun 2000 saya sendiri ada buat cadangan supaya kementerian ini ditubuhkan dan cadangan ini mungkin bukan dari sayalah telah diterima oleh kerajaan dan satu kementerian baru ditubuhkan. Nampaknya perlunya ada pembantu kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak syorkan sayalah. *[Ketawa]* Di kalangan Barisan Nasional nampak pun yang minat sangat dalam isu wanita tidak ramai. Jadi, saya cadangkan Yang Berhormat bagi Klanglah sebab dia masih tunjuk minat yang sungguh banyak berbanding

dengan wanita-wanita yang lain dan untuk menjadi timbalan membantu Yang Berhormat meringankan beban dan sama-sama menjayakan usaha membangunkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cakap banyak senang. Cakap senang.

Tuan Chow Kon Yeow: ..wanita dan institusi keluarga. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

7.20 ptg.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan yang sama mustahak telah pun memberi beberapa teguran dan idea-idea yang bernas untuk dipertimbangkan oleh kementerian.

Saya ingin maklumkan bahawa pihak kementerian juga memandang serius setiap apa jua yang disuarakan terutama di Dewan yang mulia ini dan insya-Allah kalau esok kita tidak boleh jalankan, dengan izin *rest assured* dalam masa terdekat. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada yang bagi Permatang Pauh kerana telah pun membangkitkan beberapa perkara tentang memorandum persefahaman, Program Khas Wanita, penstrukturan semula, koleksi pusat sumber, pejabat LPPKN Sabah dan Sarawak *one-off*, harta modal, pusat khidmat wanita sama ada RM5,000 lebih mencukupi dan penyelidikan.

Sebagai jawapannya Yang Berhormat untuk memorandum persefahaman sebenarnya ialah untuk keperluan tindak tanduk yang perlu diambil dalam kita menandatangani bersama-sama dengan NGO dalam negeri dan luar negeri. Luar negara kita telah pun menandatangani dua memorandum persefahaman iaitu dengan Iran dan juga dengan Indonesia, itu untuk memorandum persefahaman. Program Khas Wanita ialah RM20 juta yang dikhaskan sebagai bantuan khas untuk NGO-NGO yang ada mengikut kaedah-kaedah yang telah pun ditetapkan oleh Perbendaharaan dan *priority* utama yang telah pun diberi oleh kementerian.

Untuk penstrukturan semula Yang Berhormat, sebenarnya sekian lama Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) hanya bertempat di Kuala Lumpur tetapi pada tahun akan datang, insya-Allah kalau semuanya mengikut perancangan, kita harap bahawa semua negeri akan mempunyai Jabatan Pembangunan Wanita, itu yang dinamakan penstrukturan semula. Jadi kita hendak bahawa di peringkat negeri kita ada jabatan supaya program-program yang dijalankan dapat pemantauan daripada pengarah kita dan dapat diturunkan ke akar umbi.

Koleksi pusat sumber memang saya setuju dengan Yang Berhormat, peruntukannya agak kecil tetapi kita akan bekerjasama dengan kementerian yang lain untuk kita membina dan meningkatkan *data base* untuk bukan hanya kutipan fakta tetapi '*pictorial*' dan lain-lain supaya kementerian seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, pada satu masa terdekat, kementerian akan mempunyai semua angka yang diperlukan.

Pejabat LPPKN Sabah dan Sarawak Yang Berhormat, peruntukan ini adalah peruntukan yang awal. Selepas ini seperti mana Yang Berhormat bagi Sipitang minta, kita akan insya-Allah diberi wang yang lebih untuk kita membesarkan pejabat kita di Sabah dan Sarawak.

Untuk pusat khidmat wanita Yang Berhormat, ia adalah untuk negeri-negeri, wang ini bukan untuk keseluruhan negara tetapi untuk negeri-negeri yang telah pun kita jalankan *full force*. Untuk negeri-negeri yang lain, kita akan dapat peruntukan yang lain.

Akhir sekali Yang Berhormat, penyelidikan. Saya hendak maklumkan bahawa kementerian telah pun mewujudkan satu jawatankuasa penyelidikan, *National Research*

Committee, satu jawatankuasa kebangsaan untuk penyelidikan dan kita bekerjasama dengan universiti-universiti khususnya dan juga *expert groups* di mana beberapa penyelidikan telah pun diberi dan saya harap bahawa kedua-dua dalam bidang pembangunan keluarga dan wanita, dan saya harap bahawa selambat-lambatnya bulan Januari akan datang, hasil daripada penyelidikan itu dapatlah kita umumkan.

Selain daripada itu Yang Berhormat, saya rasa bahawa semua soalan Yang Berhormat telah pun dijelaskan. Jelaskan peruntukan RM600 ribu di bawah *one-off with* LPPKN, jawapannya peruntukan adalah untuk mempertingkatkan pusat sumber LPPKN yang sedia ada di ibu pejabat. Jadi kita mulakan dengan LPPKN. Saya rasa saya telah menjawab dengan secara ringkas semua pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

Untuk Ahli Yang Berhormat bagi Klang, saya ingin maklumkan bahawa isu utama yang dibawa oleh Yang Berhormat ialah isu ibu tunggal. Saya memang setuju sekali dengan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat katakan bahawa kalau kita tidak jaga, kita akan menggalakkan satu masyarakat di mana ini bukan semua kaum bapa, cuma mereka yang terbabit sahaja. Kuala Selangor tadi nampak gaya macam suami yang baik, ini bukan untuk semua kaum bapa tetapi yang mana yang terbabit dan terlibat nampak gaya setelah mereka berkahwin, mempunyai keluarga, mereka ketepikan isteri dan anak-anak dan mereka mengharapkan masyarakat ataupun kerajaan untuk membela nasib anak mereka. Jadi Yang Berhormat tidak setuju, saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat, saya pun tidak setuju kerana tadi, ada salah satu Yang Berhormat katakan tadi, mungkin dari Kuala Selangor. Mengapa tidak kita bagi bantuan kepada ibu tunggal?

Sebenarnya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memberi bantuan melalui Jabatan Kebajikan. Di kementerian ini kita tidak ada satu sen pun untuk diberi kepada ibu tunggal. Ini adalah kerana polisi kerajaan, kita hendak *empower the women*, mengupayakan wanita itu. Jadi kalau kita kata okey, *if you* jadi ibu tunggal maka kerajaan akan bagi duit itu, kita takut nanti ini akan menggalakkan kaum bapa yang tidak bertanggungjawab untuk lepas tangan, *completely* dengan izin, kepada masyarakat atau kerajaan. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat, *at the moment now*, kita tidak ada Yang Berhormat kata tadi untuk unit khas EKP di kementerian untuk memantau arahan mahkamah.

Pada masa ini kita tidak mempunyai kakitangan yang mampu untuk menjalankannya Yang Berhormat. Cuma saya hendak maklumkan bahawa di dalam usaha kita untuk menangani masalah, ini saya hendak jawab untuk semua Yang Berhormat yang tanya tentang masalah keluarga. Dengan izin, *what is it that we are doing?* Salah satu tindakan kita ialah untuk menentukan perwujudan masalah keluarga di mana kita mengambil kira dua sistem yang ada pada hari ini, Sivil dan Syariah.

Saya hendak maklumkan bahawa sepuluh hari sudah, saya dan semua daripada kementerian telah pun berjumpa dengan Yang Amat Arif, Tan Sri Khairrose dan semua hakim yang ada di Mahkamah Sivil 8 untuk kita melihat. Itu adalah mahkamah keluarga yang pertama di Wilayah. Kita pergi lihat sama ada persekitaran yang kita minta supaya ada *counseling room*, ada rest room dan lain-lain diwujudkan. Memang sudah wujud di Mahkamah Sivil 8 dan kita harap bahawa mahkamah yang akan ditubuhkan di Jalan Duta dalam masa dua tahun kalau tidak salah saya akan merangkumi semua aspek secara fizikal Mahkamah Keluarga.

Selain daripada itu yang lebih mustahak ialah kita sedang cari jalan bagaimana hendak tentukan bahawa semua penghakiman yang dibuat di Mahkamah Syariah terutamanya dapat diimplementasikan kerana masalah utama sekarang ialah Mahkamah Syariah dijatuhkan hukuman, misal kata tentang nafkah tetapi *it's a paper tiger* sahaja maknanya.

Kita lihat bahawa, ini saya hendak salahkan siapa, saya tidak tahu lagi. Tetapi nampak gaya kalau dibandingkan dengan penghakiman di Mahkamah Sivil dan Syariah, Mahkamah Sivil orang takut lagi. Jadi di bawah satu jawatankuasa yang ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Datuk Rais dan ahlinya terdiri daripada saya sendiri, mewakili Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Datuk Hamid Zainal Abidin, Menteri

agama kita dan AG bersama-sama dengan semua pegawai yang berkaitan, kita sudah tubuhkan satu jawatankuasa antara kementerian, perkara ini telah pun diberi perhatian yang serius dan sekarang ini berada dalam keadaan yang saya harap dalam masa beberapa bulan akan dapat sesuatu berlaku terutamanya kita bukan hanya melihat Mahkamah Keluarga tetapi juga Undang-undang Keluarga Islam. Di mana kita dapati ada negeri ini dengan cara ini, negeri itu dengan cara itu, jadi kita hendak cari satu jalan penyelesaian.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu sama ada kementerian sedar, bahawa di Singapura, perkara perkahwinan dan cerai dan juga menuntut nafkah, ia boleh melalui Mahkamah Syariah ataupun melalui Sivil. Kalau Mahkamah Syariah tidak memberi, ia boleh pergi ke Mahkamah Sivil dan di Singapura, kalau di sini selalunya masalah yang di hadapan ialah si bapa tidak memberi nafkah, walaupun diperintah oleh mahkamah.

Dan wanita itu perlu pergi ke mahkamah lagi. Di Singapura, kerajaan akan mengarahkan majikannya atau bagaimana ia mesti membayar kepada kerajaan dan kerajaan membayarkan kepada isteri ataupun anaknya.

Sekiranya, dia tidak membayar, kerajaan yang mengambil tindakan terhadap sibapa, saya rasa kita boleh mengambil tindakan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat katakan tadi adalah di antara perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan dan di dalam perbincangan kita - kerana seperti mana Yang Berhormat sedia maklum isu syariah ini ia agak sensitif sedikit, jadi kita hendak cari jalan supaya semua sensitiviti diambil kira, tetapi kita lihat tentang implementasi. Walaupun ada *dichotomy* dalam undang-undang itu, sivil, sivilnya, syariah, syariahnya tetapi yang mustahak ialah implementasi.

Jadi, kemungkinan kita ada satu jentera implementasi yang mungkin sama dan yang mempunyai gigi itu, yang boleh seperti mana Yang Berhormat kata, supaya *whether the government is to enforce*, dengan izin, penghakiman itu ataupun majikan. Ini adalah salah satu daripada perkara yang telah diangkatkan di dalam mesyuarat ini. Ada banyak perkara yang merangkumi masalah yang dihadapi bukan hanya *divorce and marriages* untuk orang yang bukan Islam tetapi yang Islam sahaja. So, dengan izin, is a *comprehensive approach*. Saya amat berharap bahawa mungkin dalam masa 3 atau 4 bulan lagi mungkin perkara ini dapat diselesaikan sedikit sebanyak.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kelang, PKW negeri -ya, saya ingat mungkin saya sudah jawab soalan Yang Berhormat terutama tentang ibu tunggal, pelan strategik, kita telah pun mula untuk merancang bukan hanya untuk pelan strategik ini Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan bahawa pihak kementerian telah pun bersetuju untuk mengadakan another inter ministry of committee, di mana Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan bersama-sama akan duduk dengan kita mencari jalan untuk mewujudkan pelan strategik ini yang realistik, kerana saya memerlukan bantuan daripada kementerian yang lain kerana kalau kementerian ini, kita sendiri buat cadangan, rancangan tetapi tidak ada komitmen daripada kementerian lain memang perkara ini tidak boleh jalan.

Sebab saya hendak maklumkan bahawa setakat ini kementerian ini masih tidak ada apa lagi, even Domestic Violence Act bukan di bawah kita, implementation agency such as, dengan izin, tidak ada melainkan LPPKN dan JPW, dengan izin, mostly program base. Namun begitu setakat ini, saya rasa walau kita telah pun ditubuhkan hanya 20 bulan sahaja tetapi oleh kerana dapat kerjasama daripada kementerian-kementerian yang lain, maka dapatlah sedikit sebanyak kita mencatat kejayaan untuk wanita yang ada.

Saya pun rasa digalakkan oleh semua supaya menjalankan tugas dengan baik bersama-sama dengan pegawai-pegawai saya kerana saya nampak harapan begitu tinggi yang diletak di kementerian ini, kerana daripada soalan yang ditanya nampaknya semua isu berkenaan dengan wanita pada akhirnya will land at our, akan berakhir di kementerian ini untuk setidak-tidaknya memantau. Walhal pada hakikatnya kita tidak ada apa undang-

undang dan implementation agency tetapi insya-Allah dengan kerjasama yang ada, saya percaya bahawa harapan wanita tidak akan diabaikan.

Yang Berhormat bagi Batang Lupar, terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat pun selalu mengambil berat tentang isu wanita. Saya lihat Yang Berhormat tanya tadi tentang *execution order*, beberapa negeri itu, saya hendak minta kebenaran untuk beri sedikit maklumat tentang semua yang ditanya kerana ia membabit undang-undang. Boleh atau tidak saya hantar secara bertulis supaya Yang Berhormat tahu mana negeri undang-undang keluarganya, dia punya *execution order*, macam ini, di negeri lain tidak boleh dipakai. Boleh atau tidak Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, okey. Saya akan buat begitu. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi ada kata bahawa peruntukan undang-undang untuk menyelaras undang-undang syariah, tindakan dibuat oleh mahkamah sivil untuk memastikan wanita tidak teraniaya. Saya setuju dengan Yang Berhormat, jadi insya-Allah seperti mana kita kata, kita ada satu *inter ministry of committee* dan di bawah komiti itu dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais dengan baiknya, kita sedang meneliti, kita sedang membuat audit, juga undang-undang yang didapati mungkin secara tersirat mendiskriminasikan.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bahawa setakat ini walaupun apa mereka katakan di bawah kerajaan yang ada, pembangunan wanita, kebajikan wanita, perlindungan untuk wanita diberi keutamaan. Dan, saya lihat bahawa tidak banyak undang-undang yang mendiskriminasikan wanita, mungkin secara tersirat dan apabila kita dapat tahu – kita sudah pun mengenal pasti beberapa undang-undang dan ia akan memakan masa kerana pertamanya undang-undang itu tidak ada di bawah jagaan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Jadi, kita bawa di bawah jawatankuasa teknikal, *we have a technical working group* untuk undang-undang dan kita *identify* undang-undang dan telah pun dibuat dan satu demi satu daripada undang-undang itu terpaksa dihadapkan kepada kementerian yang terbabit. Jadi, untuk kementerian itu membawa kepada persetujuan Kabinet dan Kabinet akan bawa ke Parlimen.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya sebelum ini Yang Berhormat Menteri ada mencadangkan agar memberi satu visa secara automatik kepada wanita Malaysia yang berkahwin dengan lelaki asing jika mereka pulang untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Setakat mana respons, bagaimana, apakah respons Kementerian Dalam Negeri terhadap cadangan Yang Berhormat Menteri. Sebab bukan perkara ini sahaja saya nampak. Saya boleh nampaklah Yang Berhormat Menteri ada cuba berusaha tetapi bagaimanakah, sejauh manakah kerjasama yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri sebab banyak isu ini saya nampak ada kaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Apa responsnya berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah bahawa sebagaimana Yang Berhormat bagi Batu Gajah sedia maklum isu kewarganegaraan penduduk tetap, isu imigresen adalah isu yang paling sensitif selain daripada *gender sensitization*. Isu ini walaupun kita pada dasarnya telah pun dapat persetujuan Kementerian Dalam Negeri untuk menentukan bahawa suami kepada warganegara Malaysia harus diberi perhatian yang sewajarnya. Sebab kita minta bahawa hal itu setidak-tidaknya supaya dia punya *work visa* itu, visa pekerjaan itu dipermudahkan, setidak-tidaknya, supaya apabila kaedah-kaedah lain telah pun dapat ditunaikan maka dapat diberi, dapat diissue dengan taraf penduduk tetap.

Daripada maklumat yang kita dapat, ada banyak kes yang telah pun diberi perhatian yang positif sebab apabila mereka jumpa saya, saya beri surat sokongan atau telefon membantu mereka, mereka dapat. Ada juga kes-kes yang agak susah untuk dapat, jadi, saya akui mungkin perkara ini, *it will take a little bit of time because it's administrative procedure*. Jadi, saya boleh kata bahawa Kementerian Dalam Negeri mempunyai sikap yang positif, cuma implementasinya perlu dikemas kini sedikit sebanyak. Dan saya yakin

bahawa dengan ada lebih program *gender sensitization* yang lain insya-Allah bahawa prosedurnya akan dapat diperkemaskan.

Untuk Yang Berhormat bagi Tumpat, saya nampak Yang Berhormat tadi beri perhatian lebih kepada pembangunan keluarga. Memang betul Yang Berhormat. Pembangunan keluarga adalah antara agenda utama kementerian dan saya dapati bahawa pembangunan keluarga ini adalah salah satu daripada topik yang paling mencabar. Kalau kita cakap pasal institusi perkahwinan, *extended family, bigger family, single family*, seorang perseorangan, selepas itu kita hendak *promote* institusi keluarga yang stabil, yang sihat, harmoni dan berkekalan, kadang kala memang mencabar. Bukan mudah kerana ini mengambil kira beberapa faktor yang tidak senang untuk dikira.

Namun begitu, melalui LPPKN, kita menjalankan banyak program. Kalau Yang Berhormat hendak, mungkin boleh datang ke kementerian, kita boleh bagi program yang kita jalankan. Tumpuan akan diberi, insya-Allah Yang Berhormat, kepada pembangunan keluarga.

Yang Berhormat tanya tadi tentang keganasan terhadap wanita. Saya hendak jawab tadi, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun tanya, program keganasan terhadap wanita ini, kempen yang dibuat oleh kementerian adalah bersama-sama dengan NGO juga. Seperti mana Yang Berhormat tahu bahawa kementerian ini, kita punya *partner* dalam NGOs dan saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat bagi Seputeh, kita tidak pernah tanya pun dia ini orang mana, DAP kah, PAS kah, KeADILan kah atau mana. Last-last kita sudah bagi peruntukan, saya dapat tahu, Allah, ini rupanya orang kuat Teresa Kok ini [*Ketawa*] atau bagaimana, kita tidak tanya sebenarnya. Tidak tanya sebab kita tengok – inilah Kerajaan Barisan Nasional, Yang Berhormat bagi Seputeh, kita *very fair*. Kalau you buat kerja untuk pembangunan wanita dan keluarga, kita bantu you tetapi kita haraplah selepas itu you sokong kitalah kan, Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Jadi, saya hendak maklumkan bahawa untuk kempen Yang Berhormat, walaupun kita agihkan untuk NGOs, kita tidak boleh bagi semua untuk tangani NGOs kerana dengan izin, *we have to drive the campaign*. Jadi, NGOs *will* sambut *the campaign* ataupun bersama-samalah kita buat program ini. Kalau saya lepas tangan sahaja semua kepada NGO, mungkin ia tidak menepati kumpulan sasar ataupun *the bottom line* yang kita hendak capai.

Koleksi sumber tadi, Yang Berhormat bagi Tumpat, insya-Allah, saya pun minat dalam bidang ini dan seperti mana saya kata, saya harap kita akan dapat membina satu pusat sumber yang paling canggih. Itu untuk Yang Berhormat bagi Tumpat.

Untuk kes gadis yang dirogol itu, perkara ini masih di bawah siasatan pihak polis, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi sokongan kepada kementerian.

Untuk Yang Berhormat bagi Tanjong, *national family action plan*. Saya ingin maklumkan bahawa tahun sudah, kita telah pun mengadakan satu *family conference* yang besar-besaran dan di antara resolusi itu ialah untuk kita mengadakan satu *family action plan* tetapi oleh kerana perkara ini agak serius dan memerlukan *index study*, kalau ada *action plan, but what action plan* yang kita hendak buat? Kalau kita ada polisi, misal kata dengan famili, terutama untuk rakyat Islam, *what is the family policy* yang kita hendak cakapkan.

Jadi, kita kira bahawa *that is our goal* tetapi kita mesti ada penyelidikan, kita perlu berjumpa, berbincang, berwawancara dan macam-macam lagi dengan pakar-pakar dan pada akhirnya, barulah kita boleh ada *family action plan* but sementara itu, Yang Berhormat, kerja berjalan seperti biasa.

Yang Berhormat tadi ada menyatakan juga tentang keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, kes keganasan rumah tangga semakin meningkat, perlu banyak usaha untuk menangani masalah sosial. Ini saya rasa Yang Berhormat pun bersetuju dengan saya kalau saya katakan bahawa ini adalah tugas kita bersama. Semua orang mesti memainkan peranan untuk menentukan bahawa *violence* dan *gender insensitivity* yang lain, *gender inequality* bukan menjadi budaya di negara kita ini.

Untuk Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, *advocacy* dan undang-undang. Saya mengambil maklum apa yang Yang Berhormat kata. Pada hari ini kita ada *technical working group* untuk undang-undang. Mungkin *is not enough* tetapi kita mempunyai penasihat undang-undang walaupun yang ada pada hari ini telah keluar negara untuk buat Masters, jadi pada hari ini kita tidak ada penasihat undang-undang. Saya harap kita boleh dapat dengan secepat mungkin. Kita akan fikir dan *I'm decline to agree*, mungkin kita perlu ada kalau kita hendak kuat dalam pekerjaan kita. Kalau kuatnya unit *advocacy* dan undang-undang ini, mungkin kita akan dapat jalankan kerja-kerja dengan baik. Tetapi buat sementara waktu, kita ada penasihat undang-undang dan kita ada jawatankuasa teknikal di mana kita bekerjasama dengan pakar-pakar perundangan dalam kerajaan dan luar kerajaan untuk kita bersama-sama ada *action plan* untuk undang-undang yang ada. Analisis...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ya, saya.

Puan Chong Eng: Saya rasa ini adalah penting kerana untuk membawa perubahan, undang-undang dan *advocacy* adalah salah satu bidang yang mesti dibuat dan mesti dilaksanakan. Saya rasa ada NGO wanita yang boleh membantu seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Tanjong bahawa Sexual Harassment Act pun telah dibuat oleh NGO dan dikemukakan oleh Kementerian dan ini sudah menyenangkan kerja dan juga mengenai akta-akta yang lain. Saya rasa di bawah Kementerian Yang Berhormat perlu ada satu unit khasnya untuk melihat undang-undang yang berhubungan dengan kepentingan wanita kerana *technical group* itu saya rasa ialah untuk semua Kementerian. Saya rasa ini adalah satu pekerjaan yang sungguh penting. Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh dapat peruntukan untuk kerja ini.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Sebagai seorang bekas peguam, saya sendiri meletakkan isu perundangan sebagai *the top priority*, malah di dalam kita menjalankan tugas di Kementerian, dengan izin, *we have three prompt approach*.

Pertama, kita lihat semua undang-undang polisi dan peraturan kerajaan yang ada. Keduanya, kerjasama kita dengan NGO tentang isu-isu kesedaran *advocacy* dan lain-lain di mana kita turun ke akar umbi. Ketiga, kita sedang membangunkan program kita sendiri. Inilah cara kita bekerja pada hari ini, *three prompt approach* dan *top of the list* ialah perundangan.

Saya nampak bahawa *in each day*, nampak adanya keperluan kita memperluaskan, kalau tidak ada unit pun, setidaknya-tidaknya untuk memperluaskan perkhidmatan dari segi perundangan itu.

Bagi menjawab isu tentang analisis *budget gender* itu, saya hendak maklumkan bahawa kertas Kabinet telah diedarkan. Kita telah siap kertas kabinet, diedarkan sekarang ini dalam edaran untuk ulasan Kementerian dan agensi terlibat dan untuk kelulusan, saya akan bawa ke Kabinet.

Dalam analisis *budget gender* yang dijalankan sebagai projek perintis yang kita syorkan ialah di Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kesihatan sebaik sahaja diluluskan. Pakar-pakar luar negara dan tempatan akan memberi nasihat dan panduan dalam menjalankan analisis tersebut. Jadi, perkara ini kita sudah banyak kali bincang, kita sudah ambil tindakan. Jadi, mungkin apabila kita dapat kelulusan Kabinet, saya akan maklumkan.

Peruntukan kecil undang-undang untuk kesaksamaan *gender*, pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga, undang-undang gangguan seksual, saya nampak Yang Berhormat paling minat sekali ialah isu *gender sensitization*. Saya hendak maklumkan bahawa di antara program utama dalam *gender sensitization* yang akan diadakan pada tahun depan ialah bersama-sama semua Ahli Yang Berhormat sama ada di Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Dewan Undangan Negeri.

Jadi, modul itu sedang kita rangka dan saya rasa mungkin dalam bulan Januari atau Februari akan kita mulakan kursus *gender sensitization* ini bersama-sama dengan wakil-wakil rakyat yang ada.

Untuk Akta Gangguan Seksual, di dalam perhatian. Kita telah memberi input, kita sudah dapat apa yang telah diberi oleh JACK, Yang Berhormat bagi Tanjong, dan oleh kerana apa jua yang kita buat, Yang Berhormat, kita hendaklah berhati-hati, *you know, we are taking a cautious tend*, dengan izin, terutama di dalam mewujudkan perundangan yang baru dan insya-Allah, saya hendak katakan bahawa perkara ini di dalam perhatian. Saya rasa mungkin Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, jawapan *mostly* sudah.....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *Which one?* Ya, ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tadi ada tanya tentang 040200 – Latihan Gender. Siapakah sasarannya dan bagaimana latihan ini dijalankan pada waktu sekarang?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Buat permulaan, selain daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan izin, *they not really need that much, not all, you know*, mungkin *one or two*. Tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat.... mungkin pilih Ahli-ahli Yang Berhormat bukan kerana apa tetapi kerana Ahli-ahli Yang Berhormat adalah pemimpin tempatan. Sebab itu yang kita akan mulakan bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dan selain daripada itu, kumpulan sasar kita ialah pemimpin-pemimpin, mereka yang di dalam jawatan membuat keputusan sama ada dalam kerajaan ataupun di luar kerajaan.

Kadang kala Yang Berhormat, kita ini asyik cakap *what is it the kerajaan* hendak buat. Dengan izin, saya hendak tanya, *what about private sector and* tempat-tempat lain? Jadi, kita dalam kumpulan sasar kita, saya nampak sebenarnya Yang Berhormat, kerajaan *is very gender sensitive*. Dia *very gender sensitive*. Saya takut orang lain ini yang tidak *gender sensitive* ini. Tetapi, insya-Allah, kita tahu kita sudah teratur, kita sudah hendak masuk dua tahun. Tahun pertama, kita bina kaki yang pertama, tahun kedua, kita bina kaki yang kedua. So insya-Allah, *we should be on stronger footing* kerana sistemnya *is already* dengan izin *in place*. Akhir sekali, tidak salah saya daripada Yang Berhormat bagi Sipitang. Sipitang, di antara.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Seputeh, okey, okey, last sekali Seputeh okey. Kawan di Wilayah Persekutuan. Yang Berhormat bagi Sipitang tadi tanya tentang pendidikan seks. Saya hendak difahamkan bahawa isu ini telah pun sedang diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Pendidikan terutama di dalam silibus di sekolah-sekolah. Jadi, mungkin saya tidak akan bercakap lanjut, cuma saya hendak maklumkan bahawa di kementerian, melalui LPPKN dan program kesihatan kita "..... Sejahtera", kita membantu di dalam pendidikan, kursus-kursus kekeluargaan dan juga kursus kesihatan kita "..... Sejahtera, Sihat Dan Segak" di mana kita memberi perkhidmatan *breast cancer examination* dan juga untuk *pap smear*. Jadi, LPPKN sudah lama dah buat program ini Yang Berhormat. Mungkin di kawasan Yang Berhormat, kita akan turunkah selepas ini kalau Yang Berhormat rasa perlu diperluaskan.

Okey, akhir sekali Seputeh. Kuala Selangor saya ingat. *No, I think* Seputeh, saya bagi *last* sekali, ya. Kuala Selangor saya ingat sudah okey "Semakin Hari Semakin Sayang". Yang Berhormat, terima kasih kerana menunjukkan tauladan yang baik, ya. Saya akan tentukan bahawa program ini dapat dijalankan di Kuala Selangor dengan sebaik mungkin. Terima kasih di atas galakan yang diberikan kepada kami semua dan sepertimana yang saya katakan tadi, saraan hidup untuk ibu tunggal pada masa ini tidak mampu kita beri di kementerian sebab kita tidak ada peruntukan.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Cuma satu sahaja soalan saya tadi, adakah kementerian hendak mengadakan kursus kekeluargaan dan Kuala Selangor menawarkan dirilah dan dijadikan contoh, terima kasih dan juga menteri sendiri akan datang merasmikan. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, kita akan adakan selepas raya ini kursus di Kuala Selangor dan satu *team* yang kita minta pergi ini Tuan Pengerusi, saya pun turun dan satu *team* daripada kementerian

akan turun bersama-sama Yang Berhormat seorang suami dan bapa mithali. Terima kasih Yang Berhormat.

Okey last sekali, Yang Berhormat bagi Seputeh. Yang Berhormat, bagi menjawab soalan Yang Berhormat *first, on* PAKK Yang Berhormat ya, sebelum yang.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh punya banyakkah?

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada. Sudah habis dah, *last* dah. Saya pun tidak mahu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh punya kalau banyak, boleh beri jawapan bertulis.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Tersenyum*]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Yang Berhormat, cuma dua perkara. PAKK sepertimana Yang Berhormat tahu, *one stop center* di bawah Kementerian Sumber Manusia. Kerajaan juga memberi pelepasan cukai bangunan 1.10 daripada kos bangunan setahun kepada majikan yang menubuhkan PAKK. Untuk rumah kos rendah Yang Berhormat, sepertimana yang saya kata, sesiapa sahaja yang memenuhi kaedah, akan diberikan. Itu sahaja. Kita, kerajaan Barisan Nasional yang berprihatin dan berperikemanusiaan, *no politicking* insya-Allah. Kementerian pada kabinet yang lalu, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah pun diberi mandat untuk menyediakan kaedah-kaedah tentang polisi yang baru ini dan kita akan bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta DBKL untuk kita memberi garis panduan untuk polisi yang terbaru ini, yang membabitkan ibu tunggal yang harus diberi *priority* dalam pengagihan rumah kos rendah ini. Jadi, itulah sahaja saya rasa.

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: *One last one*, ya.

Puan Chong Eng: *One, last one.*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Syarat untuk mendapat perumahan kos rendah ini, untuk ibu tunggal ialah RM600. Tetapi, biasa di Pulau Pinang ialah sesiapa yang pendapatan keluarga lebih rendah daripada RM2,500 boleh memohon untuk mendapat satu perumahan kos rendah. Jadi, mengapa syarat ini begitu ketat, lebih ketat daripada biasa? Jadi, saya dapati ini tidak munasabah kepada ibu tunggal.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Saya akan bawakan perkara ini apabila kita mengadakan mesyuarat pertama. Sebab minggu sudah baru Kabinet mengarahkan kementerian untuk menyediakan kaedah ini dan saya akan bawa perkara ini ke mesyuarat itu. Jadi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, apa yang tidak jawab lagi ini, apa.....

Puan Fong Po Kuan: Saya ada satu soalan.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Okey, okey, *one last one*. Seputeh, saya ingat saya sudah jawab dah semua. Kemudian, saya selalu jumpa Yang Berhormat, boleh jawab you punya soalan. Yang lain, Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat tadi, ada bangkitkan berkenaan.....apakah sama ada kementerian telah ada cadangan untuk mengisi tempat Timbalan Menteri?

Sebab saya percaya, kalau lebih wanita dalam kementerian atau memegang jawatan membuat dasar, lebih kuat suara lagi bagi wanita, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Puan Fong Po Kuan: Saya sokonglah kalau Yang Berhormat bagi Klang dipilih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Ooh, DAP minat, ya. *[Ketawa]* Kalau DAP minat, yang mana satu Perdana Menteri hendak pilih ini, susah tiga-tiga ada dah. Yang Berhormat, perkara ini adalah bukan di bawah bidang kuasa kementerian tetapi, ini adalah hak Perdana Menteri dan saya percaya bahawa Perdana Menteri mendengar seruan semua dan mungkin dalam masa yang terdekat, mungkin kita dapat. Tetapi, itu adalah hak dan *prerogative* Perdana Menteri. Jadi, itulah sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM90,850,700 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM90,850,700 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM8,200,200 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2003 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,200,000 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2003.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.58 malam.

